

Jilid III
Bil. 18

Hari Selasa
20hb Julai 1993



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3987]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4100]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 1993
[Ruangan 4102]

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan**
[Ruangan 4183]



20HB JULAI 1993

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

**Kereta Proton—Pembelian daripada Institusi Kewangan
—Y.B. Tuan Kerk Kim Hock (Pasir Pinji)
[Ruangan 4204]**

**Projek Tebatan Banjir Sungai Kelang
—Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Kelang)
[Ruangan 4209]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi)

" Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor)

" Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat)

" Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai)
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerloh)
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah)
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut)
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei)
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi)
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas)
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut)

" Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab)

" Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar)

" Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam)

" Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

" Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol)

" Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah)

" Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

" Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa)

" Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau)

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub)

" Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri)

" Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri)

" Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping)

- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tengah)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat)

" TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan)

" DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing)

" TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang)

" TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut)

" DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu)

" TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar)

" DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus)

" DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

" TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa)

" DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

" TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru)

" TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh)

" TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang)

" DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu)

" DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu)

" TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun)

" TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai)

" DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat)

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang)

- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang)
- " TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok)
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam)
- " TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar)
- " TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " DR V. DAVID (Puchong)
- " TUAN FONG KUI LUN (Klang)
- " TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah)
- " TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau)
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera)
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh)
- " TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai)
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah)
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani)
- " LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu)
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu)
- " TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar)
- " DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin)
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu)
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit)
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau)
- " TUAN KANG CHOW OH (Kluang)
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong)
- " TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji)
- " DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya)
- " TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan)
- " TUAN LAU DAK KEE (Ipoh)

Yang Berhormat TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu)

- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh)
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka)
- " TUAN LIM HOCK SENG (Bagan)
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong)
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai)
- " DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut)
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam)
- " TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud)
- " DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang)
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan)
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas)
- " DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran)
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri)
- " TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai)
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru)
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah)
- " DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang)
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam)
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran)
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang)
- " TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit)
- " DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun)
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis)
- " TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan)
- " DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu)
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau)
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor)
- " DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading)
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal)
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas)

Yang Berhormat PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam)

- " Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian)
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong)
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong)
- " TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang)
- " DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang)
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau)
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching)
- " PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- " TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas)
- " TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan)
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman)
- " TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi)
- " DR TAN SENG GIAW (Kepong)
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau)
- " TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong)
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar)
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar)
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat)
- " WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh)
- " TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang)
- " TUAN WONG WING ON (Kampar)
- " TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru)
- " DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu)
- " TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang)
- " TUAN WONG WING ON (Kampar)
- " TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai)
- " TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru)
- " TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau)
- " TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban)
- " TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong, Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Md. Yusop

PELAPOR BERBAHASAN PARLIMEN

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 20hb Julai, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SUKAN SEA KE-17 DI
SINGAPURA—PRESTASI

1. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) Adakah Kerajaan berpuashati dengan prestasi ahli-ahli sukan kita di Sukan Sea Ke-17 yang berlangsung baru-baru ini;
- (b) Apakah rancangan Kerajaan selanjutnya untuk memperbaiki lagi mutu atlit-atlit negara; dan
- (c) Bagaimana pula dengan persiapan-persiapan kita untuk mengambil bahagian di dalam Sukan Komanwel tahun 1998, supaya Malaysia sebagai tuan rumah akan mempersembahkan ahli-ahli sukan yang bermutu tinggi dan dapat mengikis imej 'Jaguh Kampung' selama ini.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Haji Annuar bin Musa]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan berpuashati dengan prestasi

ahli-ahli sukan yang telah mengambil bahagian dalam Sukan Sea Ke-17, yang berlangsung di Singapura baru-baru ini. Di temasya tersebut kontinjen negara telah berjaya memperolehi 43 pingat emas, 45 pingat perak dan 65 pingat gangsa. Jumlah keseluruhan pingat yang diperolehi ialah sebanyak 153 pingat.

Harus disebutkan di sini bahawa Malaysia telah merangkul sebahagian besar daripada pingat dalam acara olahraga dan pada masa yang sama telah memecahkan 9 rekod kebangsaan dan 5 rekod kejohanan.

Dalam acara bowling pula separuh daripada jumlah pingat yang dipertandingkan telah dimenangi oleh atlit negara kita. Pencapaian ini yang diperolehi bagi peryertaan di Singapura adalah lebih baik daripada peryertaan kita dalam acara Sukan SEA di Manila dalam tahun 1991, di mana hanya 36 pingat emas diperolehi. Pencapaian ini juga merupakan pencapaian terbaik yang pernah dicapai oleh negara kita dalam Kejohanan Sea Games yang diadakan di luar daripada Malaysia.

Skuad negara sebenarnya boleh mencapai kecemerlangan lebih tinggi, tetapi terhalang kerana masalah-masalah tertentu yang sedang diberi perhatian oleh Kerajaan, iaitu:-

- (i) terlalu banyak acara-acara sukan mempertahankan diri yang menimbulkan kontro-

vesi dalam sistem pengadilan dan ini telah berlaku di Manila dan berulang kali di Singapura.

- (ii) pengurusan pasukan sepatutnya boleh dipertingkatkan lagi dengan perlantikan pengurus-pengurus sepatutnya dilakukan lebih awal daripada biasa. Begitu juga dengan penggunaan kaedah-kaedah yang lebih saintifik harus dipertingkatkan oleh kontinjen negara.

Rancangan-rancangan Kerajaan yang selanjutnya untuk mempertingkatkan kemajuan sukan dalam negara telah pun dirangka.

Kementerian Belia dan Sukan telah pun menyiapkan suatu blueprint jangka panjang yang baru bagi mempertingkatkan prestasi atlit menjelang tahun 2000. Kementerian juga telah merangka satu program khas bagi 11 acara sukan yang akan disertai oleh negara dalam Sukan Komanwel yang akan datang, dan akan disokong dengan Skim Berkembar di mana periyertaan sektor swasta akan turut menyokong ke arah menyiapkan atlit yang lebih berwibawa menjelang tahun 1998.

Kementerian juga memperkenalkan suatu langkah untuk memberi penekanan yang baru kepada acara-acara sukan yang baru selain daripada acara-acara sukan yang tradisi. Acara-acara seperti gimnastik, menembak dan sebagainya akan diberikan penekanan dengan secara lebih menyeluruh.

Kerajaan juga sedang menjalankan galakan dan usaha bagi membolehkan penguasa tempatan, sekolah-sekolah dan

Kerajaan Negeri membina prasarana-prasarana tambahan untuk jenis-jenis sukan yang baru.

Skim Kejurulatihan juga sedang dipertingkatkan dan Majlis Sukan Negara juga telah diarahkan untuk mempergiatkan usaha membantu Persatuan-persatuan Sukan agar menjalankan perancangan pembangunan sukan secara yang lebih teratur. Usaha-usaha untuk memperkemarkan jentera pentadbiran Persatuan Sukan juga sedang dijalankan oleh Majlis Sukan Negara.

Bagi soalan (c):

- (i) persiapan-persiapan khas untuk mengambil bahagian dalam Sukan Komanwel tahun 1998, bagi memastikan Malaysia sebagai tuan rumah mempersembahkan prestasi yang cemerlang telah pun juga dilaksanakan dengan giatnya. Semua persatuan-persatuan sukan yang berkenaan telah diminta supaya menyusun semula organisasi mereka dengan menumpukan kepada peningkatan prestasi para atlit dan keberkesanan persatuan masing-masing.
- (ii) acara-acara di mana Malaysia berkemungkinan mendapat pingat emas telah pun dikenal pasti dan rancangan-rancangan penyusunan dan pelaksanaan ke arahnya telah pun mula dijalankan.
- (iii) jurulatih-jurulatih asing dan tempatan telah pun dikenalpasti dengan kerjasama negara-negara sahabat di

mana jurulatih-jurulatih akan didatangkan daripada negara-negara tertentu. Atlit-atlit muda juga telah dikenalpasti daripada sekarang di peringkat sekolah lagi dan program latihan yang khusus untuk mereka sedang disediakan. Kemudahan-kemudahan latihan juga telah pun ditentukan di mana beberapa sekolah dan kelab di seluruh negara telah dikenalpasti untuk diwujudkan sebagai pusat-pusat cemerlang.

Pengurus-pengurus Projek bagi 11 acara sukan juga telah dilantik oleh Majlis Sukan Negara dan mereka akan memulakan tugas tidak berapa lama lagi.

Program Khidmat Sokongan Sains Sukan dan penubuhan Institusi Sukan Negara telah pun dimulakan. Jawatankuasa petugas mengenai perancangan latihan Sukan Komanwel telah juga terbentuk dan telah pun mula menjalankan tugas-tugas mereka masing-masing.

Demikian sebahagian daripada acara-acara yang telah pun disusun. Adalah diyakini dengan kerjasama Kerajaan, persatuan-persatuan dan sektor swasta melalui twinning programme, langkah-langkah menyediakan atlit yang berwibawa akan dapat dijalankan dengan teratur dan berkesan. Terima kasih.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Malaysia mempunyai penduduk sebanyak lebih kurang 19 juta orang dan negara Singapura pula mempunyai penduduk lebih kurang 2 juta orang. Adakah Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan

berpuas hati bahawa dari segi pungutan pingat-pingat kita adalah di bawah Singapura; kalau tidak, apakah langkah-langkah untuk memperbaiki prestasi yang akan datang?

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-pertua, kita berpuashati kerana prestasi kita adalah baik berbanding dengan Singapura yang menghantar kontinjen yang lebih besar. Untuk makluman Dewan ini kontinjen Malaysia adalah kontinjen yang paling kecil berbanding dengan kontinjen negara Indonesia, Thailand, Filipina dan lebih kecil daripada kontinjen Singapura. Ini adalah kerana biasanya tuan rumah telah mengaturkan acara-acara yang mereka boleh menyertainya tetapi belum tentu boleh disertai oleh negara kita sendiri. Di Singapura baru-baru ini banyak acara-acara sukan yang tidak disertai oleh kontinjen Malaysia. Peratusan pencapaian kita adalah lebih baik.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hampir sedekad lalu saya pernah terbaca, apabila pihak Rusia atau Soviet Union pada ketika itu hendak melatih perenang handalan mereka, mereka latih anak yang baru keluar daripada rahim ibu mereka, dicampak terus ke sungai menjadi "water baby", kata mereka. Tujuannya ialah untuk melatih anak-anak itu supaya acquainted dengan water dengan begitu awal sekali.

Jadi, konsep anak muda dan belia sebagaimana Yang Berhormat Menteri bercakap tadi ialah relatif. Macam gymnis kita, 16 tahun kita kata muda, pada hal orang lain 12 tahun dia sudah jadi pemenang ataupun jaguh dunia. Dalam keadaan yang demikian, adakah pihak Kementerian membuat satu cadangan dan merangka semula supaya anak muda sebagai atlit dilatih daripada

awal lagi daripada muda yang dikatakan muda sekarang. Mungkin daripada umur 6 tahun untuk menjadi gymnast dan untuk menjadi jaguh badminton pun mesti awal lagi. Jadi, macam manakah infrastruktur dan aturan ataupun rangka tindakan supaya yang betul muda itu sebanding dengan muda yang dikatakan di negara-negara lain?

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, apa yang dijalankan oleh negara kita juga sebenarnya serupa dengan yang dijalankan di negara lain. Misalnya, untuk acara gimnastik kita mula melatih di peringkat umur 6 tahun, 7 tahun dan 8 tahun lagi. Tetapi bagi acara lain seperti olahraga, ia mulakan di peringkat umur yang lebih dewasa. Tetapi saya memang bersetuju bahawasanya untuk mempertingkatkan prestasi kita, penekanan yang lebih kepada latihan di peringkat umur muda itu harus dipertingkatkan dan inilah yang akan kita lakukan di mana penubuhan 'pusat-pusat cemerlang' akan ditumpukan di sekolah-sekolah rendah dan menengah seluruh negara agar peluang untuk atlet muda di peringkat bangku sekolah lagi boleh menyertai dalam program pembangunan sukan negara.

SISTEM SARAAAN BARU— PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

2. Tuan Foo Piew Kok minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementeriannya sedar bahawa sistem penilaian prestasi perkhidmatan awam untuk pergerakan gaji tahunan telah menimbulkan keresahan dan rasa tidak puas hati di kalangan 800,000 pegawai dan kakitangan Kerajaan. Oleh yang demikian, adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak semula sistem tersebut

dan jika ya, adakah langkah yang lebih berkesan dan adil dikenalpasti, dan jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, sistem pergerakan gaji di bawah SSB telah dilaksanakan buat pertama kalinya mulai awal tahun 1993 ini, tetapi pergerakan gaji itu masih diasaskan daripada sistem penilaian prestasi lama. Oleh yang demikian, sedikit masalah telah wujud yang merupakan masalah sementara dalam proses peralihan antara sistem lama dengan sistem baru.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya, Sistem Penilaian Prestasi baru bagi anggota perkhidmatan awam juga telah diperkenalkan mulai tahun 1993 dan akan digunakan untuk urusan kedudukan gaji bagi tahun-tahun hadapan. Sistem baru itu yang digubal dengan cermat dan mengambilkira semua aspek supaya penilaian ke atas anggota-anggota perkhidmatan awam menjadi lebih kemas, objektif dan sistematik dan dipercayai akan dapat memuaskan hati anggota-anggota perkhidmatan awam di dalam urusan-urusan pergerakan gaji tahunan yang akan datang.

Dengan penjelasan yang di atas, maka Kerajaan belum bercadang untuk menyemak semula sistem pergerakan gaji tahunan dan sistem penilaian prestasi baru yang telah diperkenalkan. Ini disebabkan Kerajaan berpuashati dan berkeyakinan penuh bahawa sistem-sistem baru yang diperkenalkan itu adalah sistem yang paling baik dan berkesan bagi anggota-anggota perkhidmatan awam di negara kita.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin

tahu adakah Kerajaan sedar bahawa jadual gaji matriks di bawah Sistem Saraan Baru yang diperkenalkan pada tahun 1993 adalah satu sistem yang mewujudkan berbagai masalah jika dibandingkan dengan sistem cara yang lama. Bukan sahaja pekerja-pekerja amnya tidak berpuashati tentang jadual gaji metrik di bawah SSB ini malahan pihak-pihak pekerja pun telah membantah dengan sekeras-kerasnya kepada JPA dan juga Kerajaan. Saya ingin tahu apakah pendirian Kerajaan berhubung dengan bantahan yang telah disampaikan oleh pihak pekerja secara rasminya kepada Kerajaan?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan bahawa tidak timbul masalah yang besar seperti yang saya katakan tadi, bahawa proses peralihan di antara sistem yang lama dengan sistem yang baru, bahkan unjuran sistem ini daripada penerimaan kakitangan Kerajaan, saya rasakan bahawa ia terlalu tinggi dan telahpun diterima oleh Kerajaan. Bantahan-bantahan itu yang boleh dibuat terus kepada Kerajaan dalam bentuk anomali, dan Kerajaan masih menimbang soal itu.

Jadi, saya hendak mengatakan bahawa sistem gaji matriks yang disebutkan itu dibahagi kepada empat perkara—sistem melintang, menegak, mendatar dan statik. Ini bergantung kepada penilaian Ketua Jabatan dan jika sekiranya ada keraguan penilaian dibuat sepanjang tahun dari Ketua Jabatan, maka seseorang itu bolehlah merujuk kepada Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji. Jika ada kesangsian, maka seseorang pegawai itu boleh merujuk ataupun membawa kesnya itu untuk dinilai pula oleh satu badan lain yang dipanggil PPG. Ini bagi memastikan

bahawa penilaian atau pengiraan itu akan dapat memuaskan hati semua pihak dalam pentadbiran Kerajaan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan yang mengatakan bahawa sistem SSB ini yang terlalu subjektif, yang terlalu rahsia untuk memberi peluang kepada pekerja-pekerja untuk membentangkan rayuannya dan berbagai-bagai masalah telah timbul. Adakah kenyataan ini betul? Kalau betul, mengapa apabila melaksanakan SSB ini pada mulanya tidak dikaji dengan begitu mendalam sehingga telah menimbulkan masalah ini. Adakah ini kelemahan daripada JPA apabila melaksanakan SSB yang baru ini?

Mengapa borang yang baru telah dikeluarkan pada tahun ini berbanding dengan borang yang lama untuk menilaikan pencapaiannya?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, tentang borang, pertamanya tadi saya telah menyebutkan bahawa urusan penilaian yang lama itu dijalankan pada tiap hujung tahun. Sistem lama, menilai seseorang kakitangan itu pada penghujung tahun tetapi dalam SSB sekarang ini Kerajaan atau Ketua Jabatan menilai seseorang pegawai atau Kakitangan itu sepanjang tahun. Dengan sebab itulah Kerajaan harus mengemukakan atau mengeluarkan borang baru bagi membolehkan ianya boleh digunakan sepanjang masa. Ini perbezaan yang jelas yang boleh disebutkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa memang SSB dijalankan setelah kajian mendalam dan lama dibuat oleh Kerajaan, oleh JPA

melalui Ketua Setiausaha Negara, bukannya Setiausaha Negeri tetapi Ketua Setiausaha Negara yang menjalankan kegiatan ini dan dengan sebab itu, saya menyatakan memangnya satu urusan baru dalam perkhidmatan Kerajaan pada peringkat permulaannya agak menyulitkan. Saya hendak mencadangkan supaya Yang Berhormat boleh membaca Pekeliling Perbendaharaan Bil.4 Tahun 1992 yang tebal dan jelas. Saya tidak mahu bacalah, dan Yang Berhormat boleh lihat di sini, segala-segalanya ada terdapat dan mungkin Yang Berhormat akan dapat menilai sendiri tentang semua kegiatan yang dijalankan oleh Ketua Jabatan, JPA dalam menilai pencapaian seseorang pegawai dan kakitangan Kerajaan.

**PEKERJA TEMPATAN—
PENGENEPIAN OLEH
MAJIKAN**

3. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah punca yang menyebabkan 50 kes majikan membuang pekerja tempatan dan digantikan dengan pekerja asing seperti yang dinyatakan oleh Jabatan Buruh dalam media massa tempatan 18hb. Jun lalu; dan

- (a) sila jelaskan majikan dari sektor mana;
- (b) perbezaan gaji antara pekerja tempatan dan asing;
- (c) adakah usaha untuk menyelamatkan mereka yang terbabit; dan
- (d) langkah mencegah perkara tersebut dari berulang.

35. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada beliau sedar masalah pekerja-pekerja tempatan dalam sektor-sektor tertentu

yang mana gaji mereka masih rendah tanpa kenaikan sejak langkah membenarkan pengambilan pekerja-pekerja asing. Jika benar, apakah langkah-langkah yang Kerajaan ambil untuk membantu dan melindungi pekerja tempatan. Juga dinyatakan sama ada Kementeriannya sedar tentang permainan setengah-setengah majikan yang sengaja membesarkan angka kekosongan jawatan dengan tujuan untuk membawa masuk lebih ramai pekerja asing dari yang diperlukan dan bagaimanakah Kementeriannya menyekat kegiatan tidak jujur ini.

27.7.93

16. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:—

- (a) berapa orang majikan telah dikenakan tindakan oleh kerana didapati menggantikan pekerja tempatan dengan pekerja asing yang dibayar gaji lebih rendah; dan
- (b) apakah jenis tindakan yang diambil dan berapa orang pekerja tempatan yang telah kehilangan kerja oleh kerana perbuatan majikan mereka dengan pekerja asing.

29.7.93

22. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah kes-kes yang berlaku di mana majikan-majikan memberhentikan pekerja-pekerja tempatan semata-mata untuk digantikan dengan buruh asing. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap majikan-majikan yang bersikap demikian.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri ini bersekali dengan soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sungai Besi pada hari ini, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Panji pada 27hb. Julai, 1993 dan Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai pada 29hb. Julai, 1993, memandangkan kesemua soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, laporan akhbar yang dikeluarkan pada 18hb. Jun, 1993 sebenarnya merupakan kesilapan pihak akhbar berkenaan di dalam memberi tajuk bagi berita tersebut.

Perkara yang sebenarnya ialah pihak Kementerian ada menerima 50 aduan tentang penyelewengan yang dilakukan oleh pihak majikan di dalam penggajian pekerja asing. Daripada jumlah ini, hanya 10 kes yang menyentuh masalah pengenejian pekerja-pekerja tempatan. Kesemua aduan tersebut telah disiasat dan dari siasatan yang dijalankan, Kementerian ini mendapati tiada asas yang kukuh untuk menyokong dakwaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan mengenai penggajian pekerja asing pada umumnya adalah jelas iaitu ianya merupakan langkah jangka pendek untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja dalam sektor-sektor ekonomi tertentu. Dasar ini juga memastikan penggajian pekerja asing tidak akan menjejaskan hak rakyat Malaysia terhadap peluang-peluang pekerjaan dan oleh itu pengambilan pekerja asing adalah tertakluk kepada

kriteria dan syarat-syarat yang ketat iaitu majikan-majikan hanya akan dibenarkan menggaji pekerja asing selepas mereka dapat membuktikan usaha-usaha telah diambil untuk mendapat pekerja tempatan tetapi tidak berjaya. Sejak Jawatankuasa Penggajian Buruh Asing ditubuhkan, sejumlah 285,362 pekerja asing telah dipohon, tetapi hanya 138,467 pekerja sahaja yang diluluskan.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia sedang menggubal satu Rang Undang-undang yang bernama, dengan izin, "Employment of Foreign Persons Act" untuk memastikan kepentingan pekerja tempatan tidak tergugat oleh kehadiran buruh asing. Selain dari itu, Akta ini juga akan mengawal dan menyelenggarakan penggajian buruh asing di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gaji, perlu saya jelaskan bahawa penetapan kadar gaji di negara ini adalah dipengaruhi oleh kuasa pasaran, dengan izin, market forces, dan kebijaksanaan Kesatuan Sekerja merundingi kadar kenaikan gaji di dalam proses perjanjian bersama. Adalah kurang tepat untuk mengatakan bahawa kadar gaji pekerja di negeri ini adalah rendah disebabkan oleh kehadiran pekerja asing.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai aduan yang spesifik bahawa ada pihak majikan tertentu yang memberi keutamaan kepada pekerja asing, sila laporkan kepada Kementerian saya. Saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya, sekiranya perlu. Kementerian Sumber Manusia akan menarik balik kelulusan untuk menggaji pekerja asing oleh mana-mana pihak majikan yang tidak mengutamakan hak-hak pekerja tempatan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah tindakan tegas yang telah diambil oleh pihak Kementerian Sumber Manusia ke atas pekerja-pekerja yang dibenarkan dibawa masuk, tetapi bekerja tanpa permit kerja? Dan juga termasuk mereka yang sedang ditahan di pusat tabanan, yang tidak ada permit kerja, apakah cara yang telah diatasi oleh pihak Kementerian bagi mereka yang ditahan? Dan apakah tindakan yang diambil kepada mereka yang sedang bekerja tanpa permit kerja?

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya ingin tahu berapa ramaikah pekerja-pekerja ini yang berdaftar dan yang ada permit telah membayar yuran yang telah dikenakan levi, yang dikenakan ke atas pekerja-pekerja asing? Dan berapakah jumlah ataupun kalau tidak dapat jumlah secara tepat, sekurang-kurangnya peratusan yang tidak membayar levi pekerjaan di sini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak berkaitan dengan Kementerian saya. Saya minta Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mengemukakan soalan ini kepada Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijawab oleh Timbalan Menteri tadi, saya ada juga menerima aduan beberapa pekerja kilang terutama wanita di daerah Kepong iaitu 6 bulan mereka bekerja tetapi mereka tidak dibayar caruman kepada EPF, mereka cuba mengadu kepada pihak majikan. Pihak majikan itu berkata: "Kamu sila keluar pintu, kerana pekerja Bangladesh sedang menunggu di luar sana."

Permasalahan ini yang berlaku di dalam kilang sekarang. Dengan wujudnya pekerja asing yang begitu ramai, pihak majikan menggunakan pekerja asing untuk mengugut pekerja tempatan, kalau mereka menuntut habuan-habuan mereka yang setimpal dengan Undang-undang Buruh yang ada di Malaysia. Dan saya akan memberi nama kilang itu, kerana saya tidak membawanya pada hari ini, saya akan memberi secara spesifik. Saya minta pihak Timbalan Menteri menjelaskan bagaimana untuk mengatasi masalah ugutan pihak majikan kepada pekerja tempatan kerana bila mereka menuntut sesuatu perkara untuk faedah mereka, mereka ugut: "Sila keluar! Pekerja Bangladesh menunggu di luar pintu."

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli yang berkenaan adalah spesifik. Saya minta berikan nama-nama syarikat yang terlibat, Kementerian saya boleh mengambil tindakan.

BAJA SUBSIDI KEPADA PENANAM PADI—JUMLAH PERBELANJAAN

4. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah:—

- (a) jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membekal baja-baja subsidi kepada penanam-penanam padi di seluruh negara;
- (b) adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa baja-baja yang diberi kepada petani amat rendah mutunya berbanding baja-baja yang terdapat di pasaran; dan
- (c) adakah beliau juga sedar bahawa usul dari Pertubuhan Peladang berhubung dengan perkara ini telah dibangkitkan berulang-ulang kali tetapi masih belum diambil tindakan mengenainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setiap tahun Kerajaan telah membelanjakan antara RM70 juta hingga RM80 juta untuk membekalkan baja-baja subsidi kepada penanam padi di seluruh negara. Pembekalan ini telah dilaksanakan sejak tahun 1979. Seramai 338,000 orang petani telah mendapat manfaat daripada Skim Baja Padi ini.
- (b) Kementerian Pertanian, melalui Skim Baja Padi, membekalkan kepada petani 2 jenis baja, iaitu baja UREA dan baja campuran. Baja UREA adalah jenis granular yang mudah digunakan oleh petani dan terbaik di pasaran bagi tanaman padi. Bagi baja campuran yang dibekalkan di bawah skim ini pula, ia merupakan jenis yang ditetapkan setelah kajian saintifik dibuat secara berterusan oleh agensi penyelidikan Kementerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baja yang terdapat di pasaran adalah baja sebatian dan bukan baja campuran. Baja sebatian ini digunakan untuk tujuan umum sedangkan baja yang dibekalkan oleh PPK adalah khusus untuk tanaman padi sahaja. Oleh yang demikian, perkara mengenai kualiti tidak sewajarnya timbul.
- (c) Kementerian ini sedar tentang adanya beberapa Pertubuhan Peladang yang membangkitkan perkara mengenai kualiti baja yang diedarkan ini dan oleh itu Kementerian ini sentiasa mengambil tindakan sewajarnya. Analisis kualiti baja yang diedarkan sentiasa diadakan dan menunjukkan bahawa pada amnya kualiti baja yang dibekalkan itu adalah terkawal. Sungguhpun kadang-kadang terdapat juga beberapa pembekal yang agak terkeluar daripada penentuan, Kementerian ini melalui agensi

penyelidikannya telah dan akan sentiasa memberi perhatian dan menjalankan kajian bagi memastikan baja yang dibekalkan memenuhi keperluan tanah di sesebuah kawasan padi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, berapa kerapkah pegawai-pegawai daripada Kementerian membuat lawatan terus kepada petani-petani untuk mengetahui sama ada baja-baja yang telah kita bekalkan itu sesuai dengan keadaan tanah dan juga tanaman padi, kerana kita sedia maklum harga padi tidak dipertimbangkan untuk dinaikkan. Jadi, kita sepatutnya memberi baja yang terbaik kepada petani-petani supaya pokok-pokok padi yang mereka tanam itu dapat mengeluarkan hasil yang bertambah daripada tanah yang mereka tanam itu.

Adakah pihak Kementerian juga mempunyai pakar-pakar di dalam kajian baja ini? Kita kena gabungkan yang penanam padi dan juga pakar-pakar ini supaya kita dapat satu formula jenis baja yang paling sesuai untuk kita memberi bantuan kepada petani-petani.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, lawatan sentiasa dibuat oleh pegawai-pegawai Kementerian Pertanian ke kawasan-kawasan jelang padi bagi menentukan bahawa baja yang di bekalkan itu adalah mengikut penentuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian telah membuat keputusan untuk mengadakan analisis khas terhadap mutu baja untuk tiga bulan berturut-turut mulai daripada bulan Mac sehingga bulan Jun, 1993.

Kita menjalankan kajian ini daripada dua sumber iaitu dari 'entry point', iaitu di Pelabuhan Kelang dan juga di Perai. Dan satu lagi, dengan izin, delivery point, iaitu di 31 buah Pertubuhan Peladang Kawasan dalam negara kita. Jadi, keputusan mengenai dengan analisis ini

sedang dalam proses dan kita jangka tidak lama lagi akan dapat kita maklumkan. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian mempunyai pegawai-pegawai yang berkepakaran dalam bidang yang dibangkitkan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Wang sebanyak RM70 hingga RM80 juta setahun yang dibelanjakan oleh Kementerian untuk membiayai subsidi baja padi di seluruh negara adalah tinggi. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa pemberian subsidi baja padi ini membazir, dan yang keduanya, tidak sampai kepada matlamat petani-petani yang memerlukan sebenar-benarnya? Ini ialah kerana dari segi cara yang diberikan, iaitu cara pembahagian baja ini. Perkara ini berlaku di Kelantan, dan beberapa laporan Polis mengenai penyelewengan telah dibuat. Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula cara pengagihan baja padi yang dibuat pada masa ini?

Yang kedua, adakah pihak Kementerian juga sedar bahawa baja padi yang dibekalkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan sekarang ini mutunya memang rendah, lebih rendah daripada baja padi yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada petani-petani di Kelantan?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju dengan pandangan Yang Berhormat yang mengatakan ini satu pembaziran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi negeri Kelantan pun seramai 30,000 orang petani telah mendapat nikmat daripada skim baja padi. Jadi, saya telah sebutkan tadi, baja yang dibekalkan oleh

Kementerian adalah baja campuran, bukan baja sebatian, bukan kompaun. Baja yang dibekalkan oleh kita adalah khusus untuk tanaman padi. Sedangkan baja sebatian adalah untuk kegunaan semua jenis tanaman. Yang Berhormat kena faham antara baja sebatian dengan campuran. Jadi, kita beri baja campuran-baja urea.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan bercakap pada dia sahaja. [*Ketawa*] Sila.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita bekalkan urea, kita bekalkan nitrogen, kita bekalkan fosfat dan kita bekalkan potash. Ini baja yang dicampur yang kita bekalkan kepada petani-petani. Baja sebatian itu baja lain. Jadi, tak bolehlah kita bandingkan baja sebatian dengan baja campuran.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana beri peluang. Soalan saya soalan asal. Orang kawasan saya 100% petani penanam padi. Bila mendengar RM70 - RM80 juta, jadi saya rasa, saya mendengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab bahawa urea, baja campuran memang baik untuk padi. Tetapi yang timbul masalah di kawasan saya ini, yang dibekalkan itu tidak ada baja urea, barangkali tidak ada baja campuran. Sebab orang kampung kata macam buang garam dalam bendang. Ini yang timbul masalahnya. Jadi, bukan saya tak perlu pertolongan daripada PAS. Bila tiap-tiap kali lawatan Wakil Rakyat ke kawasan, perkara ini ditimbul. Bila kita minta perkara ini dibawa ke tengah dalam persatuan peladang, mereka berkata tiap-tiap tahun sudah dibawa ke mesyuarat persatuan peladang. Lepas itu pula, ada pegawai-pegawai mengatakan "tak usah gaduhlah, benda ini free, dok hingar buat apa. "Ini yang kita hendak bangkitkan atas perkara ini.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, baja yang dibekalkan oleh Kementerian ini adalah mengikut kesesuaian sesuatu keadaan tanah. Baja yang kita bekalkan di Pantai Timur berbeza dengan baja yang kita bekalkan di Kedah dari segi campurannya. Baja yang dibekalkan di Sekinchan juga berbeza dengan baja yang dibekalkan kepada petani di negeri Kedah. Jadi, kita ikut kesesuaian tanah.

Walau bagaimanapun, saya telah sebutkan di awal tadi bahawa pihak Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa petugas untuk mengkaji tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pertubuhan peladang. Insya Allah, selepas keputusan yang kita dapat, kita akan maklumkan kepada pertubuhan-pertubuhan peladang yang berkenaan.

PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

5. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Perdana Menteri menyatakan apakah program pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar Kerajaan gagal sehingga Kerajaan terpaksa menggunakan parti politik seperti MCA untuk melaksanakan program itu di bawah projek Langkawi. Apakah Kerajaan bercadang menggalakkan parti-parti politik lain yang ingin menjalankan projek-projek yang boleh membantu menaikkan taraf hidup masyarakat kampung.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, program pembasmian kemiskinan yang dianjurkan oleh Kerajaan telah mencapai kejayaan. Angka-angka yang

telah dikeluarkan jelas menunjukkan perkara ini, dan ia juga diakui oleh badan-badan antarabangsa. Kadar kemiskinan penduduk Malaysia telah menurun daripada 20.7% dalam tahun 1985 kepada 17.1% dalam tahun 1990 dan dijangka akan menurun kepada angka 11.1% dalam tahun 1995.

Program pembasmian kemiskinan negara ini telah diiktiraf sebagai salah satu yang terbaik. Apa yang berlaku sekarang ialah Kerajaan sedang menumpukan usaha menghapus kemiskinan mutlak yang masih wujud. Usaha pembasmian kemiskinan meliputi berbagai aktiviti ekonomi, sosial, perbaiki kualiti hidup dan program-program lain lagi. Projek Langkawi MCA hanya merangkumi sebahagian kecil daripada usaha-usaha yang diperlukan. Kalau ada sesiapa yang ingin mengurangkan beban Kerajaan dan membantu secara ikhlas dalam pelaksanaan program ini, maka Kerajaan tidak ada halangan terhadapnya.

Saya suka memaklumkan bahawa ada lagi program pembasmian kemiskinan yang terdahulu dari projek MCA yang juga diiktiraf oleh Kerajaan seperti projek IKHTIAR yang dipelopori oleh Amanah Ikhtiar Malaysia, Yayasan Membasmi Kemiskinan Selangor dan Yayasan Kemiskinan Kelantan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, di dalam sejarah pembangunan ekonomi negara-negara di dunia ini, manakah negara yang lebih ataupun yang dapat melebihi Malaysia di dalam usaha membasmi kemiskinan dan di dalam pencapaian matlamat dan hasilnya?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua ialah adakah Yang Berhormat sedar bahawa ungkapan kata yang berbunyi, "The New Economic Policy" itu adalah diciptakan oleh Lenin, bukan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. Tetapi Lenin dan ungkapan ini apabila diaplikasikan di Rusia, ianya gagal selepas 72 tahun. Tetapi selepas diaplikasikan di Malaysia selama 20 tahun, ianya telah menunjukkan hasil yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana negara komunis yang memegang kepada falsafah egalitarianisme sepertimana sahabat saya di sebelah sana memperjuangkannya.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Terap. Soalan pertama, berkenaan dengan usaha-usaha membasmi kemiskinan negara-negara lain mengikut sejarah. Saya tidak berapa kaji fasal sejarah, jadi tak berapa tahu berkenaan itu. Tetapi dari apa yang saya tengok, Malaysialah yang terbaik dari segi membasmi kemiskinan. Kita ada angka dan proofnya. Jadi, yang lain itu kita tengok yang merdeka lebih awal daripada kita masih teruk. Apatah lagi yang merdeka selepas kita. Jadi, keadaan itu saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat telah observed ataupun lihat. Dari segi NEP, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bahawa ia dibuat oleh Lenin dan bukannya Tun Abdul Razak, tetapi sekarang ini kita tengok Soviet Union hari ini sudah lingkup. Ini ternyata benar bahawa usaha-usaha yang dibuat oleh mereka tidak berjaya dan melihat kepada pencapaian kita di bawah Dasar Ekonomi Baru, ini betul-betul memberikan bukti kepada kita tentang kemampuan dan kejayaan kita. Pencapaian kita itu menyakinkan kita bahawa kita boleh pergi jauh lagi daripada itu. Sebab itu, di bawah

Wawasan 2020, kita cadangkan supaya KDNK kita dinaikkan 8 kali ganda iaitu daripada kedudukan RM115,000 juta pada tahun 1990 ke tahun 2020 dengan kadar purata perkembangan ekonomi setiap tahun sebanyak 7%.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya pendek sahaja. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah di atas kejayaan Kerajaan kerana telah berjaya membasmi kemiskinan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah boleh Kerajaan meminjamkan 'blueprint' ataupun Projek Langkawi kepada Parti Semangat 46 kerana parti ini tidak ada apa-apa blueprint dan dia hanya boleh komen sahaja. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak ada soalan. Ya, Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya, memandangkan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Projek Langkawi oleh MCA adalah merupakan sebahagian kecil daripada usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan, maka adakah beliau sedar bahawa objektif Projek Langkawi ini telah menunjukkan bahawa Kerajaan telah gagal dalam usaha untuk menaikkan taraf pendidikan di kawasan luar bandar. Kalau begitu, bukankah pihak Kerajaan harus memberikan tumpuan dan perhatian yang lebih kerana perbelanjaan sebanyak RM20 juta oleh MCA untuk Projek Langkawi memang tidak cukup untuk menaikkan taraf pendidikan di kawasan luar bandar seperti yang dimaklumkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana di bawah Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan membelanjakan RM760 juta untuk sekolah-sekolah rendah. Jadi,

macam mana boleh dibandingkan dengan perbelanjaan sebanyak RM20 juta di bawah Projek Langkawi ini boleh membawa kejayaan. Saya rasa ini merupakan satu kontradiksi.

Kedua, kalau MCA mempunyai blueprint untuk menaikkan taraf pendidikan di kawasan luar bandar, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk melantik Yang Berhormat President MCA sebagai Menteri Pendidikan? Kerana kalau dengan RM20 juta projek ini boleh berjaya, sedangkan Kerajaan Pusat telah gagal setelah membelanjakan beribu-ribu juta ringgit semenjak merdeka, maka saya rasa peluang mesti diberikan kepada Yang Berhormat President MCA untuk melakukan kejayaan sepertimana Yang Berhormat Menteri Pendidikan sekarang tidak berjaya, begitu juga dengan Dato' Sri Anwar Ibrahim, sebagai Yang Berhormat Menteri Kewangan juga gagal. Sekian, terima kasih.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bila Ahli dari Kota Melaka bangun, bagi saya itu macam biasalah-budak nakal, macam-macam yang dikaitkan dan tidak ada kena-mengena pun. Walau bagaimanapun, kita jawab. Ia seolah-olah tidak faham. Satu, dari segi program. Dasar Kerajaan dan program yang dibuat oleh Kerajaan yang sudahpun dilaksanakan semenjak kita belum mencapai kemerdekaan lagi, iaitu semasa mula-mula diadakan pilihanraya pada tahun 1955 sehinggalah sekarang di mana kita lihat ramai yang telah mencapai kejayaan, macam Yang Berhormat sendiri dan ramai lagi di kalangan rakyat yang semuanya mendapat ilmu dan berjaya, walaupun mungkin ada kegagalan di sana sini.

Apa yang dilakukan oleh MCA di bawah Projek Langkawi itu kita katakan kecil, iaitu kecil berbanding dengan angka sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sendiri. Tidak mungkin dengan RM20 juta itu kita boleh selesaikan semua masalah pendidikan. Kalau itu boleh dilakukan, saya ingat kita sudah selesai semuanya. Usaha yang disebutkan ini adalah usaha-usaha yang dibuat secara sukarela, usaha-usaha kebajikan, hendak tokok-tambah apa yang telah dibuat oleh Kerajaan. Selain daripada anak-anak kita ke sekolah dan diajar oleh guru-guru, banyak juga ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke tuition. Bukanlah dikatakan bahawa tuition itu perlu, tetapi ia dianggapkan ataupun didapati ini dapat membantu. Ada kalanya apabila ramai anak-anak yang dihantar ke tuition ini, maka guru-guru tuition ini akan dibayar gaji. Di kampung-kampung, khususnya di kampung saya, dan saya percaya juga di kampung-kampung lain, saya lihat ramai guru-guru dan pegawai-pegawai yang lain yang membantu mengadakan tuition ini secara sukarela. Ini menokok-tambahkan apa yang dijalankan oleh Kerajaan sebagai tanggungjawabnya.

Hendak suruh Ketua MCA atau President MCA, yang kononnya ada blueprint-blueprint ini bukannya blueprint pendidikan menyeluruh, seperti adanya blueprint Dasar Pendidikan Negara sendiri. Apa yang disebutkan di sini ialah blueprint untuk membantu. Apa yang saya fahamkan di peringkat awalnya ialah untuk mengadakan kelas-kelas pra-sekolah bagi mereka yang tidak mempunyai peluang dalam hal ini. Dari segi Kerajaan, kemudahan-kemudahan pra-sekolah telahpun wujud dan menjadi satu dasar kita untuk mengadakan lebih luas lagi program ini. Sebab itu, saya katakan bahawa Ahli dari Kota Melaka ini 'budak nakal', macam-macam yang dikaitkannya dan tidak ada kena-mengena dengan apa yang kita sebutkan. Sekian.

**PEGAWAI PERUBATAN—
PENYEMAKAN SEMULA
STRUKTUR GAJI**

6. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi menyemak semula struktur gaji para doktor di Hospital Kerajaan kerana salah satu faktor utama para doktor keluar daripada Hospital Kerajaan adalah disebabkan oleh perbezaan gaji di antara doktor di Hospital Kerajaan dan mereka yang setaraf jawatannya di hospital swasta; dan
- (b) berapa ramaikah jumlah doktor yang meninggalkan Hospital Kerajaan setiap bulan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, struktur gaji Pegawai Perubatan bersama-sama dengan lain-lain skim perkhidmatan telah pun ditetapkan seperti di dalam Sistem Saraan Baru yang baru sahaja dilaksanakan. Dengan yang demikian, setakat ini Kementerian tidak bercadang lagi untuk mengambil tindakan mengubah struktur gaji seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Pegawai Perubatan yang telah mening-

galkan perkhidmatan Kerajaan daripada bulan Januari, 1993 hingga Jun 1993 adalah seramai 109 orang iaitu purata 18 orang iaitu purata 18 orang sebulan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa selain daripada saranan yang pernah dibuat di dalam Dewan yang mulia ini, ia tidak begitu berkesan untuk menggalakkan doktor-doktor terus berkhidmat dengan pihak Kerajaan.

Adakah beliau sedar bahawa usaha yang dibuatnya belum mencukupi untuk menyelesaikan masalah, bukan sahaja dari segi terma-terma bahkan juga gaji yang tidak dapat dijawab tadi dan satu lagi cadangan ialah bayar overtime. Walau bagaimanapun, adakah beliau bercadang untuk mengkaji dengan teliti lagi seperti mungkin akan mengadakan satu Suruhanjaya DiRaja, bukan sahaja untuk doktor-doktor bahkan juga untuk seluruh sistem kesihatan di negara ini yang ditakut-takuti sekarang. Kenapa kita takut hendak siasat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, sila jawab. Dia sudah duduk.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita telah pun cuba menelitinya secara mendalam dan satu jawatankuasa kecil di peringkat Kementerian sedang melihat kedudukan doktor keseluruhannya. Walau bagaimanapun, setakat ini belum ada lagi cadangan seperti yang saya jawab tadi untuk mengubah struktur Sistem Saraan Baru yang telah dilaksanakan.

Jadi, jawatankuasa kecil ini akan melihat keseluruhan kedudukan doktor. Ada beberapa cadangan yang telah pun

dikemukakan. Oleh kerana terlalu awal cadangan-cadangan dibawa, maka saya tidak boleh lagi menyenaraikan cadangan-cadangan tersebut. Kita berharap mungkin jawatankuasa kecil ini dapat mengeluarkan satu laporan yang lebih lengkap pada satu masa kelak.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada salah satu sebab doktor-doktor di Hospital Kerajaan masih meninggalkan Hospital Kerajaan supaya mengambil bahagian untuk membuka klinik atau lain-lain. Adakah kemungkinan gaji di bawah SSB ini jika dibandingkan dengan gaji yang diperolehi di klinik luar masih bukan begitu memuaskan dan apakah dasar yang terbaru ataupun perkembangan yang terbaru mengenai doktor-doktor yang berkhidmat di Hospital Kerajaan dapat sebagai "locum" selepas masa kerja?

Yang kedua, adakah peluang diberikan kepada doktor-doktor yang berkhidmat di Hospital Kerajaan selepas 4 tahun "compulsory service" itu supaya diberikan peluang untuk mengikuti kursus "specialist" dan mungkin selepas mereka "qualify" sebagai "specialist", dengan izin, adakah satu "agreement" dibuat agar mereka di "bonded" untuk berkhidmat selama 10 tahun atau 15 tahun?

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan "locum", belum ada dasar berkenaan dengan ini lagi. Seperti yang saya maklumkan pada awal tadi, jawatankuasa tersebut itu sudah pun melihat keseluruhannya dan cadangan-cadangan itu sedang diteliti.

Mengenai dengan peluang berkhidmat selepas ijazah asas, memang ada peluang-peluang ini tetapi tidaklah terikat begitu lama sampai 15 tahun. Walau bagaimanapun, kita rasa kita boleh menangani masalah ini dari satu masa ke satu masa, insya Allah, bergantung kepada peluang-peluang yang terbuka yang mungkin didapati di Pusat-pusat Pengajian Perubatan baru yang akan ditubuhkan di Malaysia. Dua telah

diluluskan dengan "twinning system" dan banyak lagi universiti-universiti dari luar negeri yang telah pun menawarkan tempat-tempat yang lebih banyak kepada penuntut-penuntut Malaysia.

Walaupun masalah ini bukanlah masalah yang boleh diselesaikan dengan begitu cepat kerana masalah ini bukan sahaja masalah Malaysia malah dalam perbincangan yang diadakan dengan beberapa pusat pengajian tinggi, ini adalah satu masalah "universal". Bukan sahaja ada kekurangan doktor tetapi nurses dan kakitangan-kakitangan paramedic lain pun ada masalah kekurangan. Jadi, marilah kita berharap supaya masalah ini dapat diselesaikan. Bukan sahaja bagi jangkamasa pendek kita sudah ada programnya tetapi bagi jangkamasa panjang juga kita ada program.

Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim: Soalan tambahan. Isu penghijrahan doktor Kerajaan ke sektor swasta tidak dapat dinafikan telah menjejaskan serba-sedikit perkhidmatan doktor pakar di Hospital Kerajaan kepada orang ramai. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri, doktor-doktor di bahagian kepakaraan yang manakah banyak meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang dibuat oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini kerana dijangkakan 11 Hospital di bawah projek nukleus akan siap tidak berapa lama lagi?

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana pengkhususan pakar-pakar ini tidak dapat saya berikan butir-butir secara terperinci. Walau bagaimanapun, kita mengakui terdapat kekurangan di banyak bidang-bidang pengkhususan atau "specialization".

Memang kita akui juga bahawa banyak lagi hospital, malah 11 hospital baru di bawah nukleus system dan mungkin lebih dari 9 hospital yang akan dinaik taraf dan hospital yang dibina bukan mengikut nukleus system akan

siap sebelum tahun 2000. Ini juga akan menimbulkan masalah "manpower" di Kementerian kita. Oleh kerana itu, kami sedang duduk berbincang tiap-tiap minggu untuk mencari jalan untuk menambah bilangan doktor yang berkurangan dan juga kakitangan-kakitangan lain yang berkaitan dengan penubuhan hospital-hospital baru ini.

Walau bagaimanapun, untuk jangka pendek, kita telah pun menghantar banyak penuntut-penuntut kita untuk mengikuti kursus-kursus "specialized" di dalam dan juga di luar negeri.

EAEC-LANGKAH DAN USAHA TAMBAHAN UNTUK DAPAT SOKONGAN

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah perkembangan EAEC setakat ini dan apakah langkah dan usaha tambahan yang diadakan dan diambil bagi mendapatkan sokongan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa perbincangan dalam JCM ataupun, dengan izin, Joint Consultative Meeting ASEAN pada 9hb. Julai, 1993 di Jakarta telah mengesyorkan supaya ditimbang modaliti pelaksanaan EAEC melalui satu daripada landasan yang sedia ada iaitu (i), melalui Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN atau (ii), mengambil keputusan melalui sempena Mesyuarat APEC ataupun Asia-Pacific Economic Corporation.

Berasaskan syor ini, adalah dijangka bahawa Menteri-Menteri Luar dan

Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN akan berunding sebelum akhir tahun ini untuk memutuskan landasan yang sesuai bagi mengadakan mesyuarat pertama EAEC.

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini sekali lagi bahawa perubahan pendirian dan pandangan pentadbiran baru Amerika Syarikat mengenai EAEC akan dapat membantu dalam proses untuk mencapai keputusan dalam ASEAN bagi melaksanakan EAEC. Jika pentadbiran Bush sebelum ini telah menentang EAEC dengan alasan bahawa ianya akan menggugat kerjasama Asia-Pacific, pentadbiran Clinton sekarang ini telah mengambil pendirian yang lebih terbuka dan bersedia menerima hasil rundingan dan keputusan dalam ASEAN mengenai EAEC.

Dalam pada itu juga, kita telah pun terus menerangkan konsep EAEC kepada ahli-ahli perniagaan dan tokoh-tokoh swasta di Jepun, Korea, Republic Rakyat China, Taiwan dan Hongkong sempena lawatan-lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lawatan rombongan-rombongan galakan perdagangan dan pelaburan yang telah diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kita. Adalah diperhatikan bahawa ahli-ahli perniagaan tersebut bersependapat dengan konsep EAEC dan pentingnya suara Asia Timur lebih didengar dalam usaha memperkukuhkan Sistem Perdagangan Bebas dan dalam menyumbang ke arah penggubalan dasar dan disiplin urusan perdagangan pelbagai hala yang lebih saksama.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu banyak negara telah menyokong untuk menubuhkan konsep EAEC ini dan hanya dicitakan di bibir sahaja; cakap-cakap sahaja. Saya ingin tahu, bolehkah

Setiasaha Parlimen memberitahu antara sokongan yang dicita-citakan oleh negara-negara yang tertentu itu, apakah hasil yang benar-benar dapat kita bersama-sama menikmati antara Kerajaan dengan Kerajaan dan antara rakyat dengan rakyat sehingga setakat ini khususnya daripada benua Asia bukan sahaja bagi negara-negara ASEAN sahaja.

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tujuan untuk mengadakan EAEC ialah untuk mengadakan satu forum informal antara semua negara-negara ASEAN ataupun Asia Timur untuk kita mengambil peluang di dalam bidang perdagangan melalui konsep perundingan dan juga penasihat dan sepertinya. Untuk mengadakan satu badan ataupun forum yang begitu akan mengambil masa. Kita akan berunding dengan semua pihak yang terlibat di dalam perkara ini dan jika kita dapat satu peluang untuk mengubah ataupun untuk mengadakan satu sistem seperti ini dengan begitu mudah sahaja, saya rasa ini tidak akan berjaya pada akhirnya. Oleh yang demikian, kita sedang berunding dengan semua pihak untuk kita dapat konsesi yang baik dan pada akhirnya apabila kita menubuhkan satu badan seperti ini, kita akan berjaya di dalam matlamat kita. Inilah tujuan kita. Janganlah begitu cepat untuk kita mengadakan satu badan yang tidak begitu berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Mohamed Kamal bin Hussain.

[Soalan No. 8.—Y.B. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain tidak hadir]

PROJEK FOREST HILLS DAN COUNTRY RESORT—TINDAKAN TERHADAP PEMAJU

9. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:—

- (a) apakah tindakan yang diambil terhadap Rekacantik, pemaju projek Forest Hills and Country Resort di Jelebu, Negeri Sembilan yang telah memulakan projeknya sebelum laporan EIA mendapat kelulusan;
- (b) bagaimanakah Jabatan Alam Sekitar meluluskan projek berkenaan memandangkan kawasan tersebut bukan sahaja merupakan hutan simpanan malah merupakan kawasan takungan air;
- (c) sama ada Jabatan Alam Sekitar menyedari bahawa Rekacantik juga telah membersihkan beberapa ratus ekar hutan secara haram yang mana kawasan hutan berkenaan terlebih daripada 3,000 ekar hutan mereka dan kini sedang mengharapkan kelulusan retrospektif dari Kerajaan Negeri; dan
- (d) sama ada Jabatan Alam Sekitar harus menerbitkan laporan bulanan supaya orang awam dapat mengetahui mana-mana projek yang telah memperolehi ataupun belum memperolehi kelulusan EIA.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, bagi jawapan:-

- (a) Jabatan Alam Sekitar sedang menyasat perkara ini dengan teliti dan sekiranya bukti-bukti mencukupi, tindakan yang sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang akan diambil.
- (b) Jabatan Alam Sekitar meluluskan laporan EIA bagi projek berkenaan pada 28hb. Mei, 1993 setelah berpuas hati yang langkah-langkah tebatan dan kawalan yang dicadangkan akan dapat mengawal kesan-kesan ke atas alam sekitar ke tahap yang sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang disebutkan adalah merangkumi berbagai aspek seperti kebun-kebun buah-buahan, rumah peranginan atau homes states dan tempat-tempat rekreasi seperti padang golf. Kawasan tersebut tidak merupakan kawasan takungan air dengan adanya water intact point, dengan izin.

- (c) Jabatan Alam Sekitar tidak sedar ada kegiatan pembalakan haram di dalam kawasan projek tersebut sebelum atau selepas laporan EIA berkenaan telah dihantar ke pejabatnya. Jika ada isu pembalakan haram, hal ini perlu dirujuk kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Oleh yang demikian, isu pemaju projek mengharapkan kelulusan retrospektif dari pihak Kerajaan tidak timbul.
- (d) Cadangan supaya Jabatan Alam Sekitar menerbitkan laporan bulanan yang menyenaraikan

projek-projek yang telah dan belum memperolehi kelulusan EIA akan dikaji terlebih dahulu sebelum satu keputusan dibuat.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak tahu adakah beliau sedar bahawa bukan sahaja pihak Malaysia prihatin, tetapi juga ada satu editorial dalam suratkhbar Malaysia hari ini yang mengatakan Jabatan Alam Sekitar tiada bergigi. Dalam jawapan Yang Berhormat hari ini yang mengatakan tindakan akan diambil-akan diambil sahaja. Adakah beliau sedar bahawa skandal ini telah berlaku hampir setengah tahun dan tindakan akan diambil sahaja? Adakah dia terkejut dengan kenyataan Director General FRIM pada 1hb. Julai tahun ini, baru dua minggu lepas di London bahawa, dengan izin,

“The institute opposed the development of the courses, (iaitu Frazer’s Hill dan Jelebu), but could not stop them because it was powerless.”

Dalam kenyataan, adakah benar bahawa DOE juga tidak boleh berbuat apa-apa apabila satu projek di mana ada ahli politik yang berhubungan rapat dengan pihak Kerajaan ada terlibat seperti dalam kes ini adalah Ahli Majlis Perbandaran (MPPJ), Soh Chi Wen yang adalah merupakan rakan rapat Menteri Pengangkutan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya baru sebut dalam jawapan saya tadi, perkara ini disiasat dan jika ada apa-apa kesalahan, kita akan ambil tindakan melalui undang-undang yang ada sekarang. Ini memang ada gigi, bukan tidak ada gigi! [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: masa sudah cukup Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 8, 10 hingga 60 adalah diberi di bawah ini]

**PESAWAT TENTERA—
CADANGAN BELI MIG 29
DAN F 18A HORNET.**

8. Tuan Mohamed Kamal Hussain minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Apakah pertimbangan-pertimbangan yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk membeli 18 jet pejuang MIG 29 dari Russia dan 8 jet pejuang F 18A Hornet dari Amerika Syarikat;
- (b) Tidakkah lebih memudahkan jika pembelian dibuat dari salah satu negara sahaja memandangkan peranan kedua-dua jet pejuang hampir serupa; dan
- (c) Adakah Kementerian berkeyakinan di atas persediaan latihan juruterbang-juruterbang dan bantuan teknikal kita untuk mengendalikan dan menyelenggara pesawat-pesawat tersebut.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:

Selain soalan Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai ini, terdapat 10 soalan lain mengenai perkara yang sama yang dikemukakan dalam sesi ini. Saya berharap jawapan ini akan memberi penjelasan kepada cadangan Kerajaan memperolehi dua jenis pesawat pejuang iaitu MIG 29 dari Russia dan F/A 18-D dari Amerika Syarikat.

- (a) Keputusan Kerajaan untuk memperolehi kedua-dua jenis pesawat ini adalah berdasarkan kepada keperluan mewujudkan keupayaan pertahanan udara yang di antara lain boleh meningkatkan kemampuan serang dan pintas oleh Tentera Udara DiRaja

Malaysia. Keupayaan dan kemampuan yang dikehendaki ini adalah selaras dengan rancangan pertahanan udara seperti yang telah diputuskan. Pertimbangan perolehan ini juga berdasarkan kepada kesediaan pihak pembekal untuk menyokong penggunaan pesawat-pesawat ini buat beberapa lama dengan mewujudkan pusat penyelenggaraan di negara ini dan sistem sokongan logistik yang berkesan. Di samping itu negara juga akan mendapat faedah dari segi pemindahan teknologi dan program-program off-set.

- (b) Sebenarnya kedua-dua jenis pesawat pejuang ini tidak mempunyai peranan yang sama. Dari segi rancangan keperluan TUDM, pesawat MIG 29 akan dapat menguatkan lagi keupayaan pertahanan udara manakala pesawat F/A 18-D pula adalah bagi meningkatkan kemampuan serang dan pintas dalam konteks mewujudkan satu sistem pertahanan udara yang bersepadu.
- (c) TUDM sudahpun menyusun satu program latihan teknikal yang menyeluruh yang melibatkan juruterbang, juruteknik dan logistik bagi mengendali dan menyelenggara pesawat-pesawat berkenaan. Di samping itu program latihan juruterbang dan juruteknik yang sedang dibuat melalui perolehan pesawat pejuang yang lain akan menjadi asas yang kukuh ke arah melahirkan anggota-anggota yang mahir dan berkemampuan untuk mengendali dan menyelenggara pesawat-pesawat baru ini.

**BIRO TATANEGARA—
PENGARUH TERHADAP
PENUNTUT**

10. Dr. Sanusi Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan apakah benar dakwaan Biro Tatanegara (BTN) digunakan untuk mempengaruhi para pelajar universiti menyokong UMNO. Kalau tidak nyatakan sejauh manakah penglibatan BTN di universiti-universiti tempatan dan juga yang membabitkan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri.

Dato' Raja Ariffin Raja Sulaiman:

Adalah tidak benar dakwaan yang menyatakan Biro Tatanegara (BTN) kononnya digunakan untuk mempengaruhi para pelajar di dalam dan luar negeri untuk menyokong UMNO.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kursus-kursus di bawah Program Bina Negara yang diadakan oleh Biro Tatanegara (BTN) adalah bertujuan untuk merubah sikap bangsa Malaysia berteraskan sistem nilai. Para peserta yang mengikuti kursus ini bukan sahaja terdiri daripada pelajar-pelajar universiti tetapi juga dari semua lapisan masyarakat.

**BUDAYA LEPAK—LANGKAH
MEMBANTERAS**

11. Che' Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:—

- (a) sejauh mana seriusnya budaya lepak yang sedang berleluasa di kalangan belia-belia;
- (b) adakah Kementerian telah membuat kajian terperinci tentang budaya ini; dan

- (c) langkah-langkah yang telah di ambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Haji Annuar bin Musa:

- (a) Budaya Lepak di kalangan belia-belia di Malaysia setakat ini belum sampai ke peringkat yang serius dan membahayakan. Walau bagaimanapun usaha-usaha ke arah membanteras perkara ini perlu dilakukan segera sebelum terlambat.
- (b) Kajian mengenai budaya lepak ini sedang dijalankan.
- (c) Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini ialah:
 - i. Mengadakan kempen-kempen kesedaran
 - ii. Menubuhkan Jawatankuasa yang turut dianggotai oleh para akademis, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, badan-badan sukarela dan wakil-wakil media massa.
 - iii. Merancang serta melaksanakan program-program untuk mengisi masa lapang belia dengan aktiviti-aktiviti berfaedah seperti Program 3K, sukan dan rekreasi, kerjaya dan kaunseling serta menubuhkan pusat-pusat komunikasi di pusat membeli belah.

**MARA—MASALAH DALAMAN
DAN CARA-CARA
MENGATASINYA**

12. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:—

- (a) berapakah bilangan dan jumlah (dalam RM) peminjam MARA yang masih belum menjelaskan hutang;
- (b) bilangan anak syarikat MARA yang dianggap rugi untuk ditutup atau dijual melalui konsep penswastaaan; dan
- (c) jumlah wang yang akan dapat diselamatkan berikutan keputusan MARA ini.

Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Nor]:

- (a) Sehingga berakhir 30hb. Jun 1993 bilangan peminjam MARA adalah seramai 34,074 orang dengan jumlah pinjaman sebanyak RM256,756,971.53.
- (b) Sebanyak 13 anak syarikat MARA yang mengalami kerugian yang teruk dihentikan operasinya. Manakala syarikat-syarikat lain mempunyai potensi yang baik untuk berkembang maju. Sebanyak 3 buah syarikat MARA telah dijual melalui konsep penswastaaan iaitu Lori Malaysia Bhd., KK Properties Sdn. Bhd. dan Sate Ria.
- (c) Berikutan keputusan di atas, syarikat-syarikat yang telah dihentikan operasinya akan dijual

kepada pihak swasta dengan harga terbaik. MARA akan dapat berjimat dengan tidak perlunya lagi menanggung kos perbelanjaan oleh kerana operasinya telah dihentikan.

**GURU—TINDAKAN POLIS
TERHADAP SERANGAN**

13. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa kali guru-guru telah diserang di Kelantan terutamanya di Kuala Krai sejak permulaan tahun ini dan tindakan yang diambil oleh polis untuk mengelakkan serangan ke atas guru-guru berlaku. Adakah sesiapa didakwa di Mahkamah bersabit dengan serangan macam ini.

Menteri Pendidikan Malaysia [Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud]:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Julai 1993 terdapat dua kes guru diserang di daerah Kuala Krai, di Kelantan. Ini berlaku di dua buah sekolah kebangsaan di daerah tersebut.

Penyelesaian di antara pihak-pihak yang terlibat telah dibuat dengan bantuan PIBG sekolah masing-masing dan tidak dibawa ke pihak polis.

**PADI—PENGANGKUTAN HASIL
TUAIAN DI SAMAN**

14. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimanakah kedudukan hasil tuaian padi dari sawah-sawah di Tanjong Karang dan Sekinchan yang tidak dapat diangkut ke kilang-kilang memproses padi akibat lori dan trailer enggan mengangkut padi tersebut disebabkan pihak polis dan JPJ bertindak

menyaman pemandu-pemandu yang membawa lebih muatan daripada yang dihadkan.

Menteri Pertanian [Dato' Seri Sanusi bin Junid]: Untuk makluman Yang Berhormat tinjauan Kementerian telah mendapati hampir semua hasil tuaian padi dapat diangkut ke kilang-kilang memproses padi walaupun ada terdapat lori dan trailer enggan mengangkut padi berikutan tindakan pihak Polis dan JPJ menyaman pemandu-pemandu yang membawa lebih muatan daripada yang dihadkan. Masalah ini telah dapat diatasi dengan segera berikutan LPN telah mengadakan mesyuarat dengan kontraktor LPN iaitu FELDA Angkut bagi memastikan bekalan lori yang mencukupi bagi mengangkut padi di dalam negeri dan juga lebihan padi keluar daripada Negeri Selangor.

**PARABOLA—MENGUGAT
KESTABILAN
RANCANGAN TV**

15. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Penerangan menyatakan:—

- (a) apakah Kementerian tahu yang penggunaan parabola yang dicadangkan boleh menggugat kestabilan rancangan-rancangan di TV tempatan ; dan
- (b) apakah Kerajaan telah mengkaji dengan lebih teliti mengenai buruk baiknya penggunaan cakera parabola sekiranya penggunaannya dibenarkan.

Menteri Penerangan [Dato' Mohamed bin Rahmat]:

- (a) Kerajaan sedar bahawa pemasangan parabola memang boleh

menggugat kestabilan rancangan-rancangan TV tempatan. Contoh-contoh yang nyata terdapat di beberapa buah negara di rantau Asia di mana siaran TV tempatannya makin kurang diminati kerana saingan dari siaran satelit yang datang dari negara asing. Stesen TV Kerajaan di India telah dilaporkan menghadapi masalah persaingan yang hebat akibat dari siaran satelit dan kabel. Tidak berapa lama dahulu di negeri yang sama timbul kesan negatif apabila siaran CNN dianggap telah mencetuskan pergaduhan kaum berpunca dari berita dan laporannya mengenai peristiwa Ayodhya yang melibatkan Masjid Babri.

Di negara ini selain daripada menggugat siaran TV tempatan dari segi mengurangkan jumlah penonton, siaran TV Satelit juga boleh menggugat nilai dan norma hidup rakyat khususnya generasi muda yang amat senang dipengaruhi oleh berbagai rancangan asing, khususnya dari barat dan tidak mungkin boleh ditapis kerana ia merupakan siaran terus dari satelit.

Atas kesedaran inilah Kementerian Penerangan mengambil langkah untuk menyalurkan tiga rangkaian satelit melalui SNS iaitu "Satellite Network Services" yang akan dapat diterima oleh penonton secara berbayar.

Ini adalah salah satu cara memberi peluang kepada penonton yang berminat untuk mengikuti siaran satelit tetapi pada masa yang sama dapat mengawal dan mengurangkan kesan negatif kepada paras yang paling minimum.

Dipandang dari segi jangka panjang langkah yang paling sesuai ialah meningkatkan kualiti rancangan-rancangan TV tempatan supaya lebih menarik dan memberi faedah kepada penonton di negara ini. Itulah sebabnya Kementerian Penerangan khususnya menerusi RTM, telah memberi galakan untuk syarikat-syarikat tempatan untuk menerbitkan bahan-bahan siaran TV yang bermutu tinggi bukan sahaja kegunaan di dalam negeri, malah juga boleh dieksport untuk tayangan di negara-negara lain.

- (b) Kerajaan memang sudah mengkaji tentang keburukan yang akan timbul daripada membenarkan pemasangan parabola secara luas dan bebas. Oleh sebab itulah Kerajaan telah meminda Akta Telekom tahun 1950 melalui pindaan 1992 yang memerlukan lesen bagi penggunaan parabola. Ini bererti parabola tidak boleh diguna secara bebas. Ia memerlukan lesen dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan juga dari Kementerian Penerangan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN— BEBAN TUGAS

16. Dato' Basri Bajuri minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kementerian Pendidikan mempunyai beban tugas begitu berat dan banyak, lebih-lebih lagi dengan kepesatan pembangunan kolej-kolej swasta. Jika ya, adakah beliau bercadang untuk menubuhkan sebuah lagi Kementerian Pendidikan bagi mengasingkan pendidikan rendah dan menengah dengan pendidikan tinggi dan swasta.

Encik Othman bin Abdul: Kerajaan sedar, Kementerian Pendidikan seperti juga Kementerian-kementerian yang lain mempunyai beban tugas yang berat dan banyak, berikutan dengan perkembangan pendidikan di peringkat tinggi dan pertumbuhan institusi-institusi swasta. Walaupun begitu, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah lagi Kementerian Pendidikan bagi mengasingkan pendidikan rendah dan menengah dengan pendidikan tinggi dan swasta. Kerajaan percaya Kementerian Pendidikan yang sedia ada masih berkeupayaan untuk mengendalikan semua peringkat pendidikan pada masa ini.

INFLASI—LANGKAH PENCEGAHAN

17. Tuan Ahmad Nor minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mencegah inflasi dengan mengadakan kawalan ketat ke atas harga-harga perumahan jenis kos sederhana dan kos rendah yang sedang meningkat tinggi dari tahun ke tahun dan bolehkah Kerajaan menimbang cara-cara untuk megawal harga-harga perumahan sama ada yang baru atau yang lama.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]: Kerajaan telah menetapkan harga maksimum rumah kos rendah pada harga RM25,000 agar mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, soal kenaikan harga rumah kos rendah tidak timbul sama sekali. Manakala paras harga rumah kos sederhana tidak ditetapkan dan harganya bergantung kepada tekanan pasaran yang melibatkan permintaan dan penawaran terhadap rumah jenis tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menetapkan harga bahan-bahan binaan utama seperti simen dan besi keluli bagi mengawal kenaikan rumah daripada meningkat terlalu tinggi.

IKS—SUMBANGAN KERAJAAN PUSAT

18. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah sumbangan daripada Kerajaan Pusat untuk perkembangan industri kecil dan sederhana (IKS) kepada Negeri Perak sejak 5 tahun yang lalu dan 5 tahun yang akan datang; dan

- (a) sebutkan bilangan dan modal tempatan dan modal asing yang telah dilaburkan di Negeri Perak setakat ini bagi industri berat dan IKS;
- (b) apakah langkah bantuan dari segi kewangan dan insentif bagi IKS yang menghadapi masalah kekurangan modal dan daya bersaing di Negeri Perak; dan
- (c) adakah Kerajaan Pusat membincangkan dengan Kerajaan Perak untuk menubuhkan "Estate

Industri Kos Rendah" untuk IKS yang memerlukannya, jika tidak mengapa, jika ya, terangkan hasilnya.

44. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa banyak Rancangan dan Peruntukan dari Kerajaan Pusat telah diperuntukkan kepada Negeri Perak bagi Bidang Perdagangan dan Perindustrian dalam RMK5 dan RMK6 dan jelaskan Rancangan dan Peruntukan tersebut mengikut sektor masing-masing.

Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz]: Saya memohon keizinan untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 44 untuk jawapan pada hari ini yang juga telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama.

1. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM3,180.5 juta di bawah RMK5 dan sebanyak RM3,845.6 juta di bawah RMK6 bagi memajukan sektor perdagangan dan perindustrian di negara ini. Peruntukan ini telah disalurkan melalui beberapa Kementerian dan agensi bagi melaksanakan program pembangunan masing-masing di seluruh negara termasuklah di Negeri Perak. Peruntukan ini adalah untuk pembiayaan projek-projek seperti pembangunan infrastruktur dan kawasan perindustrian, pembangunan IKS dan industri luar bandar, pembangunan teknologi, perkhidmatan perundingan dan latihan, galakan

eksport, ruang niaga dan lain-lain program yang berkaitan dengan pembangunan perdagangan dan perindustrian.

2. Sebagai usaha untuk meningkatkan perkembangan industri kecil dan sederhana (IKS) di negara ini, pihak Kerajaan telah melaksanakan beberapa program bantuan yang terbuka untuk IKS di seluruh negara termasuklah untuk IKS dari Negeri Perak. Pakej bantuan ini adalah meliputi kemudahan kewangan, pemasaran, teknologi, tapak-tapak kilang, galakan cukai dan khidmat nasihat. Program-program ini telah dilaksanakan semenjak beberapa tahun yang lepas dan ianya akan diteruskan pada masa-masa yang akan datang.

- (a) Sehingga 31hb. Mei 1993, sebanyak 649 syarikat perkilangan telah diluluskan lesen pengilang, di Negeri Perak. Ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM11.9 billion. Daripada jumlah pelaburan ini, sebanyak RM4.8 billion adalah pelaburan tempatan dan RM7.1 juta billion adalah pelaburan asing. Dari segi 'establishments' adalah didapati daripada 649 projek tersebut, 63 adalah terdiri dari Syarikat IKS yang dikecualikan dari lesen pengilang yang melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM106.9 juta yang terdiri dari RM61.6 juta pelaburan tempatan dan RM45.3 juta pelaburan asing. Seterusnya mengikut Banci Industri Kecil yang dilakukan pada tahun 1989/90 terdapat sebanyak 1607 pertubuhan industri kecil di Negeri Perak.

- (b) Bagi membantu IKS yang menghadapi masalah modal, Kerajaan telah melaksanakan beberapa skim bantuan kewangan seperti berikut:

- (i) skim Pinjaman Mudah Industri Perabot dan Makanan Bumiputera;
- (ii) skim Modenisasi dan Automasi;
- (iii) tabung Penyusunan Industri (IAF); dan
- (iv) skim-skim di bawah Tabung Bantuan Teknikal Industri Kecil dan Sederhana (ITAF).

Manakala dalam membantu IKS dari segi pemasaran dan daya saing Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa skim bantuan yang sesuai untuk mereka seperti:

- (i) skim Pemasaran Bersepadu Konsep Payung Makanan dan Perabot;
 - (ii) skim Pembangunan Vendor;
 - (iii) skim Pembangunan Pasaran Eksport di bawah ITAF; dan
 - (iv) promosi barangan IKS melalui 'SMI Expo'.
- (c) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah pun mengadakan perbincangan dengan Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Negeri Perak bagi membangunkan kawasan perindustrian yang khusus untuk IKS. Pada masa ini pihak

Kerajaan Negeri melalui UPEN sedang mengenalpasti kawasan yang sesuai untuk dimajukan. Pemilihan kawasan adalah berasaskan kepada beberapa kriteria antaranya adalah seperti berikut:

- (i) berdekatan dengan kawasan industri yang sedia ada khususnya industri besar bagi mewujudkan rantaian industri (industrial linkages);
- (ii) kesediaan pihak Kerajaan Negeri menyediakan harga tanah tapak bagi membolehkan kilang yang dibina dijual dengan harga yang berpatutan;
- (iii) mempunyai kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan tenaga elektrik dan air serta komunikasi.

**ELEKTRIK—SUBSIDI KEPADA
PENEROKA SUNGAI MANILA,
SANDAKAN**

19. Tuan Michael Asang minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:—

- (a) sama ada Kementerian bercadang untuk memberikan subsidi bagi penyambungan pendawaian elektrik ke rumah-rumah milik peneroka di Rancangan Sungai Manila, Sandakan;
- (b) jika ya, bilakah peruntukan subsidi yang berkenaan akan disalurkan dan berapa jumlahnya; dan
- (c) adakah cadangan untuk pembekalan elektrik luar bandar ke

Kampung Sungai Beruang, Banting/ Dandulit dan Kampung Kuala Gum-Gum yang juga berhampiran dengan Rancangan Sungai Manila, Sandakan.

**Timbalan Menteri Pembangunan
Luar Bandar [Tuan Mohd. Yassin bin
Kamari]:**

1. (a) Kerajaan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM2.0 juta dalam tahun 1993 sebagai subsidi bagi penyambungan pendawaian elektrik ke rumah-rumah di luar bandar seluruh Sabah, termasuklah ke rumah-rumah milik peneroka di Rancangan Sungai Manila, Sandakan yang layak menerimanya.
- (b) Peruntukan tersebut akan disalurkan dalam tahun 1993 dan tiap-tiap rumah yang layak akan mendapat subsidi sebanyak RM400.00.
- (c) Kerajaan bercadang untuk memberi bekalan elektrik ke Kampung Sungai Beruang, Banting/Dandulit dan Kuala Gum-Gum, Sandakan. Lembaga Letrik Sabah sedang membuat kajian kemungkinan di kampung-kampung tersebut dan jika didapati sesuai ianya akan dilaksanakan apabila peruntukan diluluskan.

**ZAKAT—KUTIPAN DAN
PENYALURAN**

20. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan:—

- (a) jumlah kutipan zakat yang diperolehi oleh Baitulmal

Wilayah Persekutuan sepanjang tahun lalu; dan

- (b) ke manakah wang tersebut disalurkan.

Encik Othman bin Abdul:

- (a) Jumlah kutipan zakat yang diperolehi oleh Baitulmal Wilayah Persekutuan sepanjang tahun lalu (1992) ialah RM21,147,676 (RM: Dua Puluh Satu Juta, Seratus Empat Puluh Tujuh Ribu, Enam ratus Tujuh Puluh Enam).
- (b) Wang-wang tersebut disalurkan atau diagihkan kepada lapan golongan sebagaimana ditetapkan oleh Al-Quran.

**KONTRAK—LANGKAH
MELINDUNGI KEPENTINGAN
AWAM**

21. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk melindungi kepentingan awam daripada kontrak yang berat sebelah dan tidak adil yang dikenakan ke atas pelanggan oleh bank dan syarikat kewangan untuk perkhidmatan mereka, sama ada dalam bentuk bayaran perkhidmatan yang berat sebelah dan tidak adil atau menafikan tanggungan ke atas kerugian yang dialami oleh orang awam dalam penggunaan peti simpanan keselamatan; dan sama ada MBf bersedia mengenenpikan tuntutan “tanpa tanggungan” dan membayar ganti rugi kepada pelanggan kerana mengalami kerugian akibat pencurian dan penggeledahan 129 daripada 900 peti simpanan keselamatan yang digunakan dalam MBf Finance cawangan Kajang pada Jun 1993.

Menteri Kewangan [Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim]: Oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh 3 Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang yang dijadualkan dijawab pada 26hb. Julai 1993, Ahli Yang Berhormat daripada Kpong yang dijadualkan dijawab pada 27hb. Julai 1993 dan Ahli Yang Berhormat daripada Klang yang dijadualkan dijawab pada 28hb. Julai 1993, saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang.

Kejadian rompakkan yang berlaku di pejabat cawangan MBf Finance Berhad (MBf) di Kajang baru-baru ini adalah merupakan kejadian kecurian yang pertama ke atas peti-peti simpanan keselamatan yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan. Kes rompakkan tersebut dalam siasatan polis.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi amalan biasa kepada institusi-institusi kewangan, yang menyediakan perkhidmatan peti-peti simpanan keselamatan, termasuk MBf, membuat perjanjian dengan penyewa-penyewa peti bahawa pihak institusi kewangan tidak mempunyai apa-apa tanggungan ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan isi kandungan peti-peti simpanan keselamatan tersebut. Ini adalah kerana institusi-institusi kewangan tidak mengetahui isi kandungannya dan pihak penyewa peti tidak diminta untuk mengistiharkan nilai isi kandungannya.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah difahamkan bahawa MBf telah menyatakan kesediaan pihaknya untuk menimbangkan pemberian ganti rugi

kepada penyewa-penyewa peti simpanan yang terlibat, sebagai tanda muhibah. MBf juga telah menubuhkan satu jawatankuasa yang diketuai oleh salah seorang pengarahnya untuk mengendalikan masalah ganti rugi yang dialami oleh penyewa-penyewa peti simpanan itu. Semua penyewa-penyewa peti simpanan yang terlibat telah pun dihubungi dan dinasihatkan supaya membuat laporan polis dengan memberi maklumat-maklumat mengenai barang-barang kecurian dan juga mengemukakan tuntutan mereka kepada pihak MBf.

Sebagai langkah untuk mengatasi kejadian yang serupa daripada berulang, Bank Negara telah mengarahkan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan supaya menyediakan garis panduan-garis panduan mengenai langkah-langkah keselamatan untuk dipraktikkan di premis-premis mereka dan juga menyelesaikan isu berhubung dengan tahap liabiliti yang harus ditanggung oleh kedua-dua belah pihak. Institusi-institusi kewangan juga telah dikehendaki menyediakan suatu skim insurans yang sesuai untuk peti-peti simpanan keselamatan yang disediakan oleh mereka. Bank Negara sedang menunggu maklumbalas daripada industri perbankan mengenai perkara ini.

CUACA—PERJANJIAN DI SIDANG KEMUNCAK DUNIA DI RIO

22. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:—

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Amerika Syarikat telah bersetuju untuk menandatangani perjanjian cuaca di Sidang Kemuncak dunia di Rio pada tahun lalu;

- (b) memandangkan Amerika Syarikat telah menandatangani perjanjian cuaca, adakah Malaysia sedia untuk menandatangani Perjanjian “Biodiversiti”; dan
- (c) apakah tindakan-tindakan dan rancangan yang diambil oleh negara kita untuk melaksanakan Pengisytiharan Rio dan Agenda 21.

Datuk Law Hieng Ding:

- (a) Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar bahawa Amerika Syarikat telah pun menandatangani Konvensyen Rekabentuk Mengenai Perubahan Iklim (Perjanjian Cuaca yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia juga telah menandatangani Konvensyen Rekabentuk Mengenai Perubahan Iklim pada 9hb. Jun 1993.
- (b) Malaysia telah pun menandatangani Konvensyen Kepelbagaian Biologi (Perjanjian Biodiversiti) semasa Sidang Kemuncak Dunia di Rio pada bulan Jun 1992. Prinsip-prinsip yang terkandung di dalam pengisytiharan Rio dan tindakan-tindakan yang disarankan dalam Agenda 21 telah lama dilaksanakan di negara kita. Khususnya unsur-unsur mengenai pembangunan berterusan (sustainable development) telah diserapkan di dalam Rancangan Pembangunan Negara. Kerajaan juga sedang mengambil tindakan mengaturnya pelan-pelan tindakan

kebangsaan umpamanya bagi kepelbagaian biologi serta perubahan iklim selaras dengan kehendak Agenda 21. Namun begitu, untuk memberi perhatian khusus dalam perancangan masa depan, Kerajaan baru-baru ini telah bersetuju untuk memperluaskan keanggotaan Majlis Pembangunan Negara untuk menentukan bahawa unsur-unsur alam sekitar diambil kira di dalam perancangan di peringkat tertinggi.

SAMPAH —LOKASI PEMBUANGAN DAN ALTERNATIF

23. Tuan Shahidan Kassim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan di manakah letaknya 23 buah lokasi pembuangan sampah dan apakah alternatif lain yang dijalankan selain dari pembakaran.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 185 buah tapak pelupusan yang sedang beroperasi di Semenanjung Malaysia. Sejumlah 114 tapak atau lebih 60% daripada tapak-tapak yang di maksudkan masih mengamalkan pelupusan secara terbuka, 70 tapak atau 38% daripadanya mengamalkan pelupusan secara terkawal, manakala hanya 1 tapak sahaja mengamalkan pelupusan secara sanitari.

Selain daripada pembakaran sampah melalui incinerator, alternatif lain adalah seperti melalui pelupusan secara sanitari (Sanitary Landfill) dan 'composting'. Kaedah 'Sanitary Landfill' merupakan sistem pelupusan yang sesuai dan praktikal di negara ini pada masa kini, memandangkan kos kapital serta kos

operasi tapak pelupusan adalah lebih murah dibandingkan dengan kos kapital dan kos operasi sesebuah incinerator.

Di samping itu pula incinerator hanyalah merupakan rawatan perantaraan (intermediate treatment) di mana abu hasil dari pembakaran dan bahan-bahan yang tidak boleh dibakar terpaksa dilupuskan ke tapak pelupusan. 'Composting' juga merupakan alternatif yang lain selain daripada pembakaran. Walau bagaimanapun, sistem ini tidak begitu menggalakkan kerana baja-baja yang dihasilkan dari 'composting' ini tidak mendapat pasaran yang memuaskan sama ada di dalam atau luar negeri jika dibandingkan dengan baja-baja kimia kerana kekurangan 'Nutrien Value'.

Berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan di atas, Kementerian ini berpendapat bahawa penggunaan incinerator belum lagi digalakkan pada masa ini, begitu juga dengan sistem 'composting'. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian ini sedang membuat kajian kemungkinan menggunakan incinerator untuk keperluan di masa hadapan. Pengawalan pelupusan secara sanitari merupakan kaedah pelupusan yang dianggap 'Viable' buat masa ini dan pihak Kementerian ini menggalakkan agar semua pihak berkuasa tempatan mengamalkan kaedah 'sanitary landfill' di tapak-tapak pelupusan mereka.

BSKL—MENGAWASI KEGIATAN INSIDER TRADING

24. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kenaikan harga pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) secara mendadak di kaunter-kaunter tertentu mempunyai kaitan dengan 'insider trading' atau faktor politik. Nyatakan juga

sama ada Kerajaan akan mengawal harga pasaran bagi mengawasi kegiatan insider trading ini.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

Jawapan berkaitan dengan perkara ini telah pun dibuat pada 19 Julai 1993 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Alor Setar. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

**KES-KES TERTANGGUH—
SEBAB DAN JUMLAH**

25. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah sebabnya jumlah kes-kes tertanggung semakin meningkat. Nyatakan jumlahnya untuk 5 tahun kebelakangan ini mengikut pecahan negeri dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang [Dato' Syed Hamid Tan Sri Syed Jaafar Albar]: Jumlah kes-kes tertanggung semakin meningkat oleh kerana pendaftaran kes-kes semasa turut meningkat. Sebab-sebab jumlah kes-kes tertanggung semakin meningkat bukan berpunca daripada pihak mahkamah sahaja. Kajian telah menunjukkan bahawa punca-punca kes tertanggung adalah seperti berikut:-

(a) Bagi kes-kes sivil:

- (i) Ditanggung atas permohonan Peguam Plaintiff - 50.3%
- (ii) Ditanggung atas permohonan Plaintiff - 4.5%
- (iii) Ditanggung atas permohonan Defendan - 5.3%

(iv) Ditanggung atas permohonan Peguam Defendan - 23.7%

(v) D i t a n g g u h o l e h mahkamah - 13.6%

(vi) Sebab-sebab lain - 2.4%

Dapat dilihat di sini bahawa penanggungan yang disebabkan oleh permohonan kedua-dua Peguam Plaintiff dan Defendan adalah sebanyak 74%.

(b) Bagi kes-kes jenayah:

(i) Ditanggung atas permohonan Peguambela - 24.8%

(ii) D i t a n g g u h o l e h mahkamah - 23.5%

(iii) Ditanggung atas Permohonan Polis - 20.1%

(iv) Ditanggung atas permohonan Pegawai Pendakwa - 13.4%

(v) Ditanggung atas permohonan orang yang dituduh - 12.1%

(vi) Ditanggung atas permohonan saksi - 6.1%

Untuk memberi perangkaan kes-kes tertanggung 5 tahun kebelakangan sahaja adalah kurang tepat oleh kerana jumlah kes-kes tertanggung adalah kumulatif dan kes-kes yang belum diselesaikan pada penghujung sesuatu tahun dibawa ke tahun hadapan berikutnya. Oleh itu, jumlah kes-kes tertanggung mengikut pecahan negeri sehingga akhir tahun 1992 adalah seperti berikut:-

**Kes-kes Tertanggung sehingga
31.12.1992**

Mahkamah Agung - 1,740

Negeri	M/Tinggi	M/Sesyen & M/ Majistret
1. Wilayah Persekutuan	29,027	109,803
2. Selangor	11,564	62,267

3. Pulau Pinang	9,213	46,513
4. Perak	16,741	38,845
5. Johor	9,277	58,189
6. Negeri Sembilan	3,876	10,836
7. Melaka	4,217	8,032
8. Pahang	6,505	31,493
9. Terengganu	2,278	23,055
10. Kelantan	9,614	22,378
11. Kedah	8,075	19,221
12. Perlis	530	1,732
13. Sabah	1,214*	4,465*
14. Sarawak	5,647	10,164
Jumlah	117,778	446,993

* Sehingga 30.11.1992

Untuk makluman Yang Berhormat, jawapan bagi soalan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kes-kes tertangguh telah pun dijawab dalam sesi yang lepas iaitu Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kelapan kepada Y.B. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim pada 12.5.1993 dan tiada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

BUNGA—MENINGKATKAN PENGELUARAN DAN PENGEKSPORTAN

26. Dr. T. Marimuthu minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) nilai dan jenis bunga yang telah dieksport dalam masa 3 tahun lalu;
- (b) ke negara manakah bunga ini telah dieksport;
- (c) apakah langkah-langkah dan insentif yang diberi untuk meningkatkan pengeluaran ; dan
- (d) adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan kempen 'say it with flowers' demi meningkatkan pengeluaran dan penggunaan bunga ini.

Datuk Seri Sanusi bin Junid:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenis bunga yang telah dieksport ialah bunga-bunga tanah tinggi (temperate flowers) dan orkid.

Dalam masa 3 tahun yang lalu, nilai eksport ialah tahun 1990—RM24.5 juta, 1991—RM27.2 juta dan 1992—RM41.3 juta.

(b) Bunga ini dieksport ke Hong Kong, Jepun, Australia, Taiwan dan Singapura.

(c) Industri bunga-bunga termasuk pokok-pokok hiasan di Malaysia mempunyai potensi masa hadapan yang amat cerah sama ada untuk dieksport atau untuk kegunaan tempatan. Mengetahui hakikat ini, pengeluaran hasil bunga-bunga dan pokok-pokok hiasan perlu dipertingkatkan bukan saja dari segi kuantiti tetapi juga kualiti keluaran tersebut. Kementerian Pertanian, melalui Jabatan Pertanian telah pun mengambil langkah-langkah berikut untuk memastikan pengeluaran bunga-bunga dapat dipertingkatkan dan bermutu tinggi:-

- (i) mengadakan kursus dan latihan khas bakal petani dan usahawan bunga-bunga. Beberapa Kerajaan Negeri pula seperti Selangor, Kedah dan Perlis memberi sokongan di dalam bentuk input pembangunan di peringkat permulaan kepada petani dan usahawan yang telah bersedia selepas menghadiri kursus dan latihan bunga-bunga.

- (ii) Program pengeluaran bahan-bahan tanaman hiasan, termasuk anak-anak pokok orkid daripada kulture tisu (tissue culture) untuk membantu bakal petani dan usahawan yang hendak memulakan usaha mereka.
- (iii) Memberi panduan, bimbingan serta perkhidmatan kepada pengeluar-pengeluar bunga di dalam cara dan teknik rawatan hasil bunga-bunga mereka supaya tidak mengandungi perosak-perosak dan membolehkan hasil eksport dengan kualiti yang tinggi. Jabatan Pertanian mengeluarkan sijil fitosanitari bagi memperakukan konsaimen hasil-hasil yang dieksport telah dirawat mengikut peraturan dan adalah bebas daripada perosak-perosak yang ditentukan.
- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kempen khusus yang bertemakan 'say it with flowers' belum diadakan lagi. Walau bagaimanapun kempen menggunakan bunga-bunga segar tempatan telah pun di lancarkan pada 29hb. Februari 1992 bertempat di Kompleks City Square yang dirasmikan oleh Y.B. Menteri Pertanian. Berikutan daripada itu, berbagai aktiviti seperti jualan bunga-bunga melalui kiosk minyak, iklan di billboard, poster dan iklan di TV serta surat khabar diadakan dari masa ke semasa ketika musim perayaan dengan tujuan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan lebih bunga-bunga tempatan.

PEMBELAJARAN— MEMPERTINGKATKAN KUALITI

27. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) di bawah Rancangan Malaysia Keenam berapa buahkah pusat (centre) bagi mempertingkatkan Kualiti Pembelajaran akan dibina oleh Kerajaan di seluruh negara;
- (b) berapa buahkah pusat sedemikian yang telah dibina dan sedang berfungsi dan adakah guru-guru dari Sekolah Rendah atau Menengah yang diberikan latihan; dan
- (c) apakah bentuk sukatan dan jenis latihan yang diberikan kepada guru-guru yang mengikuti kursus di pusat sedemikian dan adakah ianya berbeza dengan latihan yang diterima ketika di Maktab Perguruan.

**Datuk Amar Dr. Sulaiman bin
Haji Daud**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia ke Enam sebanyak 10 buah Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) akan dibina di negeri-negeri yang belum lagi mempunyai pusat sumber tersebut.
- (b) Jumlah Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) yang telah dibina dan berfungsi setakat ini sebanyak 4 buah, iatu sebuah bagi setiap negeri Pahang, Kedah, Kelantan dan di Terengganu.

- (c) Kursus yang diadakan di pusat-pusat sumber ini adalah kursus dalam perkhidmatan bagi meningkatkan taraf profesionalisme guru dari segi pengetahuan, kemahiran, pengkayaan dan pengajaran-pembelajaran di sekolah.

Latihan-latihan tersebut adalah bertujuan untuk membolehkan seseorang itu menjadi guru yang lebih berwibawa dan berkesan. Latihan-latihan yang diadakan di pusat-pusat ini adalah berbeza dengan apa yang mereka terima ketika di maktab perguruan dahulu. Penekanan latihan yang dikendalikan adalah berdasarkan kepada keperluan semasa di sekolah.

SEK. MEN. JIT SIN, BUKIT MERTAJAM—PERUNTUKAN

28. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada baki peruntukan yang dijanjikan kepada Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam iaitu sebanyak RM1.25 juta akan diperuntukkan kepadanya pada tahun ini memandangkan pihak Kerajaan berjanji bahawa peruntukan akan dibagi mengikut peringkat kemajuan pembinaan sekolah itu dan kini pembinaannya telah disiap sempurna. Jika tidak mengapa;
- (b) bagaimanakah cara bayaran baki peruntukan itu akan dibayar oleh Kerajaan; dan
- (c) mengapa Kerajaan tidak memperkotakan janji dalam perkara ini.

Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) (b) dan (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun membantu Sekolah Menengah Jit Sin Bukit Mertajam sebanyak RM750,000.00 bagi pembinaan bangunan baru. Jumlah peruntukan yang telah diberi ini adalah sangat besar kepada sebuah Sekolah Bantuan Modal. Memandangkan sekolah berkenaan telah siap dan digunakan serta peruntukan yang ada amat terhad, Kementerian Pendidikan berpendapat peruntukan yang telah diberi adalah memadai buat sementara ini.

INFRASTRUKTUR DI SARAWAK—PEMBANGUNAN

29. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada kerajaan dapat mempercepatkan pembangunan infrastruktur di Sarawak dan jika ya, berapa banyakkah tabungan yang akan diperuntukkan di dalam tahun 1994, 1995 dan 1996 bagi seluruh negeri Sarawak serta bagi 'Constituency' Parlimen Sibul (P.172).

Tuan Mohd. Yassin bin Kamari;

1. Kerajaan memang bercadang untuk mempercepatkan pembangunan infrastruktur di Sarawak dan juga di negeri-negeri lain. Program infrastruktur di Sarawak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) meliputi Jalan, Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB)

dan Program Pemodenan Kampung. Untuk Negeri Sarawak keseluruhannya bagi tahun 1994 sebanyak RM70.12 juta, dan bagi tahun 1995 sebanyak RM106.25 juta akan diperuntukkan. Bagi kawasan Parlimen Sibul pula, peruntukan yang dirancang bagi tahun 1994 dan 1995 adalah masing-masing sebanyak RM5.42 juta dan RM0.582 juta. Mengenai peruntukan 1996 pula, ianya akan diketahui apabila perancangan Rancangan Malaysia Ketujuh disediakan kelak.

PULAU LAYANG-LAYANG— PEMBANGUNAN

30. Tuan Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa banyak wang pembayar cukai yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membangunkan Pulau Layang-Layang. Apakah tujuan pembangunan ini;
- (b) apakah benar pulau itu kini diberikan kepada sebuah syarikat swasta untuk tujuan industri pelancongan; dan
- (c) apakah benar syarikat tersebut ada kaitannya dengan salah seorang anak Perdana Menteri.

Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak:

- (a) sebanyak RM60.4 juta telah dibelanjakan untuk membangunkan Pulau Layang-Layang. Tujuan pembangunan Pulau Layang-Layang ialah untuk mengukuhkan tuntutan negara ke atas pulau tersebut dengan cara mengekalkan kehadiran kita dan memajukan pulau tersebut melalui aktiviti-

aktiviti pelancongan.

- (b) Pulau ini tidak diberikan kepada mana-mana syarikat swasta. Bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti pelancongan di pulau tersebut sebuah syarikat swasta, iaitu M-Ocean Diving Sdn. Bhd., telah dipilih melalui tender terbuka untuk mengendalikan aktiviti pelancongan.
- (c) Secara kebetulan salah seorang anak Y.A.B. Perdana Menteri adalah anggota Lembaga Pengarah syarikat berkenaan.

PELACURAN—PELAJAR WANITA TERJEBAK

31. Dr. Sanusi Daeng Mariok minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) benarkah terdapat pelajar-pelajar wanita yang terjebak dalam pelacuran; nyatakan bilangan mereka dan butirkan menurut negeri. Apa punca mereka berbuat demikian dan sejauhmana usaha yang diambil bagi mengatasi masalah moral yang serius ini; dan
- (b) apakah perlu diwujudkan sebuah jawatankuasa khas peringkat kebangsaan, yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan sendiri, bagi mengkaji masalah akhlak di kalangan pelajar.

Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan tiada apa-apa laporan berkaitan dengan kegiatan ini daripada mana-mana

pihak. Walau bagaimanapun, sebagai tindakan pencegahan, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi penekanan terhadap pembinaan akhlak pelajar-pelajar yang dilakukan secara formal melalui Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam dan secara tidak formal melalui aktiviti ko-kurikulum, Khidmat Bimbingan dan Kaunseling dan disiplin sekolah. Di samping itu surat-surat Pekeliling Ikhtisas berkaitan dengan disiplin dan keselamatan pelajar juga diedarkan ke sekolah-sekolah dari masa ke semasa.

- (b) Setakat ini pihak Kementerian merasakan tidak perlu diwujudkan sebuah jawatankuasa khas peringkat kebangsaan bagi mengkaji masalah akhlak di kalangan pelajar memandangkan masalah ini boleh diatasi oleh pihak sekolah.

KANAK-KANAK PINTAR— BIMBINGAN DAN SEKOLAH KHAS

33. Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah kanak-kanak yang telah diiktirafkan sebagai kanak-kanak pintar 'genius' di seluruh negara. Adakah kerajaan merancang bagi menubuhkan satu sekolah khas untuk mereka. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang diambil bagi membimbing kanak-kanak ini dalam memastikan kepintaran kanak-kanak ini dapat digunakan bagi masa depan kemajuan negara.

Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian

Pendidikan tiada menyimpan rekod jumlah kanak-kanak yang diiktirafkan sebagai kanak-kanak pintar (genius) di seluruh negara. Setakat ini, Kementerian Pendidikan juga belum bercadang menubuhkan sekolah khas untuk mereka. Walau bagaimanapun terdapat aktiviti-aktiviti pengkayaan pembelajaran yang disediakan di sekolah-sekolah asrama penuh yang boleh membantu pelajar-pelajar pintar yang ditempatkan di sekolah-sekolah tersebut mengembangkan kebolehan mereka.

HOSPITAL—PEMBINAAN DI PEKAN LONG LAMA

33. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada reka bentuk untuk rumah sakit (District Hospital) di pekan Long Lama telah siap sedia; berapa peruntukan yang telah diluluskan untuk projek ini dan bilakah pembinaannya dimulakan; dan
- (b) adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk mendirikan sebuah klinik desa di Rumah Cenam, Sungai Linci, Tutoh; dan memperbesarkan serta memperlengkapkan klinik-klinik Desa di Bario, Long Seridan, Long Loyang, Lio Matu, Long Jeeh, Long San dan Long Pilah memandangkan bilangan penduduk di kawasan-kawasan sudah bertambah banyak sekarang.

Dato' Mohd. Farid bin Ariffin:

- (a) Kementerian Kesihatan merancang membina satu hospital di kawasan ini. Pelan yang akan digunakan untuk pembinaan Hospital Long lama ini ialah pelan piawai yang sedia ada. Peruntukan bagi pembinaan

Hospital ini akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, dan seterusnya pembinaan dijangka dimulakan menjelang tahun 1996.

- (b) Pembinaan Klinik Desa di Rumah Genam, Sungai Linci, dan Tutoh akan dipertimbangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Setakat ini Kementerian Kesihatan telah menaikkan taraf kemudahan-kemudahan kesihatan di klinik desa di negeri Sarawak mengikut keutamaan dan keperluan semasa. Kemudahan-kemudahan di klinik-klinik desa di Bario, Long Seridan, Long Loyang, Lio Matu, Long Jeeh, Long San dan Long Pilah akan dikaji semula dan dinaiktaraf mengikut keutamaan.

HICOM—PENYENARAIAAN SAHAM DI BSKL

34. Puan Hajah Rakibah bt Haji Abdul Manap minta Perdana Menteri menyatakan bilakah HICOM Bhd. (HICOM) dijangka menyenaraikan sahamnya di Bursa Saham Kuala Lumpur. Apakah langkah-langkah persiapan yang sedang dibuat pada masa ini dan apakah rintangan-rintangan persiapan yang hendak diatasi sebelum usaha menyenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dapat dilaksanakan.

Dato' Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: HICOM Berhad dijangka akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada akhir tahun 1993 ini. Tindakan-tindakan perlu sedang dijalankan oleh HICOM dengan bantuan sebuah bank pedagang untuk memenuhi

syarat-syarat pihak berkuasa berkenaan bagi penyenaraian ini. Adalah dijangka tidak ada sebarang rintangan yang dihadapi dalam usaha melaksanakan proses penyenaraian tersebut.

PEKERJA TEMPATAN— PENGENEPIAN OLEH

MAJIKAN

35. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah punca yang menyebabkan 50 kes majikan membuang pekerja tempatan dan digantikan dengan pekerja asing seperti yang dinyatakan oleh Jabatan Buruh dalam media massa tempatan 18 Jun yang lalu; dan

- (a) sila jelaskan majikan dari sektor mana;
- (b) perbezaan gaji antara pekerja tempatan dan asing;
- (c) adakah usaha menyelamatkan mereka yang terbabit; dan
- (d) langkah mencegah perkara tersebut dari berulang.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]: Saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri ini bersekali dengan soalan-soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Besi pada hari ini, Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Pinji pada 27.7.1993 dan Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai pada 29.7.1993 memandangkan kesemua soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Laporan akhbar yang dikeluarkan pada 18hb. Jun, 1993 sebenarnya merupakan kesilapan pihak akhbar berkenaan di dalam memberi tajuk bagi berita tersebut.

Perkara yang sebenarnya ialah pihak Kementerian ada menerima 50 aduan tentang penyelewengan yang dilakukan oleh pihak majikan di dalam penggajian pekerja asing. Daripada jumlah ini, hanya 10 kes yang menyentuh masalah pengenehan pekerja-pekerja tempatan. Kesemua aduan tersebut disiasat dan dari siasatan yang dijalankan, Kementerian ini mendapati tiada asas yang kukuh untuk menyokong dakwaan tersebut.

Dasar kerajaan mengenai penggajian pekerja asing pada umumnya adalah jelas iaitu ianya merupakan langkah jangka pendek untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja dalam sektor-sektor ekonomi tertentu. Dasar ini juga memastikan penggajian pekerja asing tidak akan menjejaskan hak rakyat Malaysia terhadap peluang-peluang pekerjaan dan oleh itu pengambilan pekerja asing adalah tertakluk kepada kriteria dan syarat-syarat yang ketat iaitu majikan-majikan hanya akan dibenarkan menggaji pekerja asing selepas mereka dapat membuktikan usaha-usaha telah diambil untuk mendapatkan pekerja tempatan tetapi tidak berjaya. Sejak jawatankuasa penggajian buruh asing ditubuhkan, sejumlah 285,362 pekerja asing telah dipohon, tetapi hanya 138,467 sahaja yang diluluskan.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia sedang mengubal satu Rang Undang-undang yang bernama "Employment of Foreign Persons Act" untuk memastikan kepentingan pekerja tempatan tidak digugat oleh kehadiran buruh asing. Selain dari itu, akta ini juga akan mengawal dan menyelenggarakan penggajian buruh asing di negara kita.

Mengenai gaji, perlu saya jelaskan bahawa penetapan kadar gaji di negara ini adalah dipengaruhi oleh kuasa pasaran

(market forces) dan kebijaksanaan kesatuan sekerja merundingi kadar kenaikan gaji di dalam proses perjanjian bersama. Adalah kurang tepat untuk mengatakan bahawa kadar gaji pekerja di negeri ini adalah rendah disebabkan oleh kehadiran pekerja asing.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai aduan yang spesifik bahawa ada pihak majikan tertentu yang memberi keutamaan kepada pekerja asing, sila laporkan kepada Kementerian Sumber Manusia. Saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekiranya perlu, Kementerian Sumber Manusia akan menarik balik kelulusan untuk menggaji pekerja asing oleh mana-mana pihak majikan yang tidak mengutamakan hak-hak pekerja tempatan.

JURULATIH SUKAN — PENUBUHAN AKADEMIK

36. Puan Lim Lay Hoon meminta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:—

- (a) bilangan kekurangan jurulatih yang bertauliah di semua bidang sukan di Malaysia; dan
- (b) adakah Kementeriannya bercadang menubuhkan 'Akademi Sukan' untuk melatih jurulatih sukan supaya masalah kekurangan tersebut dapat diatasi?

Tuan Haji Annuar bin Musa:

- (a) Di dalam rancangan pembangunan sukan cemerlang yang dirangka dan digubal oleh Kementerian Belia dan Sukan, adalah didapati bahawa terdapat 41,000 kekurangan jurulatih yang

perlu diberi bimbingan dan melengkapkan pengetahuan dalam bidang sains sukan dan pengkhususan sukan.

Angka kekurangan jurulatih yang bertauliah ini meliputi jangkamasa sehingga tahun 2000 dan pihak Kementerian melalui Majlis Sukan Negara sedang giat melatih jurulatih-jurulatih di bawah Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan secara berperingkat mengikut kepentingan dan pengkelasan sukan.

- (b) Kementerian sudah ada rancangan untuk melatih jurulatih sukan supaya masalah kekurangan tersebut dapat diatasi. Di dalam perancangan ini penubuhan Institut Sukan Negara di Bukit Jalil yang sedang giat dilaksanakan dan satu pusat bagi latihan jurulatih-jurulatih tempatan diberi perhatian yang utama. Institut Sukan Negara dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Februari 1995.

UNIVERSITI—KEMASUKAN PENUNTUT

37. Dato' Muhamad bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah penuntut-penuntut yang memasuki universiti-universiti di seluruh negara pada tahun ini. Berapa ramaikah penuntut-penuntut perempuan; dan
- (b) bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja adakah Kementerian telah memberikan kebenaran kepada penuntut-penuntut daripada

universiti-universiti di seluruh negara untuk bekerja secara sambilan di universiti-universiti masing-masing, di pejabat-pejabat swasta dan di lain-lain Jabatan. Kalau belum adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kebenaran tersebut. Kalau tidak bercadang mengapa?

Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pendaftaran pelajar-pelajar baru untuk memasuki universiti-universiti tempatan masih belum selesai sepenuhnya. Oleh itu maklumat terperinci mengenai pelajar-pelajar yang berjaya memasuki universiti tempatan masih belum diperolehi.
- (b) Setakat ini, kerajaan belum bercadang membenarkan penuntut-penuntut bekerja secara sambilan kecuali bagi mereka yang terlibat dengan program 'sangkutan' bagi memenuhi keperluan kursus. Ini adalah kerana pengambilan penuntut untuk bekerja secara sambilan dikhuatiri akan menjejaskan prestasi pelajaran mereka.

PROJEK JALAN DI KUALA LUMPUR—PERUNTUKAN

38. Dr. Tan Seng Giaw meminta Perdana Menteri menyatakan projek jalan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan di Kuala Lumpur untuk tahun ini dan tahun depan. Sila senaraikan projek-projek tersebut. Apakah jumlah peruntukannya. Adakah beliau bercadang untuk menunaikan janji mengarah Unit Perancang Ekonomi supaya mem-

pertimbangkan peruntukan RM30 juta untuk Projek Jalan Kepong.

Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menyedari masalah kesesakan jalan yang berlaku di Kuala Lumpur. Dalam hubungan ini Kerajaan telah mengambil usaha untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur dengan pelaksanaan antara lain projek-projek melebarkan jalan-jalan yang sedia ada, pembinaan persimpangan bertingkat, jalan-jalan lingkaran dan jalan sambungan. Di samping itu Kerajaan juga sedang melaksanakan Projek LRT Fasa I dari Ampang ke Jalan Sultan Ismail dan Projek Landasan Berkembar KTBM. Kerajaan juga sedang membuat kajian untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam yang sedia ada di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam tahun 1993, sebanyak tiga projek telah disiapkan iaitu Jalan Pasar, Jalan Cochrane dan Jalan Taman Tasik Perdana dengan kos sebanyak RM39 juta. Di samping itu terdapat 19 projek di dalam berbagai peringkat pelaksanaan yang bernilai RM870 juta. Selain daripada itu empat projek sedang di dalam peringkat penyediaan rekabentuk melibatkan kos sebanyak RM7 juta.

Di dalam usaha selanjutnya untuk mengatasi masalah kesesakan jalan di Kuala Lumpur Kerajaan juga sedang menimbang menambah beberapa projek jalan raya seperti pembinaan persimpangan bertingkat dan melebarkan jalan raya yang sesak.

Dalam pada itu sukacita dimaklumkan juga bahawa peruntukan sewajarnya

telah disediakan bagi membesarkan Jalan Kepong. Buat masa ini peruntukan sebanyak RM20 juta telah pun disediakan untuk melaksanakan projek ini melalui empat fasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasa I projek ini telah pun siap. Pelaksanaan fasa-fasa lain sedang dilaksanakan.

SEMINAR PENDEKATAN SUNNI-SYIAH—KESAN

39. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohd. Zain minta Perdana Menteri menyatakan apakah kesan Seminar Pendekatan Sunni-Syiah anjuran Persatuan Ulama Malaysia yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini ke atas:

- (i) aqidah umat Islam; dan
- (ii) fahaman serta Budaya Politik di Malaysia.

Jika negatif, apakah tindakan dan langkah Kerajaan dalam menanganinya.

Encik Othman bin Abdul:

- (i) Kesan Seminar Pendekatan Sunni-Syiah anjuran Persatuan Ulama Malaysia ke atas akidah umat Islam di negara ini tidak boleh dinilai dari jangka masa yang pendek. Namun begitu Seminar tersebut boleh memberi kesan kepada akidah umat Islam di negara ini kerana sebahagian pembentang kertas kerja dari luar negara adalah terdiri dari mereka yang sememangnya penganut fahaman Syiah. Dari segi peserta-peserta yang telah menghadiri Seminar tersebut terdapat mereka yang mencadangkan kepada pihak berkuasa agar Seminar seperti ini

tidak diadakan di Malaysia. Malah risalah-risalah yang memprotes Seminar ini disebarkan di merata-rata tempat di sekitar Kuala Lumpur terutama di Masjid-masjid bagi tujuan menunjukkan kebimbangan Seminar seperti ini akan menjejaskan akidah umat Islam di negara ini yang berpegang teguh kepada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

- (ii) Dari segi fahaman politik, Seminar ini didapati menyebelahi satu kumpulan parti politik yang menguasai sebuah negeri di Semenanjung sekarang ini. Ini jelas apabila pemimpin Kerajaan negeri berkenaan telah bercakap dalam forum khas dalam Seminar tersebut yang cuba menunjukkan cita-cita parti politiknya yang tinggi. Di samping itu ramai pemimpin-pemimpin lain dari parti tersebut di peringkat nasional yang hadir dalam Seminar berkenaan untuk memberi sokongan.

Dari kacamata Kerajaan, Seminar seperti ini boleh memecahbelahkan perpaduan umat Islam di negara ini dan ia hanya akan menimbulkan elemen-elemen negatif kepada masyarakat. Oleh yang demikian, Seminar seperti ini seharusnya tidak dibiarkan lagi pada masa-masa yang akan datang kerana boleh memecah-belah umat Islam.

TENDER—PEMILIK/JENIS KENDERAAN/JUMLAH

40. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pengangkutan menyatakan siapakah pemilik, jenis kenderaan, jumlah tender

yang dibayar dan diluluskan serta butir penuh:—

- (a) MR 5, MU 9, MV 10, BCF 5; dan
- (b) adakah tender terbuka dijalankan dan kalau tidak mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:

- (a) Butir-butir bagi nombor pendaftaran kenderaan yang dibangkitkan adalah seperti di Lampiran A.

- (b) Nombor MR 5

Nombor ini diminta oleh Y.B. Dato Gan Boon Leong (seorang Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri) mengikut kelayakan Surat Pekeliling Jabatan Pengangkutan Jalan Bil. 10/78. Walaupun, nombor ini boleh diberikan secara percuma kepada beliau tetapi beliau telah menawarkan bayaran sebanyak RM1,000 untuk nombor tersebut kepada Kerajaan.

Nombor MU 9

Tidak ada apa-apa bayaran kerana didaftarkan kepada kereta rasmi atas nama Setiausaha Kerajaan Melaka.

Nombor MV 10

Nombor ini ditenderkan dengan harga tertinggi sebanyak RM1,100/- oleh Encik Chew Ah Choi. Bagaimanapun beliau tidak mengemukakan deposit 10% sebagaimana disyaratkan dan dengan demikian telah ditolak. Nombor MV 10 tersebut

kemudiannya diberikan kepada Encik Yusof bin Ali yang menawarkan harga tertinggi kedua.

Nombor BCF 5

Nombor ini adalah dikhaskan untuk kegunaan Sultan Selangor tetapi diluluskan kepada Dato' Lela Bistari Jaafar bin Ali secara percuma pada 23hb. Disember 1985 setelah JPJ menerima surat titah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

ALAT ELEKTRONIK DI DALAM KAPAL TERBANG— LARANGAN PENGGUNAAN

41. Tuan Wong Wing On minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Jabatan Penerbangan Awam telah merangka peraturan-peraturan yang jelas untuk melarang penggunaan alat-alat elektronik seperti telefon bergerak, komputer lap-top, compact-disc players dan sebagainya oleh penumpang-penumpang kapal terbang demi menjamin sistem-sistem penerbangan kapal terbang, terutamanya sistem komunikasi tidak diganggu, jika tidak, kenapa; jika ya, nyatakan:

- (a) jenis alat-alat elektronik yang dilarang;
- (b) cara-cara melaksanakannya dan hukuman-hukuman yang akan dihadapi oleh pesalah; dan
- (c) setakat ini, bilangan pesalah yang dikenakan hukuman.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Setakat ini, Jabatan Penerbangan Awam tidak mempunyai peraturan melarang penggunaan alat-alat elektronik seperti telefon

bergerak, komputer lap-top, dan sebagainya semasa dalam penerbangan.

- (b) Oleh kerana setakat ini tiada apa-apa peraturan yang telah diperkenalkan, pihak Penerbangan Malaysia hanya menasihatkan penumpang-penumpang supaya tidak menggunakan alat-alat tersebut semasa dalam penerbangan.
- (c) Soal mengenai bilangan pesalah yang telah dikenakan hukuman tidak timbul setakat ini, kerana tiadanya peraturan-peraturan yang melarang penggunaan alat-alat elektronik semasa dalam penerbangan.

YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH—PROGRAM

42. Tuan Haji Hadi bin Haji Awang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah program-program yang telah dilaksanakan dan pencapaian-pencapaian yang telah terhasil sejak penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) sejak ianya dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 12hb. Januari 1993 yang lalu.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Sejak penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, satu seminar bertajuk "Juvenile Delinquencies" telah dianjurkan pada 11hb. hingga 13hb. Mei, 1993 bertempat di Crown Princess, Kuala Lumpur. Seminar ini adalah anjuran bersama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Pasukan Polis Di Raja Malaysia. Sebanyak 6 kertas kerja telah dibentangkan di sepanjang seminar tersebut.

Dari segi pencapaian, seminar ini telah berjaya mengenal pasti berbagai masalah berhubungan dengan kenakalan remaja di negara ini di samping mengenal pasti langkah-langkah pencegahan dan pemulihan serta agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam usaha pencegahan dan pemulihan. Resolusi-resolusi seminar ini akan dijadikan asas untuk melaksanakan tindakan yang bersepadu oleh pihak-pihak yang berkenaan.

**LAWATAN KE R.R. CHINA
OLEH YAB PERDANA
MENTERI**

43. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil Lawatan Perdagangan dan Pelaburan ke Negara Republik rakyat China dari segi:

- (a) bentuk kesemua "Memorandum Persefahaman" yang telah ditandatangani bersama;
- (b) jenis-jenis projek usahasama yang akan dijalankan;
- (c) jumlah pelaburan tiap-tiap projek;
- (d) penglibatan syarikat-syarikat tempatan yang bertaraf Bumiputera;
- (e) syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China; dan
- (f) bagaimanakah kedudukan imbalan pembayaran dari segi hubungan dagangan antara Malaysia dan Republik Rakyat China sekarang.

19.7.93

Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) apakah tujuan lawatan YAB Perdana Menteri dan

rombongannya ke negara Republik Rakyat China pada 13hb—22hb. Julai, 1993 dan apakah hasil yang dicapai dari lawatan itu, baik di sektor awam mahupun sektor swasta;

- (b) apakah kemajuan dalam usaha promosi gagasan EAEC, soal kepulauan Spratly, hubungan antara rakyat; dan
- (c) apakah reaksi Taiwan daripada lawatan ini.

Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada lawatan YAB Perdana Menteri ke Negeri China baru-baru ini mencapai matlamat sepenuhnya termasuk bidang perdagangan, teknologi, kebudayaan dan perhubungan dua hala, selaras dengan kos perbelanjaan lawatan dan pulangan hasil yang dicapai.

Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada lawatan Perdana Menteri baru-baru ini ke Negeri China mendatangkan manfaat kepada negara.

Tuan Nurnikman Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan lawatan YAB Perdana Menteri ke China baru-baru ini dan apakah di antara kejayaan yang dicapai dalam lawatan ini.

Tuan Mohamed Kamal Hussain minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dari segi hubungan perdagangan dan politik di dalam lawatan Perdana Menteri ke Negara China baru-baru ini; dan
- (b) apakah jaminan Negara China untuk menyelesaikan tuntutan bertindih ke atas kepulauan Spratly.

Tuan Chian Heng Kai minta YB Menteri Luar Negeri menyatakan:—

- (a) hasil lawatan rasmi ke China yang diketuai oleh Perdana Menteri pada 13.6.1993 hingga 22.6.1993 khususnya dalam aspek kebudayaan dan pendidikan;
- (b) adakah rombongan Malaysia berbincang dengan pihak China berkenaan dengan masalah murid-murid kita ke sana belajar. Jika ya, apakah hasilnya. Jika tidak, mengapa; dan
- (c) memandangkan negara kita sedang menghadapi kekurangan tenaga buruh, adakah rombongan kita bercadang kepada China supaya tenaga buruh China dibenarkan masuk ke negara kita demi kepentingan kedua-dua pihak. Jika ya, sebutkan butir-butir. Jika tidak, mengapa.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta YB Menteri Luar Negeri menyatakan peluang-peluang perniagaan dengan Negara China yang baru dilawati oleh YAB Perdana Menteri dan bagaimanakah harapan pengusaha-pengusaha China di masa hadapan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi hubungan kebudayaan dan diplomatik memandangkan China masih lagi belum menerima demokrasi secara mutlak.

20.7.93

Puan Rohani binti Abdul Karim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan YAB Perdana Menteri beserta rombongan ke Negara China pada 14hb. Jun baru-baru ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai lawatan YAB Perdana Menteri ke China:—

- (a) nyatakan jumlah delegasi rasmi yang dibawa;
- (b) kos perbelanjaan lawatan tersebut; dan
- (c) perincian peranan delegasi Malaysia.

21.7.93

Tuan Wong Wing On minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil-hasil dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan pendidikan akibat daripada lawatan rombongan Malaysia yang diketuai oleh YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China (RRC) baru-baru ini dengan jelas dan terperinci.

Tuan Che' Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil kejayaan lawatan rombongan YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China baru-baru ini dalam bidang:—

- (a) Ekonomi dan perdagangan; dan
- (b) Politik dan hubungan luar.

22.7.93

Dato' Mohamad bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:—

- (a) adakah benar bahawa lawatan YAB Perdana Menteri Malaysia ke China baru-baru ini merupakan satu lawatan yang amat berjaya. Apakah kejayaan-kejayaan yang utama telah dicapai di dalam lawatan tersebut; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk mengambil tenaga-tenaga kerja yang tertentu daripada Negara China untuk berkhidmat di Negara Malaysia. Kalau

bercadang bilakah akan dilaksanakan. Kalau tidak bercadang mengapa.

Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil sebenarnya lawatan Perdana Menteri dan rombongannya ke China pada bulan Jun yang lalu. Apakah langkah-langkah susulannya. Berapa tahunkah negara-negara seperti Jepun dan Singapura yang berada di depan Malaysia di semua bidang di Negara China. Mengapa kita membiarkan negara-negara tersebut tinggalkan Malaysia di belakang.

26.7.93

Dr. V. David minta Menteri Luar menyatakan:-

- (a) adakah kemungkinan perhubungan dua hala antara Malaysia dan China akan menjadi lebih rapat sebagai keputusan lawatan Perdana Menteri ke Negeri China baru-baru ini; dan
- (b) adakah betul bahawa warganegara Malaysia berketurunan China akan diberi kebenaran untuk melawat saudara-mara dan ibu bapa mereka selalu tanpa sebarang halangan daripada pihak Kerajaan.

26.6.93

Dr. V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) bolehkah beliau memberi sedikit penjelasan kepada Dewan ini tentang YAB Perdana Menteri ke Negeri China baru-baru ini;

(b) apakah perusahaan-perusahaan yang telah diluluskan oleh kedua-dua Kerajaan bagi menjalankan urusan eksport-import antara negara kita dan China; dan

(c) tarikh urusan-urusan ini dijangka bermula.

26.7.93

Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

(a) sejauh manakah kejayaan lawatan ke China baru-baru ini yang diketuai oleh YAB Perdana Menteri dan pengusaha-pengusaha lain; dan

(b) apakah langkah yang akan diambil untuk mewujudkan perdagangan antara negara kita dengan China.

27.7.93

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan YAB Perdana Menteri ke China baru-baru ini.

Tuan Michael Asang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

(a) hasil lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke China dan keuntungannya kepada Malaysia (Kerajaan dengan Kerajaan);

(b) bilangan syarikat dari China yang telah dan akan melabur di negara ini hasil dari lawatan ke China tempoh hari; dan

(c) jumlah pelaburan Negara China di Malaysia setakat ini.

Dr. Sanusi Daeng Mariok minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) hasil kunjungannya YAB Perdana Menteri ke China baru-baru ini terutama dari segi perdagangan; dan
- (b) apakah Kerajaan memastikan ia mendatangkan keuntungan, terutama kepada usahawan Bumiputera.

29.7.93

Dr. Sanusi Daeng Mariok minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) sejauh manakah kejayaan misi lawatan Perdana Menteri ke luar negeri bagi menarik pelaburan; dan
- (b) apakah kerajaan Pusat ada rancangan menyertakan sama pihak Kerajaan Negeri Kelantan dalam misi lawatan itu.

2.8.93

Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Malaysia boleh mempercayakan Negara China benar-benar ikhlas dan tidak mempunyai cita-cita untuk menguasai Asia Timur dengan kekerasan kerana mereka bukan saja mengembangkan ekonomi tetapi juga mengukuhkan dan membesarkan angkatan tentera mereka.

Menteri Luar Negeri [Datuk Abdullah bin Ahmad Badawi]: Memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkisar keseluruhannya kepada tujuan dan hasil lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Republik

Rakyat China (RRC) baru-baru ini, izinkan saya untuk menjawabnya secara serentak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diiringi oleh YBhg. Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, telah melakukan lawatan rasmi yang kedua ke Republik Rakyat China (RRC) dari 13hb.-22hb. Jun, 1993 atas jemputan TYT Li Peng, Perdana Menteri Republik Rakyat China. Lawatan terakhir Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara tersebut ialah pada bulan November 1985.

Rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terdiri daripada 97 orang ahli rombongan rasmi termasuk Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, kedua-dua Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Serombongan 143 orang ahli-ahli perniagaan yang membiayai perbelanjaan sendiri turut serta mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ahli rombongan yang lain termasuk 17 orang daripada media massa dan 27 orang rombongan kebudayaan yang dibiayai oleh Genting Berhad.

Tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan lagi persahabatan dan kerjasama dua hala di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China serta untuk meninjau peluang-peluang

kerjasama di bidang ekonomi, perdagangan, perniagaan dan pelaburan selaras dengan kepesatan perkembangan ekonomi negara tersebut. Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu bertujuan juga untuk memberi kesempatan kepada beliau sendiri untuk menyaksikan dan meninjau perubahan dan perkembangan pesat pembangunan ekonomi masa kini Republik Rakyat China.

Aturcara lawatan tersebut merangkumi lawatan-lawatan ke Beijing, Urumqi, Kunming dan Shenzhen. Sebelum berlepas pulang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah singgah di bandaraya Haikou, Pulau Hainan dan melakukan upacara meletakkan batu asas suatu projek usahasama Malaysia-Republik Rakyat China. Selain mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan para pemimpin tertinggi negara dan Kerajaan Republik Rakyat China di bandaraya-bandaraya yang dilawati, Perdana Menteri telah berucap dan mengadakan perbincangan dengan para usahawan Republik Rakyat China di Beijing dan Shenzhen mengenai peluang-peluang kerjasama dua hala di bidang perdagangan, pelaburan dan ekonomi.

Lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Negara China tersebut telah mencapai kejayaan yang besar lagi bermakna. Pemimpin kedua-dua negara telah berpeluang membincangkan pelbagai isu hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa.

Di samping kejayaan mempereratkan lagi tali persahabatan dan persefahaman di antara para pemimpin serta rakyat kedua-dua buah negara, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China telah dengan

jayanya menghasilkan pulangan yang bermakna di bidang perdagangan dan kerjasama dua hala seperti berikut:-

- (a) Para usahawan Malaysia-Republik Rakyat China telah menandatangani sejumlah 36 Perjanjian Usahasama dan Memorandum Persefahaman bernilai RM8,224 juta di bidang perdagangan dan pelaburan seperti perhotelan, hartanah, infrastruktur dan perusahaan makanan. Selain daripada itu, kedua-dua belah pihak sedang merundingkan untuk memperolehi sejumlah RM325.2 juta pesanan dan kontrak eksport barangan ke China sementara kontrak belian dari China adalah RM60.4 juta.
- (b) Kedua-dua negara bersetuju untuk menubuhkan Pejabat Konsulat masing-masing. Konsulat Malaysia akan ditubuhkan di Guangzhou, Wilayah Guangdong di Selatan China sementara Republik Rakyat China di Kuching, Sarawak. Penubuhan Pejabat Konsulat Malaysia di Guangzhou adalah untuk memudahkan urusan pengeluaran visa bagi pelawat-pelawat Republik Rakyat China khususnya di Wilayah Selatan China untuk melawat Malaysia sama ada atas urusan pelancongan mahupun perdagangan.
- (c) Persetujuan telah dengan jayanya dicapai untuk mengadakan hubungan berkembar di antara Perbandaran Pulau Pinang dengan Perbandaran Pulau Xiamen, Wilayah Fujian di Selatan China.

(d) Suatu Memorandum Persefahaman (MOU) mengenai hak pendaratan tambahan kepada MAS telah ditandatangani yang membenarkan MAS memperluaskan perkhidmatannya ke Beijing dan Guangzhou daripada 3 kali seminggu kepada 6 kali seminggu. Mulai 1994, perkhidmatan MAS ini ditambah kepada 8 kali seminggu dan seterusnya 12 kali seminggu mulai 1996. Republik Rakyat China juga mengambil maklum terhadap permintaan MAS untuk hak pendaratan ke Xiamen, Shanghai, Chengdu, Kunming dan Shenzhen. Perbincangan lanjut mengenainya akan disusuli oleh kedua-dua pihak.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, persembahan rombongan kebudayaan yang mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi kesempatan kepada masyarakat tempatan Republik Rakyat China menyaksikan kekayaan kebudayaan Malaysia. Persembahan kebudayaan ini telah diadakan di Beijing, Urumqi, Kunming dan Shenzhen.

Mengenai kerjasama pendidikan, dimaklumkan juga bahawa di awal tahun ini, pihak Kerajaan telah meluluskan cadangan supaya pelajar tajaan Kerajaan Malaysia boleh mengikut kursus-kursus pendek di peringkat ijazah lanjutan di institusi-institusi pengajian tinggi Republik Rakyat China.

Tenaga akademik institusi pengajian tinggi awam di Malaysia juga dibenarkan untuk mengikuti kursus-kursus pendek di peringkat ijazah lanjutan di institusi pengajian tinggi awam Republik Rakyat China. Semua

cadangan untuk menghantar pelajar atau tenaga akademik Malaysia ke Republik Rakyat China mesti mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri Pendidikan terlebih dahulu.

Soal pengambilan tenaga buruh dari Republik Rakyat China untuk bekerja di Malaysia tidak dibincangkan semasa lawatan. Buat masa kini, Malaysia sendiri cuba mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh ini melalui pengambilan tenaga buruh dari negara asing seperti Indonesia, Bangladesh dan Pakistan.

Perbincangan mengenai isu serantau dan antarabangsa telah membuahkan hasil yang positif di mana kedua-dua negara bersependapat bahawa sebarang pertelingkahan sewajarnya diselesaikan secara rundingan dan bukan kekerasan ketenteraan. Isu tuntutan bertindih di kepulauan Spratly dijadikan sebagai rujukan khusus. Para pemimpin Republik Rakyat China juga mengulangi sokongannya terhadap Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) anjuran Malaysia serta memberi jaminan akan dasar terbaik-baik Republik Rakyat China dengan negara serantau. China sekali lagi menegaskan dasar tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri negara asing khususnya Malaysia yang dianggap sebagai negara sahabat.

Mengenai isu keselamatan serantau, para pemimpin Republik Rakyat China telah menegaskan dan memberi jaminan kepada Malaysia bahawa China tidak mempunyai sebarang cita-cita 'hegemonistic' mahupun untuk mengisi kekosongan kuasa di rantau Asia. China memerlukan suasana politik antarabangsa yang aman lagi stabil demi menjayakan program pembaharuan dan pembangunan ekonominya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu berpuas hati dan gembira dengan tercapainya matlamat tujuan lawatan beliau ke Republik Rakyat China tersebut. Menurut penilaian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Negara China pasti akan dapat mencapai matlamat penyusunan semula dan pembaharuan ekonomi dengan jayanya. Kesungguhan China di dalam usaha pembaharuan ekonomi ke arah ekonomi pasaran telah dengan jelas menunjukkan hasilnya. Adalah penting bagi Malaysia untuk mengekalkan hubungan baik lagi rapat yang sedia ada dengan negara tersebut seterusnya mengambil peluang-peluang kerjasama ekonomi yang ada di China demi kepentingan bersama.

Di masa kini, pelaburan Malaysia di China adalah sederhana jika dibandingkan dengan lain-lain negara yang sememangnya terkenal dengan kelebihan kapasiti pelaburan asingnya. Dengan berkembangnya kerjasama perdagangan dan ekonomi di antara Malaysia dan Republik Rakyat China adalah menjadi harapan Malaysia supaya projek-projek usahasama pelaburan sewajarnya juga dapat dipertingkatkan. Kerajaan akan terus menggalakkan penghantaran misi-misi perdagangan dan ekonomi ke China dan di masa yang sama mengalu-alukan rombongan sedemikian daripada negara tersebut. Sehubungan ini, terdapat sesetengah Kerajaan Negeri yang telah mengambil inisiatif menghantar rombongan penggalakan pelaburan dan ekonomi ke Republik Rakyat China. Pihak Kerajaan selanjutnya ingin memberi jaminan bahawa Kementerian-kementerian yang berkaitan akan terus memberi kerjasama dan bantuan sewajarnya kepada usaha-usaha Kerajaan Negeri di dalam mengadakan misi penggalakan pela-

buran dan kerjasama ekonomi seberang laut.

RADIO—KENAIKAN KADAR CAJ

45. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:—

- (a) apakah sebabnya Syarikat Telekom Malaysia Berhad telah menaikkan kadar caj baru perkhidmatan radio suwa konvensional dalam jalur VHF (137/142 dan 146/151 MHZ) serta UHF (457/467 MHZ) mulai dari 1.7.1993; dan
- (b) adakah beliau sanggup mengkaji semula kenaikan caj yang tinggi bagi penggunaan eksklusif iaitu dari kadar lama RM400/ saluran/bulan ke kadar baru RM2700/ saluran/bulan memandangkan kenaikan yang tinggi itu akan menyusahkan syarikat radio teksi yang kecil.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos
[Dato' Seri S. Samy Vellu]:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Telekom Malaysia Berhad mengkaji semula caj bagi perkhidmatan radio suwa konvensional memandangkan caj semasa ini telah ditetapkan lebih 20 tahun dahulu dan kadar pulungannya tidak dapat menampung kos operasi perkhidmatan yang sentiasa meningkat setiap tahun.

(b) Pihak Kementerian telah mengadakan pertemuan dengan pengusaha-pengusaha teksti mengenai masalah ini. Kementerian sedang berbincang dengan Telekom Malaysia Berhad untuk mengekalkan bayaran sewa yang asal. Satu pengumuman mengenai perkara ini akan dibuat dalam sedikit masa lagi setelah keputusan muktamad diperolehi.

SENJATA—KESAN PEMBELIAN KEPADA EKONOMI DAN POLITIK

47. Tuan Mohamed Kamal Hussain minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kesan politik dan ekonomi yang akan timbul akibat dari pembelian persenjataan baru pertahanan udara kita dari Russia dan Amerika Syarikat. Adakah negara telah bersedia menghadapi situasi-situasi tersebut.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan dasar terbuka dan terbaik-baik dengan semua pihak. Justeru itu, Kementerian Pertahanan tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pembelian persenjataan baru pertahanan udara dari Russia dan Amerika sepertimana yang diumumkan baru-baru ini, akan mendatangkan apa-apa kesan politik dan ekonomi yang negatif kepada negara. Sebagai sebuah negara yang bebas dan berdaulat, Malaysia sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi negara.

PESAWAT MIG-29 DAN 8 F/A 18d—KOS DAN KONTRAK

48. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakh kos untuk pembelian 18 MIG-29 dan 8 F/A 18d yang dicadangkan itu; dan
- (b) sama ada kontrak-kontrak ini ditetapkan menerusi asas Kerajaan dengan Kerajaan ataupun menerusi agen-agen tempatan.

Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Izinkan saya menjelaskan bahawa soalan ini telah dijawab seperti jawapan kepada soalan No. 8 daripada Tuan Mohamed Kamal Hussain pada sesi 20hb. Julai, 1993.

HAK ASASI MANUSIA— KEPUTUSAN PERSIDANGAN

49. Tuan Wong Sing Nang minta Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menyatakan keputusan Persidangan Hak Asasi Manusia di Vienna.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Persidangan Sedunia PBB mengenai Hak Asasi Manusia yang telah diadakan di Vienna dari 14 hingga 25hb. Jun 1993 telah dengan sebulat suara menghasilkan satu dokumen akhir bertajuk 'Vienna Declaration and Programme of Action' dan dua Deklarasi Khas berasingan mengenai Bosnia - Herzegovina dan Angola.

Keputusan-keputusan utama yang diambil oleh Persidangan ini adalah:

- (i) Pengiktirafan bahawa semua hak asasi manusia merupakan nilai sejagat dan pelaksanaannya mempunyai kaitan rapat dengan pelbagai faktor seperti ciri-ciri kebangsaan, serantau,

latarbelakang sejarah, keagamaan dan kebudayaan. Semua hak asasi manusia sedunia iaitu hak-hak ekonomi, sosial, kebudayaan, sivil dan politik harus dikelolakan secara adil dan saksama, dengan diberi kedudukan dan penekanan yang sama;

- (ii) Persidangan telah menegaskan semula hak untuk pembangunan sebagaimana yang diwujudkan dalam Deklarasi PBB mengenai Hak untuk Pembangunan tahun 1986, sebagai hak mutlak yang merupakan asas penting kepada hak asasi manusia;
- (iii) Mengistiharkan bahawa bantuan pembangunan tidak harus digunakan sebagai syarat kepada usaha peningkatan dan perlindungan hal asasi manusia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- (iv) Mengesyorkan bahawa cadangan negara-negara Barat untuk menubuhkan institusi Pesuruhjaya Tinggi PBB mengenai Hak Asasi Manusia dirujuk kepada Perhimpunan Agung PBB pada sesinya ke 48 tahun ini untuk pertimbangan seterusnya;
- (v) Pembiayaan aktiviti-aktiviti baru yang dicadangkan oleh negara-negara Barat bagi peningkatan dan perlindungan hak asasi manusia harus datang dari sumber kewangan baru dan bukan dibiayai melalui 'UN regular budget'.
- (vi) Semua negara digesa

mengambil tindakan serta merta secara individu dan bersama untuk mengatasi dan mengakhiri amalan penghapusan kaum.

- (vii) Mengeluarkan satu Deklarasi Khas mengenai Bosnia-Herzegovina yang menggesa penarikan balik sekatan senjata ke atas Bosnia dan memberi mereka hak mutlak untuk mempertahankan diri. Deklarasi ini juga mengecam keras rancangan untuk membahagikan Bosnia-Herzegovina.
- (viii) Satu Deklarasi Khas mengenai Angola yang menggesa masyarakat antarabangsa, terutamanya Majlis Keselamatan PBB supaya mengambil langkah-langkah tegas dan muktamad untuk mengimplementasikan dengan serta merta gencatan senjata yang berkesan di Angola. Deklarasi ini juga mendesak pihak UNITA supaya menerima keputusan pilihanraya berdemokratik tahun 1992 tanpa bersyarat mengikut Perjanjian Damai.

BSKL—USAHA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT

50. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sedang giat berusaha untuk mencapai matlamat pada tahun 1996 di antaranya untuk mengadakan suatu pasaran saham yang mempunyai 'market capitalization' sebanyak RM350 billion dan akan menjadikan pasaran saham canggih yang bertaraf "World Class Bourse".

- (a) bagaimanakah BSKL dapat mendidik rakyat jelata untuk melibatkan diri di dalam urusan niaga pasaran saham supaya tidak membeli menjual saham berasas daripada khabar angin; dan
- (b) buat masa ini adakah "Central Depository System" telah berfungsi dan berapa akaun bagi CDS telah dibuka oleh pelabur-pelabur.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

- (a) Di dalam usahanya untuk mendidik rakyat jelata membuat pelaburan berasaskan kepada fundamentals dan bukan kepada khabar-khabar angin, BSKL telah menyusun program-program tertentu seperti menganjurkan seminar-seminar, mengadakan eksposisi syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL, menaja rancangan-rancangan berkaitan dengan saham di televisyen dan juga bersoal-jawab secara langsung dengan masyarakat melalui Radio Satu seminggu sekali.
- (b) Sistem Depositori Pusat atau CDS telah mula beroperasi pada bulan November tahun lepas. Setakat ini sebanyak lapan syarikat yang disenaraikan di papan kedua BSKL telah dimasukkan ke dalam CDS di mana penjelasan urusan niaga bagi syarikat-syarikat tersebut akan dilaksanakan melalui Sistem Penjelasan Simpan Kira Elektronik. Sehingga 12.7.93, sebanyak 55,419 Akaun CDS telah dibuka.

PASPORT MALAYSIA DI SARAWAK—JUMLAH DI TAHAN

51. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pasport Malaysia di Sarawak yang masih ditahan oleh Kerajaan kerana melawat Negara China tanpa permit yang sah; dan
- (b) sama ada kerajaan dapat mempertimbang untuk memperbaharui kesemua pasport tersebut kerana kebanyakan daripada pemegang pasport tersebut adalah terdiri daripada orang-orang tua dan kerajaan juga telah meringankan sekatan untuk melawat Negara China.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:

- (a) Sebanyak 192 pasport telah ditahan oleh Kerajaan atas kesalahan pemiliknya melawat Negara China tanpa kebenaran.
- (b) Rayuan mendapatkan kembali sesebuah pasport yang ditahan kerana kesalahan melawat Negeri China tanpa kebenaran pada masa lalu akan ditimbang mengikut merit sesuatu kes.

**SEMPADAN MALAYSIA/THAI—
MELANJUTKAN MASA
PEMBUKAAN**

52. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak membuka sempadan Malaysia dengan Thailand lebih panjang masa dari yang ada sekarang. Jika ya, sila beritahu dari pukul berapa hingga pukul berapa dan tarikh berkuatkuasa. Jika tidak, beri sebab-sebabnya.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mulai daripada 1hb. Disember, 1992 Kerajaan telah pun memanjangkan masa bekerja di pintu-pintu masuk sempadan Malaysia/Thailand dari jam 6.00 pagi hingga 7.00 petang. Untuk masa kini tempoh waktu tersebut adalah sudah memadai dan

Kerajaan belum bercadang untuk memanjangkannya lagi.

BALAI BOMBA—PEMBINAAN DI JELI

53. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan Jeli, Kelantan telah wujud sebagai sebuah jajahan adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah balai bomba, Jika ya bilakah pembinaannya akan bermula. Jika tidak mengapa.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang telah bercadang untuk membina balai bomba di jajahan itu demi untuk memastikan keselamatan nyawa dan harta-benda penduduk tempatan terjamin. Permohonan untuk membina balai bomba tersebut telah pun dibuat di dalam Rancangan Malaysia Ke-5 dan Rancangan Malaysia Ke-6. Oleh kerana kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan, maka permohonan tersebut tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, di dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-6, Kementerian ini akan memajukan semula permohonan tersebut untuk mendapatkan pertimbangan Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kawasan Jeli mendapat perlindungan kebakaran daripada balai bomba Tanah Merah iaitu lebih kurang 40 km. dari Jeli, Kelantan.

KEMISKINAN—TAHAP YANG DITETAPKAN

54. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Angka garis kemiskinan iaitu RM375 bagi setiap keluarga ditetapkan pada tahun apa dan

sama ada angka ini masih diguna untuk tujuan banci pada tahun 90 an. Jika ya, bukankah angka ini sebenarnya tidak memadai pada keadaan sekarang memandangkan inflasi berlaku setiap tahun. Jika tidak apakah angka garis kemiskinan dipakai pada masa ini dan bilakah ia ditetapkan;

- (b) Sama ada angka garis kemiskinan yang sama diguna dalam bancian keluarga di bandar dan luar bandar. Jika ya, bukankah ini tidak membayangkan keadaan yang sebenar oleh kerana perbelanjaan keluarga di bandar memang lebih daripada keluarga di luar bandar;
- (c) Angka-angka garis kemiskinan yang ditetapkan oleh Kerajaan sejak 1957 hingga 1993; dan
- (d) Kadar kemiskinan negara kita pada 1992.

Dato' Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:

- (a) Secara rasminya, garis kemiskinan untuk Semenanjung Malaysia yang terakhir yang telah diumumkan dalam dokumen Rangka Rancangan Jangka Panjang ialah RM370 bagi seisi rumah sebulan bagi tahun 1990 dan bukannya RM375 sepertimana yang dinyatakan dalam soalan Ahli Yang Berhormat. Garis kemiskinan ini tidaklah kekal pada tahap RM370 tetapi ianya sentiasa diubahsuai setiap tahun dengan menggunakan Indeks Harga Pengguna bagi mencerminkan perubahan paras harga atau inflasi.

- (b) Sehingga kini, garis kemiskinan yang sama adalah digunakan untuk kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar. Kerajaan sedar tentang perbezaan kos hidup di antara kawasan bandar dan luar bandar. Oleh kerana itu, Kerajaan sememangnya bercadang untuk mengkaji semula pengiraan garis kemiskinan dan seterusnya menyediakan dua garis kemiskinan yang berasingan bagi kawasan bandar dan luar bandar. Kerja-kerja mengkaji semula metodologi garis kemiskinan ini akan dilakukan sebaik sahaja Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah 1993/94 disiapkan pada akhir tahun 1994. Walau bagaimanapun, selain dari garis kemiskinan bagi Semenanjung Malaysia, Kerajaan juga menyediakan garis kemiskinan yang berasingan untuk Sabah dan Sarawak bagi menggambarkan perbezaan kos hidup di antara ketiga-tiga kawasan berkenaan.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, garis kemiskinan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan semenjak tahun 1970 iaitu semasa Dasar Ekonomi Baru mula digubal adalah seperti berikut:-

	<i>Semenanjung Malaysia (RM)</i>	<i>Sabah (RM)</i>	<i>Sarawak (RM)</i>
1970	180	-	-
1976	243	377	307
1984	349	540	428
1987	350	533	429
1990	370	544	452

Garis-garis kemiskinan di atas adalah untuk seisirumah sebulan. Secara purata,

saiz isirumah atau bilangan ahli isirumah adalah 5.14 orang bagi Semenanjung Malaysia, 5.36 orang bagi Sabah dan 5.24 orang bagi Sarawak.

- (d) Pihak Unit Perancang Ekonomi kini sedang giat menyediakan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam termasuk menyediakan anggaran kemiskinan dan garis kemiskinan yang terbaharu bagi tahun 1992. Adalah terlalu awal pada peringkat ini mengumumkan anggaran-anggaran tersebut. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat akan berpeluang mengetahui anggaran-anggaran ini apabila dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada akhir tahun ini.

HAK ASASI MANUSIA— KEPUTUSAN PERSIDANGAN DI VIENNA

55. Tuan Wong Sing Nang minta YB Menteri Luar Negeri menyatakan keputusan Persidangan Hak Asasi Manusia di Vienna.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Persidangan Sedunia PBB mengenai Hak Asasi Manusia yang telah diadakan di Vienna dari 14 hingga 25hb. Jun 1993 telah dengan sebulat suara menghasilkan satu dokumen akhir bertajuk 'Vienna Declaration and Programme of Action' dan dua Deklarasi Khas berasingan mengenai Bosnia - Herzegovina dan Angola.

Keputusan-keputusan utama yang diambil oleh Persidangan ini adalah:

- (i) Pengiktirafan bahawa semua hak asasi manusia merupakan nilai sejagat dan pelaksanaannya mempunyai kaitan rapat dengan pelbagai faktor seperti ciri-ciri kebangsaan, serantau, latarbelakang sejarah, keagamaan dan kebudayaan. Semua hak asasi manusia sedunia iaitu hak-hak ekonomi, sosial, kebudayaan, sivil dan politik harus dikelolakan secara adil dan saksama, dengan diberi kedudukan dan penekanan yang sama;
- (ii) Persidangan telah menegaskan semula hak untuk pembangunan sebagaimana yang diwujudkan dalam Deklarasi PBB mengenai Hak untuk Pembangunan tahun 1986, sebagai hak mutlak yang merupakan asas penting kepada hak asasi manusia;
- (iii) Mengisytiharkan bahawa bantuan pembangunan tidak harus digunakan sebagai syarat kepada usaha peningkatan dan perlindungan hak asasi manusia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- (iv) Mengesyorkan bahawa cadangan negara-negara Barat untuk menubuhkan institusi Pesuruhjaya Tinggi PBB mengenai Hak Asasi Manusia dirujuk kepada Perhimpunan Agung PBB pada sesinya ke 48 tahun ini untuk pertimbangan seterusnya;
- (v) Pembiayaan aktiviti-aktiviti

baru yang dicadangkan oleh negara-negara Barat bagi peningkatan perlindungan hak asasi manusia harus datang dari sumber kewangan baru dan bukan dibiayai melalui 'UN regular budget'.

- (vi) Semua negara digesa mengambil tindakan serta merta secara individu dan bersama untuk mengatasi dan mengakhiri amalan penghapusan kaum.
- (vii) Mengeluarkan satu Deklarasi Khas mengenai Bosnia-Herzegovina yang menggesa penarikan balik sekatan senjata ke atas Bosnia dan memberi mereka hak mutlak untuk mempertahankan diri. Deklarasi ini juga mengecam keras rancangan untuk membahagikan Bosnia-Herzegovina.
- (viii) Satu Deklarasi Khas mengenai Angola yang menggesa masyarakat antarabangsa, terutamanya Majlis Keselamatan PBB supaya mengambil langkah-langkah tegas dan muktamad untuk mengimplementasikan dengan serta merta gencatan senjata yang berkesan di Angola. Deklarasi ini juga mendesak pihak UNITA supaya menerima keputusan pilihanraya berdemokratik tahun 1992 tanpa bersyarat mengikut Perjanjian Damai.

ELEKTRIK—LAPORAN KRISIS TENAGA

56. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan

sama ada Kabinet sudah menerima laporan mengenai 'Krisis Tenaga' yang mengganggu bekalan elektrik di seluruh negara. Daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Sila nyatakan:-

- (a) sama ada laporan itu akan dikemukakan kepada Parlimen untuk dibahaskan; dan
- (b) sama ada Kerajaan tidak akan mengambil apa-apa langkah susulan terhadap laporan tersebut.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Walaupun saya telah menjawab soalan ini di Parlimen pada bulan Mei lalu saya menambahkan sedikit untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa National Grid Company, United Kingdom telah mengemukakan beberapa syor untuk mempertingkatkan keselamatan dan reliabiliti talian penghantaran Tenaga Nasional Berhad. TNB sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk memperkukuhkan perkhidmatan penghantaran.

Sistem penghantaran merupakan suatu aspek penting dalam perkhidmatan bekalan elektrik. Oleh yang demikian kerajaan sedang berusaha dengan serius untuk melaksanakan projek Talian Penghantaran 500 Kv untuk memperkukuhkan Sistem Grid Nasional. Projek ini akan dilaksanakan dalam dua peringkat iaitu pembinaan talian penghantaran ke utara Lumut ke Perlis dan ke selatan dari Lumut ke Ayer Hitam. Walaupun kajian sekarang hanya mencadangkan disambung hingga ke Ayer Hitam, pada akhirnya talian ini akan disambung hingga ke Johor Bahru. Projek Talian Penghantaran 500 Kv ini akan menjadi tulang belakang kepada Sistem Grid Nasional yang berkeupayaan untuk menampung pertambahan beban

yang sedang meningkat dengan pesat. Berkenaan dengan soalan (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan kajian tersebut hanya untuk makluman dan tindakan Kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan. Soalan (b) telah pun dijawab di atas.

SEKOLAH—RANCANGAN PEMBINAAN DI TAMAN

UNGKU TUN AMINAH

57. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapakah Kementerian beliau tidak mempunyai sebarang rancangan untuk membina sebuah sekolah rendah untuk Taman Ungku Tun Aminah dan kawasan perumahan Johor Bahru di sekelilingnya sama ada SRJK (C) Kuo Kuang (2) atau sebuah SRJK (C) Taman Ungku Tun Aminah yang baru memandangkan SRJK (C) Kuo Kuang mempunyai bilangan pelajar yang menghampiri 5,000 orang; dan menyatakan bilangan sekolah rendah dalam negara ini mempunyai lebih daripada 4,000 orang pelajar dengan memberikan angka jumlah bilangan pelajar untuk setiap sekolah sedemikian.

Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan ada merancang pembinaan sekolah rendah di kawasan perumahan Taman Ungku Tun Aminah dalam Rancangan Malaysia Ke-6 iaitu Sekolah Kebangsaan Tun Aminah 2. Kementerian Pendidikan tidak merancang pembinaan SRJK (C) Kuo Kuang 2 memandangkan ia adalah Sekolah Bantuan Modal. Tanggungjawab membina bangunan sekolah tersebut seharusnya diusahakan sendiri oleh pihak sekolah termasuklah urusan untuk mendapatkan tanah.

Berhubung dengan pembinaan sebuah SRJK (C) di Taman Ungku Tun Aminah, keutamaan perancangan diberikan kepada pembinaan Sekolah Kebangsaan memandangkan SK Taman Ungku Tun Aminah 1 tidak dapat menampung enrolmen murid lebih daripada 2,000 orang sedangkan pada masa ini ia hanya mempunyai 18 buah bilik darjah. Pada tahun hadapan enrolmen ini dijangka meningkat dan ini memerlukan pembinaan sekolah Kebangsaan dengan segera. Di kawasan perumahan Taman Ungku Tun Aminah, tapak sekolah rendah yang lain telah dirancang untuk pembinaan Sekolah Rendah Khas Kanak-kanak Bermasalah Pendengaran dan Penglihatan dan projek ini telah diluluskan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Ke-6.

Bilangan sekolah rendah yang enrolmen muridnya melebihi 4,000 orang di negara kita ialah satu sekolah sahaja iaitu SRJK (C) Kuo Kuang, Batu 8¹/₂, Skudai, Johor. Enrolmen murid sekolah tersebut pada 31hb. Januari, 1993 ialah seramai 4,513 orang.

**“TEN BILLS OF RIGHTS”—
MERINGKASKAN PERLEM-
BAGAAN NEGARA**

58. Tuan Shahidan Kassim minta Menteri Undang-Undang menyatakan:-

- (a) apakah Kerajaan ingin membuat ‘Ten Bills of Right’ seperti Amerika Syarikat dalam rancangan untuk meringkaskan Perlembagaan Negara;
- (b) setelah diringkaskan adakah Kerajaan akan memberi keterangan yang jelas untuk setiap yang tertulis bagi mengelakkan kekeliruan pemikiran rakyat; dan
- (c) adakah ianya juga akan dimasukkan dalam Rancangan Pendidikan Sekolah.

Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan pada ketika ini untuk meringkaskan Perlembagaan Negara kepada ‘Ten Bills of Right’ seperti terdapat di Amerika Syarikat. Oleh yang demikian jawapan kepada soalan (b) dan (c) tidak timbul.

**SYARIKAT UNION PAPER
HOLDINGS BHD—
PENGGANTUNGAN**

59. Dato’ Dr. Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) sama ada penggantungan Syarikat Union Paper Holdings Berhad (UPHB) oleh BSKL adalah disebabkan kekurangan skrip ataupun akibat dari aktiviti yang dikenali sebagai ‘cornering of market’. Ini bermakna wujudnya penjualan saham tanpa skrip dan ini adalah terang-terang melanggar undang-undang. Adakah tindakan sudah diambil ke atas mereka yang terlibat;
- (b) apakah kesan dari urusan niaga yang tidak mengikut peraturan ini terhadap keyakinan pengurus-pengurus dari luar negeri dan pelabur tempatan;
- (c) selain dari syarikat ini, berapa buah lagi syarikat yang terlibat dalam urusan niaga berkenaan dan berapakah nilai saham-saham berkenaan yang diniagakan; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang sedang dirangka dan sedang dijalankan oleh Kementerian untuk memastikan kegiatan sedemikian tidak berulang lagi.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

- (a) Jawapan berkaitan dengan perkara ini telah pun dibuat pada 19hb. Julai 1993 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Alor Setar. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulang jawapannya.
- (b) Pasaran saham amat sensitif kepada perkembangan-perkembangan semasa samada positif atau negatif. Justeru itu, kes UPHB ini telah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap sentimen di pasaran. Walau bagaimanapun, kesannya tidaklah begitu serius sehingga menjejaskan terus keyakinan pengurus-pengurus dana dari luar negeri atau pelabur-pelabur tempatan terhadap pasaran kita. Tidak terdapat tanda-tanda berlakunya penjualan berleluasa di kaunter-kaunter lain. Indeks komposit BSKL masih lagi berada di paras melebihi 700 mata contohnya 742 mata pada 19.7.93.
- (c) Selain daripada UPHB, tidak ada syarikat-syarikat lain yang terlibat dalam kes seumpamanya.
- (d) Kegagalan membuat penyerahan selepas jualan akan tetap berlaku selagi kita mengamalkan sistem penyelesaian berlandaskan kepada sijil-sijil. Cara yang paling ideal sekali ialah dengan memperkenalkan sistem dengan izin "Delivery Versus Payment". Cara ini tidak sesuai diperkenalkan sekarang kerana ianya akan melenyapkan kegiatan spekulasi. Pasaran saham perlu mempunyai unsur-unsur spekulasi

untuk memberi kecairan. Apa yang perlu dikawal ialah spekulasi berlebihan yang boleh membawa kepada manipulasi.

Walaupun bagaimanapun, dengan pelaksanaan sistem Depositori Pusat yang sedang dilakukan secara berperingkat-peringkat oleh BSKL sekarang ini, Insya Allah sebahagian besar daripada masalah-masalah ini akan dapat diatasi.

PENJARA—PENGHAPUSAN HUKUMAN SEUMUR HIDUP

60. Tuan R. Karpal Singh minta Yang Berhormat Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan hukuman penjara seumur hayat kerana ianya adalah kejam dan tidak adil.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Hukuman penjara seumur hayat dijatuhkan kepada mereka yang terlibat dengan kesalahan serius iaitu di bawah Akta Senjata 1960 dan Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971. Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji hukuman-hukuman di bawah undang-undang tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERHUTANAN NEGARA (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perhutanan Negara 1984; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibacakan kali yang

pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN**

**(PINDAAN ORDINAN
KESIHATAN AWAM) 1993**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta meminda Ordinan Kesihatan Awam Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan, pengubahsuaian Ordinan Kesihatan Awam 1985; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN**

**(PINDAAN ORDINAN KERAJAAN
TEMPATAN) 1993**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta meminda Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan, pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan 1984; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PATEN (PINDAAN) 1993**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Akta untuk meminda Akta Paten 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERLEMBAGAAN (PINDAAN)
(NO. 3) 1993**

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang". [19hb. Julai, 1993]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerai, minta sambung.

3.39 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Haji Amiruddin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi.....

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang terhormat, nanti sekejap, ada point of order ya. Ya, apa point of order itu?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, 23(3). Saya hendak merujuk kepada soalan yang telah saya telah

berikan kepada Dewan Rakyat di mana saya mendapati bahawa dua soalan yang saya kemukakan telah hilang atau telah dibatalkan dengan begitu sahaja. Adalah amat mustahil sekali kerana kedua-dua soalan yang harus ditimbulkan pada hari semalam dan hari ini yang tidak keluar dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ialah berkaitan dengan kes MBf Finance dengan kes Tan Sri Loy Hien Cheung di mana saya sedang meminta penjelasan mengenai siasatan ke atas penyelewengan yang dilakukan oleh beliau dan MBf Finance dalam kes-kes seperti ini.

Saya tidak tahu mengapa setakat ini soalan ini tidak timbul langsung dalam Order Paper.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Saya akan siasat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Dan saya rasa ini soalan yang simple sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Baiklah.

Tuan Lim Guan Eng: Tentang laporan polis. Saya harap tidak ada sebarang penyelewengan yang mungkin berkaitan dengan Parlimen kerana Tan Sri Loy ialah orang kuat Yang Berhormat Menteri Kewangan yang sedang menyokong usahanya untuk melawan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat dari Jerai sila teruskan.

Tuan Haji Badrudin bin Amirulddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan dan saya kira Rang Undang-undang ini memang sesuai dan

kena pada tempatnya dan tohmah-tohmah dari Pembangkang yang mengatakan Rang Undang-undang ini tidak demokratik tidak boleh diterima kerana Rang Undang-undang ini tidak sekadar dilulus oleh Kabinet atau segolongan pemimpin sahaja. Rang Undang-undang ini dibentang dalam bahasa yang begitu mudah difaham oleh pihak Pembangkang dan alasan masa yang diberi tidak cukup tidaklah wajar kerana kebanyakan daripada mereka ini adalah orang-orang yang keluar dari sekolah-sekolah, dari universiti-universiti yang besar. Jadi, kita tidak memerlukan lagi tekanan-tekanan daripada Pembangkang untuk kita meluluskan Rang Undang-undang pada petang ini, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibuat oleh Kerajaan, walaupun di dalam setiap persidangan Parlimen ini kita perlu membuat pindaan ke atas apa jua Perlembagaan kerana untuk kebaikan rakyat, kerana untuk kesejahteraan rakyat, kerana untuk kesenangan Kerajaan menjalankan tugasnya, maka Rang Undang-undang itu ataupun pindaan-pindaan ke atas Perlembagaan itu kena dibuat. Oleh kerana kita telah merdeka berpuluh tahun dan kita menuju ke arah pembangunan. Jadi, Perlembagaan yang lama, Perlembagaan yang perlu diperbetulkan wajib diperbetulkan supaya pentadbiran negara ini dapat dijalankan untuk kebaikan keseluruhan rakyat termasuk rakyat yang menyokong parti-parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, hujah dan ayat-ayat yang selalu dikeluarkan oleh ahli-ahli pembangkang ialah satu, skandal; yang kedua, minta tubuh Suruhanjaya Diraja; yang ketiga, penyelewengan. Inilah ayat-ayat yang telah dilatih oleh tauke-tauke mereka supaya dikeluarkan oleh anak-anak buah

mereka. Tidak ada ayat lain. Skandal, Suruhanjaya Diraja, penyelewengan – yang ini sahaja yang mereka keluarkan. Soal kebaikan tidak pernah timbul. Jadi, yang kita pinda pada hari ini ialah untuk meletakkan seorang Menteri menjaga negeri Sabah kerana Kerajaan Sabah dianggap Kerajaan yang tidak demokratik, Kerajaan yang meminda Perlembagaan Negeri semata-mata untuk kepentingan Ketua Menteri. Semata-mata untuk mempertahankan bahawa kerusi di dalam Dewan Undangan Negeri itu dikuasai, dimonopoli oleh parti yang memerintah Sabah pada hari ini. Tidak boleh langsung bagi laluan untuk orang-orang lain yang tidak puashati ataupun wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat yang tidak merasakan bahawa Kerajaan itu adil kepada rakyat Sabah, ingin bertukar haluan pergi kepada pihak yang dapat membangunkan Sabah. Dia kunci habis. Kita bercakap sedikit – kunci. Kita hendak lompat – kunci. Itu dia demokratik. Yang itulah DAP kena perjuang. Jumpa Ketua Menteri Sabah, beritahu pada dia, you are wrong my friend, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Di sini everything all right, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya berharap janganlah pihak pembangkang selalu mengkritik Kerajaan dan menghalang Kerajaan daripada melakukan apa yang dipandang baik untuk masyarakat, apa yang dipandang baik untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin saya sudah bercakap begitu panjang lebar tetapi hari ini saya ingin memberi peluang kepada rakan-rakan saya dan juga mungkin pihak Pembangkang yang ingin bercakap, jadi biarlah bercakap dengan logik. Bercakap bukan dengan emosional. Jadi sebelum saya akhiri Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar ahli-ahli pembangkang akan menyokong pindaan Perlembagaan ini untuk

kepentingan rakyat yang kita sayangi. Saya juga meminta pihak Pembangkang jangan terlalu emosional di dalam kita membahaskan sesuatu usul ataupun sesuatu perkara untuk kepentingan rakyat. Kerana kalau kita ini terlampau emosional, maka nafsu itu akan menguasai fikiran kita dan apabila nafsu menguasai fikiran kita, maka seseorang pemimpin itu tidak kira berapa tinggi pangkatnya, berapa kaya kedudukannya, berapa tinggi pelajarannya, maka pemimpin ataupun orang-orang itu akan dipandang hina oleh masyarakat dan tidak dihormati masyarakat. Ini pesanan saya kepada pihak Pembangkang supaya jangan terlalu emosional. Apabila kita bahas di dalam Dewan ini jangan kita anggap orang yang berada di sebelah Kerajaan ini seperti anjing. Mengeluarkan perkataan-perkataan seperti harimau dan kucing dan ayat-ayat yang boleh menyinggung perasaan kita sesama manusia. Tuhan telah beri kepada pemimpin-pemimpin Pembangkang akal yang baik, otak yang sihat walaupun kadang-kadang kita tidak tutup dengan serban, tetapi otak yang sihat gunakan benda-benda itu untuk kebaikan kita bersama. Jangan kita serang kawan-kawan kita dan menjatuhkan maruah kita di dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan menyokong sepenuhnya usul ini kerana hari ini saya dapat lihat Yang Berhormat dari Limbawang pun ada bersama dengan kita walaupun mereka kata Yang Berhormat itu sakit. Dia keluar pergi bilik air. [Disampuk] Tidak, tidak, dia masuk dah. Jadi, saya kata sudah kelmarin Perdana Menteri hendak lantik itu, dia doktor, dia tahu orang itu sihat atau tidak sihat. Kalau tidak sihat tidakkan dia hendak beri. Jadi, Perdana Menteri sudah buat satu keputusan yang baik, jadi jangan pihak pembangkang

atur siapa hendak jadi Menteri, siapa hendak jadi Timbalan Menteri. Yang ini biar Barisan Nasional atur. You all tunggu. Tidak ada chance pasal tidak pernah menang pilihanraya. Kerana hati itu tidak betul. Jadi, dalam Islam kalau orang itu betul, kalau orang itu ikhlas di dalam menjalankan tanggung-jawabnya, insya Allah, Tuhan akan berserta dengan kita. Jadi, pihak Pembangkang ini hati tidak ikhlas, hati tidak baik, mulut tidak bagus—no way to go. That is the end of the road, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya akhiri dengan berbanyak terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jelutong.

3.48 *ptg.*

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]:

Terima kasih, Tuan Speaker, saya kesal dengan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila membentangkan satu Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Speaker, Perlembagaan Persekutuan bukan satu undang-undang biasa. Perlembagaan menjadi undang-undang utama dalam negara ini. Dalam dokumen Perlembagaan Persekutuan ini hak-hak bagi semua ada terkandung dan perkara 4(1) berbunyi, dengan izin, Tuan Speaker, saya baca:—

“This constitution is the supreme law of the land and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void.”

Adakah dokumen ini, adakah Perlembagaan Persekutuan dihormati sebagai undang-undang? Dalam fikiran saya, Tuan Speaker, langsung tidak ada. Bagi undang-undang biasa, apa yang

digunakan peruntukan dalam peruntukan-peruntukan Mesyuarat bagi Dewan Rakyat. Masa diberi bukan dalam satu hari atau dua, bukan recourse ada dibuat kepada Peraturan Mesyuarat 48 dengan suspending the Standing Orders untuk perbahasan bagi satu pindaan yang ada far-reaching consequences and effect, dengan izin, Tuan Speaker. Oleh kerana apa, bolehkah saya bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, masa tidak ada diberi? Bukan sekarang, boleh apabila menjawab. Adakah sebab-sebab yang penting, sebab-sebab yang luar biasa atas mana notis tidak ada beri? Notis adalah perlu diberi kepada Rang Undang-undang yang biasa kepada satu pindaan kepada Perlembagaan yang jadi undang-undang yang utama dalam negara ini.

Tuan Speaker, motif Kerajaan untuk membentangkan peruntukan, khasnya peruntukan yang terkandung dalam Fasal 3 dan 4 Rang Undang-undang ini. Apa jadi tujuan untuk buat apa yang ada dibuat sekarang? Adakah harus untuk meminda Perkara 43(8). Tujuan sekarang adalah untuk memansuhkan (to repeal) Article 43, Clause (8) of the Federal Constitution. Peruntukan ini adalah dalam Perlembagaan semenjak pada tahun 1957 apabila this solemn document telah diberikan kepada rakyat Malaysia, pada masa itu rakyat Malaya, dan dalam tahun 1963 kepada rakyat Malaysia. Apa yang saya terperanjat adalah begini: apabila Kerajaan umumnya, ada mengambil satu keputusan dan keputusan ada disiarkan kepada negara bahawa Tun Mustapha ada dilantik – bukan akan dilantik – ada dilantik sebagai Minister of Sabah Affairs. Pada masa itu, Tuan Speaker, Peraturan atau Perkara 43(8) ada di sana. Tidakkah Kerajaan atau Ahli-Ahli Kabinet, termasuk lawyer-lawyer yang ada dalam Kabinet langsung

tidak mengetahui Perkara 43(8) ada wujud dalam Perlembagaan? Bukankah Peguam Negara dilantik di bawah Perkara 145 dalam Perlembagaan? Peruntukan ada di dalam perkara itu, Yang di-Pertuan Agong yang melantik seseorang yang layak menjadi hakim, bukan Hakim Mahkamah Tinggi, tetapi hakim yang layak menjadi Hakim Mahkamah Agong dan Yang di-Pertuan Agong juga can remove the Attorney-General. Apa kuasa Peguam Negara untuk menjalankan pendawaan, di antara lain, ini lebih penting daripada menjalankan pendakwaan juga iaitu sebagai penasihat— No. 1 Legal Officer in the country, dengan izin, untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan, khususnya Kabinet, dalam perkara ini. Bolehkah saya tahu adakah perkara ini didahulukan daripada Tun Mustapha dilantik? Adakah perkara ini dibawa kepada Peguam Negara untuk dapat nasihat daripada dia? Khasnya, adakah peruntukan Perlembagaan Persekutuan dipenuhi atau peruntukan-peruntukan undang-undang lain? Nampaknya, Tuan Speaker, perkara ini tidak dibawa kepada Peguam Negara.

Peguam Negara bukan seorang yang bodoh. Saya yakin dia mengetahui Perkara 43(8) dalam Perlembagaan ada wujud. Jadi, apa yang berlaku adalah perkara ini Kerajaan dengan sendiri rela untuk menjalankan sesuatu tanpa nasihat daripada penasihat undang-undang yang utama dalam negara ini. Tidak payah. Now, this is like putting the cart before the horse or may be putting the cart on the horse. Itu apa yang jadi sekarang, Tuan Speaker. Adakah benar, saya mahu dapat tahu, adakah benar bahawa Peguam Negara langsung tidak ada dihubungi dalam perkara ini? Jikalau itu betul, ini jadi satu vote of no confidence, dengan izin, terhadap Peguam Negara.

Tuan Speaker, saya difahamkan bahawa tidak beberapa lama lagi, Peguam Negara yang berumur 55 tahun akan bersara. Itu bermakna dia bersara. Adakah apa-apa tujuan oleh Kerajaan untuk melantik dia sebagai Hakim Besar atau tujuan untuk melanjutkan masa tempoh bagi dia untuk menjadi Peguam Negara atau adakah Kerajaan bercadang untuk melantik seseorang lain menjadi Peguam Negara?

Tuan Speaker, apa yang penting dalam hal ini pun, saya mahu, apabila Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib bersara dia hendaklah memberi nasihat kepada Peguam Negara yang baru untuk dengan izin, take the initiative, dengan izin, to advise the Government. Oleh kerana itulah yang menjadi tugasnya dalam Perlembagaan. Dan saya menasihati Kerajaan jangan membiarkan Peguam Negara sepertimana ada dibuat dalam perkara ini. Jikalau tidak, Tuan Speaker, perkara ini tidak boleh ditimbulkan dalam konteks perkara ini ada ditimbulkan sekarang. Dalam pendakwaan pun, saya mahu menasihati bakal Peguam Negara yang harus dilantik apabila Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib ini bersara nanti.

Saya beri satu contoh, tugas Peguam Negara bukanlah untuk persecute. To prosecute, ya – itu tugasnya di antara lain. Saya beri contoh lagi, Tuan Speaker, iaitu kes saya sendiri dan Encik P. Pato – bekas Ahli Dewan Rakyat. Pada 30hb. Ogos, 1984, jikalau satu kesalahan boleh dibuktikan, sebenarnya ini bukan kesalahan. Ini adalah diumumkan oleh mahkamah baru-baru ini. Beliau didakwa organising an unlawful assembly. Bagi saya, dakwaan part taking in an unlawful assembly, dengan izin, pada tahun 1984, Tuan Speaker, dan apa yang dibuat oleh Polis dalam hal itu tidak mengikut

undang-undang, OCPD Kampar abdicated his functions, dengan izin, apabila satu permohonan untuk permit bagi function itu ada dibuat dengan kepada dia, yang tidak exercise his discretion, dengan izin, di bawah Seksyen 27 beri discretion itu kepada CPO, yang jadi appellate body. Itu adalah diumumkan dan diputuskan oleh Mahkamah Agung, dia kalah apabila perkara itu dibawa ke Mahkamah Agung.

Dalam hal yang sama, Tuan Speaker, satu waran tangkap ada dikeluarkan terhadap saya dan saya ditangkap oleh Polis di Pulau Pinang dalam tahun 1984 untuk menghadiri Mahkamah Magistret di Kampar. Saya bawakan perkara itu kepada Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi telah memutuskan "Polis tidak ada hak". Dikatakan "Polis tidak ada hak untuk menangkap saya" dan saya tidak ada the necessity, dengan izin, untuk menghadiri apabila mahkamah bersidang.

Perkara itu pun Peguam Negara ada bawa ke Mahkamah Agung. Di sana pun dia kalah. Lagi sekali, Tuan Speaker, saya bawa perkara ini kepada Mahkamah Agung. Dalam tahun 1992, jikalau saya tidak silap, Yang Arif Tun Hamid, Ketua Hakim Negara dalam keputusan – dan keputusan ini ada dilapor dalam the *Malayan Law Journal* – apabila memutuskan beberapa soalan yang ada dirujuk kepada mahkamah itu, ada menasihatkan Peguam Negara untuk dengan izin *Entry Nolle Prosique* having regard to the facts and circumstances and the delay in the matter. Facts and circumstances itu adalah perkara ini dirujuk ke Mahkamah Agung dua kali dalam masa lampau dan Mahkamah Agung ada menentukan polis salah. Oleh itu, biarkan perkara itu *Entry Nolle Prosique* yang bermakna, menarik balik

tuduhan itu.

Nasihat itu pun tidak ada diikuti oleh Peguam Negara. Masuk sekali lagi di dalam Mahkamah Majistret Kampar. Baru-baru ini, Tuan Speaker, dua minggu lepas, kedua-dua orang iaitu saya dan Encik P. Patto ada dibebaskan dan dilepaskan atas tuduhan itu. Saya sebut ini in passing juga, tidak ada kaitan rapat dengan apa yang ada di hadapan kita pada petang ini. Nasihat Peguam Negara be responsible oleh kerana ini jadi satu kuasa penting yang ada diberi kepada dia.

Berbalik kepada tajuk, Tuan Speaker, khasnya, saya merujuk kepada Tuan Speaker, Fasal 3(b), dengan izin, saya baca text di dalam bahasa Inggeris:

"Article 54 of Federal Constitution is amended, in Clause (1)–

(b) By substituting for the second proviso the following new proviso:

Provided further that, if a casual vacancy in the House of Representatives is established on a date within two years of the date Parliament shall, in accordance with Clause (3) of Article 55, stand dissolved, such casual vacancy shall not be filled unless the Speaker notifies the Election Commission in writing that the numerical strength of the party that constitutes a majority of all the members of the House of Representatives is being affected....."

Apa yang ada dikecualikan ialah "the numerical strenght of the party that constitutes a majority of all the mem-

bers of the House of Representatives is being affected.” Jikalau begitu, boleh adakan dalam 60 hari, satu pilihanraya kecil. Adakah ini bukan menentang isi kandungan Perkara 8(1) Perlembagaan, iaitu “All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law”?

Saya beri satu contoh di dalam perkara ini, Tuan Speaker. Jikalau di dalam negara kita ada two party system, jikalau ada parti yang memerintah dengan majoriti satu kerusi sahaja dan pembangkang satu kerusi kurang, mengikut apa yang ada diperuntukkan seperti apa yang saya bacakan tadi, Tuan Speaker, jikalau seorang dalam parti yang memerintah itu satu kerusi majoriti mati, pilihanraya kecil tentu diadakan. Jikalau di dalam Pembangkang seorang mati, tidak payah berbuat demikian. Bolehkah kami ada satu situasi seperti itu? Atau, jikalau semua Pembangkang mati [*Ketawa*] dan langsung tidak ada Pembangkang, tidak payah untuk mengadakan satu pilihanraya kecil bagi semua kerusi-kerusi Pembangkang di mana semua sudah mati?

Tadi, rakan saya dari Jerai ada menyebutkan bahawa tentu ada logik dalam apa yang ada dibuat. Adakah ini logik? Adakah logik dalam rasional yang ada diikuti oleh Kerajaan? Apa yang saya suspect atau saya syak, Tuan Speaker – dan ini ada disentuh oleh rakan saya dari Tanjung (Ketua Pembangkang). Kelmarin – PBS barangkali menjadi duri dalam daging of the Barisan Nasional. Apa yang terjadi baru-baru ini, dan ini tidak ada diumumkan, iaitu bagi Jeffrey Kitingan yang dua tahun kebelakangan ini ditangkap dan ditahan di bawah seksyen 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri – tempoh dua tahun itu baru habis mati iaitu 10hb. Julai, 1993 – tempoh

itu sudah dilanjutkan lagi dua tahun. Ini tidak ada diumumkan oleh Kerajaan. Saya mahu mendapat tahu oleh kerana apa? Kerana dalam fikiran saya Kerajaan takut. Kerajaan takut jikalau pilihanraya kecil di Sabah – dan dalam fikiran saya isu ini tentu dibangkitkan di dalam kempen – tentu Barisan Nasional kalah oleh kerana menyalahguna kuasa yang ada diberi kepada Kerajaan dalam peruntukan 8(1) dan peruntukan-peruntukan lain di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Bukan itu sahaja, Tuan Speaker. Benedict Topin – ini pun ahli PBS – beliau bukan dilepaskan atau dibebaskan, tetapi perintah ada disuspendkan dan beliau sekarang ada disekat di Melaka selama dua tahun.

Lagi seorang, ASP Abdul Rahman Arshad, dia pun bukan dilepaskan atau dibebaskan, beliau ada disekat di Kota Kinabalu sekarang, Ini pun saya mahu mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, adakah ini benar? Dan adakah ini sebab-sebab atas mana Kerajaan ada menjalankan langkah-langkah ini, as a solution to the problem?

Lagi satu perkara, Tuan Speaker, saya ingin menyentuh dan ini ada mengenai Fasal 5 di dalam Rang undang-undang yang ada di depan kita pada petang ini. Ia berbunyi:-

“The Eleventh Schedule to the Federal Constitution is amended by inserting in the first column in the place required by the numerical order the figure “39” and opposite it in the second column the following:

“*Construction of power of extending time-*

Where in any written law a time is prescribed for doing any act or taking any proceeding and power is given to a court or other authority the extend such time, unless the contrary intention appears, the power may be exercised by the court or other authority although the application for the same is not made until after expiration of the time prescribed.”

Tuan Speaker, apabila saya baca Rang Undang-undang ini kelmarin, apabila saya masuk ke Dewan yang mulia ini, saya hairan mengenai apakah tujuan Fasal 5 Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan ini. Ini tidak ada kaitan dengan Fasal 3 dan 4, langsung tidak ada. Tetapi saya ada buat satu research dan kaitan itu adalah mengenai kes saya sendiri juga di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Saya ada memfailkan satu kes untuk mendapat gantirugi oleh kerana apa yang ada dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Dalam Negeri tidak sah, apabila saya ada ditahan dan dikurung pada 18hb. Disember 1987 sampai Januari 1989. Dan satu lagi kes di mana fakta-fakta adalah on all force dengan fakta-fakta dalam kes saya dan ini jadi kes Raju the jockey – Raju s/o Ramasamy versus Inspector-General of Police. Saya ada bawa kes ini dan saya kalah di Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang. Saya telah bawa kes ini ke Mahkamah Agung dan Mahkamah Agung ada memutuskan seperti ini pada 16hb. Februari 1990 atas isu ini. Saya tidak mahu baca apa yang tidak relevan tetapi hendak baca apa yang relevan kepada apa yang ada di depan kita pada petang ini:

“It is difficult to construe that there is a power to extend the time after the expiry of the 3 month period – Ini 3 month

period di bawah Perkara 151B Perlembagaan – when section 39 of the Interpretation and General Clauses Ordinance, 1948 was expressly left out from the Eleventh Schedule to the Federal Constitution.”

Dan tujuan ini apa yang ada diexpressly left out is being expressly included. Ini pun jadi satu kelemahan dalam pentadbiran pemimpin Peguam Negara.

Adakah ini satu kesilapan atau oversight? Dan kesilapan atau oversight ini bukan satu dua kali – kerap kali. Kerap kali langkah-langkah diambil dalam Dewan yang mulia ini untuk meminda Perlembagaan dan apa yang saya kata tadi, Tuan Speaker, menjadi undang-undang utama dalam negara ini.

Tuan Speaker, bagi tahun ini, ‘This Act may be cited as the Constitution (Amendment) (No. 3) Act 1993. Sehingga bulan Julai tahun ini sudah dipinda sebanyak tiga kali dan kita tidak tahu berapa kali lagi akan dipinda sehingga tamat tempoh tahun ini.

Tuan Speaker, apa yang penting adalah dokumen Perlembagaan ini menjadi dokumen yang sacred dan tidaklah baik untuk kepentingan rakyat bagi meminda sewenang-wenangnya perkara ini.

Di sini tujuan pertama adalah untuk melantik “the 75-year old man who can neither stand nor speak”. Bukan tidak menghormati seorang yang tua, tetapi yang penting ialah kerana seorang tua, Perlembagaan hendak dipinda. Lebih baik seorang yang sudah tua, uzur, bersara, no disrespect to the old man, Tuan Speaker. I am getting old myself. Apa yang jelas jikalau kerana

kepentingan seorang, satu dokumen yang penting hendak dipinda dan dalam konteks ini juga di mana nasihat tidak diperolehi daripada Peguam Negara, saya ingat itu menjadi satu langkah yang tidak baik.

Saya berharap pada masa hadapan apabila satu langkah seperti ini diambil, langkah itu tentu dibina di atas satu sebab yang penting atau satu sebab untuk kepentingan rakyat dalam negara kita ini. Terima kasih, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kok Lanas.

4.13 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed [Kok Lanas]: Tuan Yang di-Pertua, apabila Ahli-Ahli Parlimen daripada Pembangkang membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) tahun 1993 yang ada di hadapan kita pada hari ini, kita bercakap dengan fikiran yang waras, dengan perasaan yang penuh tanggungjawab dan memahami betul-betul tentang apa yang sedang dibentangkan di hadapan kita, dan dipohon untuk diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun tujuan yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membahaskan Rang Undang-undang ini semalam, tetapi yang jelas dan nyata bahawa Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk membolehkan seseorang tertentu mengatasi peruntukan Perlembagaan Negara bagi membolehkan beliau untuk menjawat jawatan Menteri Kabinet.

Saya berpendapat bahawa pindaan sebegini amat luar biasa, bukan sahaja dari segi cara bagaimana ia dibawa di dalam Dewan, tetapi tindakan Kerajaan yang membawa tindakan, khususnya dalam memperkenalkan perkara baru. Fasal (2) untuk membatalkan peruntukan Perkara 43 (8) adalah satu tindakan yang luar biasa, dan tindakan yang tidak menampakkan wujudnya suatu kepentingan negara, melainkan semata-mata untuk menjaga kepentingan orang-orang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali pindaan ini dibawa untuk menyelamatkan maruah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maruah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau maruah Yang Berhormat Menteri Undang-undang, yang sama ada secara sedar ataupun tidak telah membuat beberapa kesilapan.

Saya bersetuju dengan rakan saya daripada Jelutong yang melahirkan perasaan hairan, bagaimana dalam sebuah parti Kerajaan yang di dalamnya ada terdapat ramai yang berkelulusan undang-undang, yang ada Peguam Negara selaku penasihat nombor satu kepada Kerajaan dan ada seorang Menteri Undang-undang, tetapi masih mampu untuk membuat kesilapan yang tidak sepatutnya berlaku ini.

Kita pernah mendengar satu kenyataan dari Yang Berhormat Menteri Undang-undang, iaitu apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat kenyataan bahawa perlantikan Yang Berhormat daripada Limbawang selaku Menteri Kabinet boleh dibuat dan ini tidak bertentangan dengan Perlembagaan Negara, Menteri Undang-undang tanpa membaca peruntukan Perlembagaan terus menyokong secara membuta-tuli kenyataan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri itu. Dan barangkali untuk menyelamatkan Perdana Menteri yang telah membuat kenyataan sedemikian, maka Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam akhbar *The Star* telah memuat kenyataan, memberi jaminan secara berani dan tegas bahawa Yang Berhormat dari Limbawang akan tetap menjadi Menteri Kabinet selepas daripada sidang Parlimen ini. Inilah saya fikir suatu kenyataan yang menunjukkan keangkuhan pihak Kerajaan dalam menangani kuasa 2/3 majoriti di dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui bahawa Kerajaan mempunyai kuasa 2/3 majoriti. Tetapi apakah makna kuasa 2/3 majoriti di dalam Dewan? Adakah ini bermakna Kerajaan boleh membuat sesuka hati, meminda sesuatu Perlembagaan menurut kehendak, tanpa memikirkan kesan dan akibat yang akan berlaku? Ini yang kita persoalkan, Tuan Yang di-Pertua.

Nampaknya hari ini kuasa 2/3 majoriti Tuan Yang di-Pertua, telah dipersalahkan, bukan sahaja kali ini, tetapi kita nampak telah banyak kali kuasa 2/3 majoriti di dalam Dewan ini telah disalahkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Lihat apa yang berlaku dalam tahun 1988, apabila Yang Berhormat Perdana Menteri tidak begitu senang dengan Badan Kehakiman dalam tahun 1988, keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi telah menjejaskan kepentingan Kerajaan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara terbuka di dalam dan di luar Parlimen, di dalam perhimpunan awam, sama ada ramai atau sedikit menghentam judiciary habis-habisan. Kerajaan tidak senang apabila kuasa Kerajaan yang melakukan sesuatu nampaknya cuba disekat oleh suatu badan

yang sepatutnya adalah merupakan suatu badan bebas. Maka dalam tahun 1988 Kerajaan tidak senang dengan kebebasan kehakiman, lalu Kerajaan bertindak meminda Perlembagaan Negara, Perkara 121, yang menghadkan kuasa Mahkamah Tinggi hanya untuk mendengar kes-kes dan bidangkuasa tertentu yang diluluskan oleh Parlimen. Dan berikutan dengan pindaan ini beberapa pindaan telah dibuat kepada Akta Mesin Cetak, kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri yang telah menafikan hak individu dan rakyat yang terkilang di atas tindakan Menteri Dalam Negeri dan untuk mencabar di mahkamah, sama ada di dalam pembatalan lesen percetakan ataupun penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Akhirnya, rakyat yang terkilang sekali lagi tidak boleh membawa perkara ini ke mahkamah dan tindakan Menteri Dalam Negeri sama ada di bawah Akta Mesin Cetak atau Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah sekalipun.

Sekarang ini kita berhadapan dengan satu lagi Akta, Tuan Yang di-Pertua, suatu lagi Akta yang nampak dengan jelas motif dan tujuannya ialah untuk memenuhi cita-cita, kehendak dan hasrat Kerajaan supaya Yang Berhormat dari Limbawang boleh menjadi Menteri Kabinet, pada masa yang sama menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, maknanya pihak Kerajaan berkehendakkan keduanya sekali.

Sebenarnya kita tidak mempertikaikan pihak Kerajaan untuk melantik Yang Berhormat daripada Limbawang, iaitu adalah budibicara Perdana Menteri setelah berunding dengan pihak-pihak tertentu di dalam Kerajaan. Kita tidak mempertikaikan ini, tetapi jika Kerajaan bertindak melantik

mana-mana Menteri dan didapati perbuatan itu adalah silap, kemudian kembali kepada Dewan ini untuk menggunakan kuasa 2/3 majoriti Dewan untuk menghalalkan perbuatan yang tidak sah yang dibuat oleh Kerajaan. Ini adalah tidak kena, Tuan Yang di-Pertua. Tidak kena bagi pihak Kerajaan hendak menggunakan kuasa 2/3 majoriti di dalam Dewan ini untuk menghalalkan sesuatu perbuatan yang nyata salah di bawah peruntukan Perlembagaan dan undang-undang negara.

Saya bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat dari Jelutong bahawa Perlembagaan Negara ialah "the supreme law of the country", undang-undang tertinggi dalam negara ini. Dan saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang telah menghujahkan pada suatu masa dahulu, dalam buku "The Malay Dilemma" Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah mempertikaikan Allahyarham Tunku Abdul Rahman yang kerap meminda Perlembagaan Negara dan beliau mengatakan bahawa tindakan meminda Perlembagaan Negara yang terlalu kerap ini akhirnya akan menjadikan Perlembagaan Negara sebagai sekeping kertas yang tidak berguna. Tetapi sekarang ini kita tahu dalam tahun ini sahaja—pindaan kepada Perlembagaan Imuniti Raja-Raja, pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan pembahagian semula kawasan pilihanraya. Itu pun Kerajaan buat silap kali yang kedua dan sekarang ini kita ada pindaan nombor tiga dalam tahun ini sahaja.

Tetapi yang kita hendak tanya ialah, dalam kes pindaan bersabit dengan Imuniti Raja-Raja, mengapa sampai hari ini Dewan-dewan Undangan Negeri tidak bertindak meminda Perlembagaan

Negeri? Kita tahu bahawa peruntukan Perlembagaan Negara yang telah diluluskan di dalam pindaan pada bulan Januari atau Februari yang lepas adalah jika tidak diikuti dengan pindaan Perlembagaan Negeri, ianya tetap menjadi satu pindaan yang tidak bermakna, dan Kerajaan telah membuat kenyataan banyak kali bahawa pindaan Perlembagaan Negara itu akan diikuti dengan pindaan kepada Perlembagaan Kerajaan-kerajaan Negeri. Tetapi sampai hari ini, setelah Dewan-dewan Undangan Negeri bersidang, sama ada di Johor, sama ada di Selangor, sama ada di Negeri Sembilan, kita tidak pernah melihat bahawa pindaan kepada peruntukan Perlembagaan Negeri untuk menyesuaikan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan telah dibuat. Sampai hari ini kita tidak pernah mendengar peruntukan pindaan sedemikian dibuat. Apakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan sebenar-benarnya tidak berniat ikhlas dengan pindaan Perlembagaan baru-baru ini? Adakah semata-mata untuk menjatuhkan imej Raja-Raja Melayu? Kalaulah Kerajaan berniat ikhlas, mengapa peruntukan sekarang – pindaan kepada Perlembagaan Dewan-dewan Undangan Negeri tidak terus dibuat oleh pihak Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa pindaan yang ada di hadapan kita ini tetap akan diluluskan. Walau apa pun pandangan yang kita kemukakan, ianya tetap akan diluluskan. Ini ialah seperti mana yang kita tahu, kerana Kerajaan mempunyai 2/3 majoriti di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi adakah ini bermakna, melalui kuasa 2/3 majoriti, Kerajaan boleh mengesahkan sesuatu perbuatan yang tidak sah bilamana ianya menjejaskan kedudukan dan kepentingan Kerajaan, lebih-lebih lagi untuk memberi

keuntungan bagi menjaga kepentingan hanya seorang Ahli Yang Behormat? Ini adalah keterlaluan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak berhasrat untuk mempertikaikan perlantikan Yang Berhormat yang berkenaan daripada menjadi Menteri Kabinet. Sama ada beliau layak atau tidak, itu di luar daripada bidang kuasa kita untuk mempersoalkan. Tetapi jelas, Tuan Yang di-Pertua, menghalalkan sesuatu perbuatan yang telah salah atau silap oleh Kerajaan membawa ke Dewan ini untuk menggunakan Dewan yang mulia bagi mencapai tujuan membentuk majoriti semua ahli Dewan Rakyat terjejas oleh kekosongan itu.....”

Tuan Yang di-Pertua, mengikut fahaman saya, ini bermakna sebaik sahaja selepas daripada Dewan ini meluluskan pindaan ini, oleh kerana tempoh pilihanraya negara kita akan berakhir pada 24hb. Oktober, 1995 dan sebaik sahaja dalam bulan Oktober tahun ini selepas daripada itu jika berlaku kekosongan luar jangka, maka tidak akan berlangsung lagi pilihanraya kecil bagi ahli Parlimen ataupun ahli Dewan Undangan Negeri. Ini bermakna, dalam tempoh dua tahun sesuatu kawasan Parlimen tidak akan diwakili oleh mana-mana Wakil Rakyat. Dalam tempoh dua tahun, sesuatu kawasan Parlimen tidak akan diwakili oleh mana-mana Wakil Rakyat. Dalam tempoh dua tahun tidak ada Wakil rakyat bagi satu kawasan Parlimen. Dan kita tahu satu-satu kawasan Parlimen mempunyai pengundi, ada yang 60,000 dan ada yang 30,000. Sudah tentulah apabila kawasan ini tidak diwakili dalam tempoh dua tahun, apakah kepentingan rakyat bagi kawasan berkenaan akan terbela? Dan ini secara sekaligus ialah menghilangkan hak pengundi berkenaan untuk mengadakan

atau mendapatkan satu perwakilan dalam Dewan yang mulia ini. Ini bercanggah dengan kehendak demokrasi.

Setiap orang mempunyai satu undi dan berhak untuk diwakili dalam Dewan yang mulia ini, tetapi kalau kita menafikan pilihanraya dalam satu tempoh yang terlalu lama, iaitu dua tahun – dahulu 6 bulan – itu agak munasabah. Barangkali untuk Kerajaan menjimatkan belanja, tetapi sekarang dilanjutkan kepada dua tahun tidak ada pilihanraya kecil. Apakah motif sebenarnya ini? Adakah Kerajaan berhasrat bahawa dalam pilihanraya akan datang kedudukan Kerajaan tadi. Itu adalah suatu perbuatan penyalahgunaan kuasa 2/3 majoriti di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ketua Pembangkang kelmarin, Ahli-Ahli parti Pembangkang hanya melihat Rang Undang-undang ini pada pukul 2.30 petang kelmarin. Dan kita sekali lagi dikejutkan oleh usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita memikirkan bahawa menurut perkara Standing Order 48, bila usul ini dibentangkan kelmarin, perbahasan akan dibuat dalam sidang berikutnya, sekurang-kurangnya hari ini. tetapi usul telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk merentikan pemakaian Standing Order 48 dan Undang-undang ini terus dibentang dan dibahaskan petang semalam. Saya juga melahirkan rasa yang bimbang, Tuan Yang di-Pertua, apabila meneliti peruntukan demi peruntukan yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini. Yang pertamanya ialah Fasal (3), iaitu Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (1).

Tuan Yang di-Pertua, saya baca pada Fasal (3) (b):—

- (b) Dengan menggantikan proviso yang kedua dengan proviso baru yang berikut:

“Dengan syarat selanjutnya bahawa jika kekosongan luar jangka di Dewan Rakyat dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Parlimen hendaklah, mengikut Fasal (3) Perkara 55, menjadi bubar, maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Yang di-Pertua Dewan Rakyat memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang Barisan Nasional di negeri-negeri, misalnya Terengganu, kedudukan di Sabah dan kedudukan di Kelantan adalah tergugat sehingga jikalau diadakan pilihanraya kecil, maka prestasi parti Kerajaan dalam pilihanraya umum akan terjejas dengan begitu besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak mengapa tempoh dua tahun ini diberikan. Barangkali tempoh enam bulan agak munasabah tetapi tempoh yang begini lama meninggalkan pengundi tidak diwakili oleh mana-mana Wakil Rakyat dalam Dewan ini, seolah-olah kita menafikan hak yang dijamin oleh Perlembagaan Negara terhadap pengundi-pengundi berkenaan. Tetapi yang anehnya, pilihanraya boleh diadakan jika Yang di-Pertua Dewan Rakyat mendapati kedudukan parti yang memerintah tergugat. Apa maknanya ini? Maknanya, pindaan ini secara sekaligus ialah bertujuan untuk menjaga kepentingan parti yang memerintah. [Tepuk] Kalau kedudukan kerusi Kerajaan di Dewan ini tergugat dan jika Tuan Yang di-Pertua

memaklumkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya, maka kerusi itu perlu dikosongkan. Tetapi selagi tidak tergugat, tidak perlu diadakan pilihanraya kecil. Ini bermakna, tujuan ini secara jelas untuk menjaga kepentingan parti yang memerintah.

Yang keduanya pula, kuasa kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Mengapa kuasa ini diberi kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat? Kita tahu Yang di-Pertua Dewan rakyat, dengan sistem yang ada dalam negara ini dicadangkan oleh pihak Kerajaan. Mengapa kuasa ini tidak dikekalkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya, salah satu badan bebas yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Mengapa ini diberi kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk memutuskan perkara sedemikian? Kerana dalam sistem kita sekarang, Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah dilantik oleh parti yang mempunyai kuasa majoriti di dalam Dewan ini. Adakah ini bermakna suatu perpindahan kuasa telah berlaku secara tidak langsung daripada pihak Suruhanjaya Pilihanraya kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Pada pandangan kita adalah lebih baik kuasa ini terus dikekalkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana Kerajaan sendiri pun mengakui berkali-kali dan menegaskan Suruhanjaya Pilihanraya adalah suatu Suruhanjaya yang bebas, menjalankan tugas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana badan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada pindaan ini dibawa ke dalam Dewan ini, kita sempat membaca pandangan ramai rakyat Malaysia.

Pandangan daripada Presiden Majlis Peguam telah menyuarakan bagi pihak Majlis Peguam yang saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, di antara pandangan lain,

yang telah menyebut ialah, saya quote, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

“Politicians must play the game according to the rules and not change the rules simply because they find the rules to be inconvenient or that they can no longer play according to those rules.”

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pandangan daripada Majlis Peguam.

Ahli-ahli politik dan Kerajaan mestilah mematuhi peruntukan Perlembagaan dan mereka tidak boleh bertindak menukar pindaan Perlembagaan, meminda Perlembagaan semata-mata untuk memenuhi kepentingan mereka.

Bekas Presiden Majlis Peguam Raja Aziz Addruse pernah menyuarakan pandangannya bahawa Kerajaan tidak boleh bertindak di dalam sesuatu permainan padang bolasepak, misalnya, oleh kerana beberapa kali Kerajaan menendang bola untuk menyumbat gol, tetapi oleh kerana gagal menyumbat bola ke gol maka tiang pula dialih.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang berlaku sekarang. [*Tepuk*]

Kerajaan bertindak mengalihkan tiang gol. Tiang gol sudah berada di sini, tidak kena dengan hasrat Kerajaan, tembak tiga, empat kali tidak masuk. Lalu Kerajaan mengangkat tiang gol untuk tembak dengan senang, dan menggunakan Dewan ini.

Pandangan-pandangan daripada ahli-ahli akademik, boleh dikatakan majoriti

rakyat Malaysia tidak bersetuju dengan pindaan ini. [*Tepuk*]

Kita dengar pandangan-pandangan dari Yang Berhormat Ketua Pembangkang sendiri, parti Semangat 46 pun mengeluarkan pandangan sebelum daripada ini, bekas Ketua Hakim Negara Tun Suffian telah mengemukakan pandangannya, tidak bersetuju dengan pindaan ini dan ramai lagi ahli-ahli akademik telah mengemukakan pandangan-pandangan. Boleh dikatakan cerdik pandai dalam negara ini, cendekiawan tidak bersetuju dengan tindakan yang dibuat oleh pihak Kerajaan dengan meminda peruntukan Perlembagaan ini.

Tetapi saya percaya, pandangan-pandangan ini hanya merupakan pandangan semata-mata. Kerajaan akan terus menggunakan Dewan yang mulia ini, kita tidak tahu berapa kali lagi!

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun ini sahaja saya percaya, saya sudah bilang – tiga kali. Dan tindakan sedemikian bukan dalam pindaan ini, tahun 1988 telah dibuat, kemudian barangkali di hadapan dalam tahun ini, berapa kali lagi Perlembagaan negara akan dipinda dan akhirnya Perlembagaan negara kita menjadi sekeping kertas tidak berguna. Bukan tidak boleh meminda Perlembagaan negara – boleh. Tetapi justifikasi yang harus diutarakan oleh pihak Kerajaan mestilah suatu justifikasi yang benar-benar melambangkan kepentingan nasional bukan kepentingan mana-mana individu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan barangkali sedar bahawa Perlembagaan negara ialah suatu kontrak, suatu ‘social contract’, yang dibuat bukan sahaja di antara Kerajaan-Kerajaan Negeri,

bukan sahaja di antara Kerajaan dengan rakyat, ianya adalah suatu social contract dan contract tidak boleh dipecah, tidak boleh dibatalkan, melainkan dengan mendapat pandangan dan persetujuan daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, tindakan yang dibawa oleh pihak Kerajaan untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini pada pandangan saya adalah bertentangan dengan prinsip amalan demokrasi di negara ini. Dan ianya adalah merupakan salah satu penyalahgunaan kuasa 2/3 majoriti di dalam Dewan dan kami dengan ini menentang sekeras-kerasnya pindaan ini. Terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Belud.

4.35 ptg.

Tuan Maidom P. Pansai [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana kesempatan yang diberikan ini.

Saya di sini ingin turut membahas Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1993 yang ada di hadapan kita di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengakui diri saya bukanlah seorang pakar undang-undang dan bukanlah seorang lawyer. Bagaimanapun, dengan pengalaman saya yang bercampur-gaul dengan rakyat jelata dari kampung-kampung hingga ke bandar-bandar utama, rata-rata yang saya dengar ialah mereka menganggap Perlembagaan ini sesuatu yang suci atau sacred document, yang boleh dianggap oleh sesiapa juga masyarakat termasuklah golongan lama sebagai suatu asas di

mana mereka daripada golongan lemah itu mendapat perlindungan, mendapat pertahanan; dan juga sesuatu asas yang digunakan untuk mempertahankan kebenaran dan keadilan. Ianya bukan sahaja menjadi kebanggaan rakyat orang atasan tetapi juga mereka daripada golongan yang lemah dan juga minoriti kerana Perlembagaan ini tidak memandang sama ada ianya seorang yang lemah mahupun daripada golongan minoriti.

Inilah yang menjadi kebanggaan dan diagung-agungkan oleh rakyat Malaysia selama ini. Tetapi, bila Perlembagaan kita mulai dipinda dengan cara yang seperti ini, iaitu apabila satu-satunya kejadian berlaku seperti seseorang sebagaimana yang telah dikatakan tadi itu, seorang wakil rakyat yang disayangi dan dianggap memainkan peranan penting dalam politik satu-satu negeri, maka apa juga tindakan dibuat oleh pihak Kerajaan dengan menggunakan kuasa 2/3 majoriti untuk mempertahankan kedudukannya.

Dalam hal yang demikian bila kita melihat bahawa undang-undang ini tidak lagi dikekalkan, Perlembagaan ini dapat diubah dengan sewenang-wenangnya, maka masyarakat mulai berada dalam keadaan yang ketakutan kerana bila mengenangkan bahawa mereka dalam keadaan yang tertekan berhadapan dengan majoriti, maka beliau takut bahawa undang-undang itu akan diubah untuk menjaga kepentingan pihak majoriti dan seterusnya membuatkan minoriti itu di dalam keadaan menjadi mangsa.

Saya tidak mahu bercakap banyak, kerana sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa saya bukanlah daripada golongan yang mengendalikan profesion perundangan. Bagaimanapun, sebelum

saya menghabiskan pandangan saya, apa yang saya tahu di peringkat negeri Sabah ialah apabila parti USNO mengambil keputusan untuk menggabungkan diri dengan PBS untuk menubuhkan Kerajaan campuran, ianya langsung dikatakan oleh sebilangan orang bahawa Kerajaan campuran itu tidak mendapat restu daripada masyarakat yang banyak.

Apabila saya ditanya oleh salah satu akhbar tempatan mengenai dengan kenyataan bahawa Kerajaan campuran itu tidak mendapat restu, saya menyatakan saya sendiri tidak dapat menyangkal kata-kata itu, dan saya tidak dapat menyatakan 'itu benar' atau 'itu tidak benar', melainkan yang dapat menentukan ialah rakyat – pengundi.

Kalau ada suatu pilihanraya kecil akan terwujud, maka di situlah akan kita dapat buktikan siapakah benar iaitu sama ada Kerajaan campuran itu mendapat restu ataupun tidak dan bukan berdasarkan kepada pandangan kita masing-masing, meskipun kita daripada golongan pemimpin parti-parti yang ada di negeri Sabah atau di Malaysia.

Jadi, sekarang ini ternyata bahawa berdasarkan kepada Perlembagaan yang ada, kita akan berhadapan dengan satu pilihanraya kecil iaitu ekoran daripada perlantikan salah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri kepada jawatan Menteri Pusat.

Saya fikir ini bukanlah satu kejadian yang pertama, malahan terdapat precedennya yang lalu, iaitu apabila bekas Menteri Kehakiman, Datuk James Ongkili, ketika itu ia menjadi ADUN di Tamparuli bila dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri atau di peringkat Persekutuan, beliau telah meletakkan jawatan dan pilihanraya telah terwujud. Saya ingat begitu juga dengan

kawasan Tan Sri Sakaran Dandai, bila beliau dilantik Menteri di peringkat Pusat dan juga Yang Berhormat Tuan Osu bin Haji Sukam sendiri pun juga telah meletakkan jawatan.

Jadi, bagi masyarakat yang tidak mempunyai kefahaman iaitu hanya berpegang kepada kesucian Perlembagaan bahawa itu seharusnya menjadi amalan satu kesinambungan yang diharapkan. Tambahan lagi bila kita berhadapan dengan keadaan di mana yang benar sama ada Kerajaan campuran itu direstui ataupun tidak direstui. Maka pilihanraya kecil inilah akan dapat menentukan, memandangkan kawasan itu memang kawasan UMNO kerana kawasan itu adalah tempat lahirnya anak sulung UMNO di Sabah. Begitu juga banyak kenyataan bahawa yang menang itu bukanlah UMNO, tetapi pengaruh Tun Datu Mustapha itu sendiri. Maka dalam keadaan pilihanraya kecil yang akan datang ini di mana saya percaya bukanlah beliau akan bertanding, maka akan terbukti siapa benar dan siapa salah. Saya fikir kalau kita memerlukan pengetahuan sama ada ianya direstui ataupun tidak, teruskan sahaja pilihanraya kecil ini, dan selepas itu baru kita bentangkan pindaan Perlembagaan ini supaya tidak ada yang menyatakan bahawa Perlembagaan ini sengaja diadakan hanya untuk kepentingan seorang sahaja.

Jadi, dengan kata-kata itu, maka saya membantah.....

Tuan Railey bin Haji Jaffrey:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak, ada yang bangun.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Penjelasan sedikit.

Tuan Maidom P. Pansai: Sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kuasa itu ada pada Kerusi Yang Berhormat.

Tuan Maidom P. Pansai: Okay, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia sudah habis berucap.

Tuan Maidom P. Pansai: Sudah habis, Yang Berhormat boleh ganti.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Marang.

4.42 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan merupakan undang-undang dasar yang sangat penting yang sepatutnya diberi pertimbangan yang sewajar, dibincang dan dibahas dengan semasak-masaknya dan diberi tempoh yang cukup. Tetapi Rang Undang-undang ini dibentangkan dengan cara luar biasa dan tidak mencari kebijaksanaan, di mana Dewan ini sepatutnya perlu mencari kebijaksanaan dan menjadi contoh kebijaksanaan. Adalah menunjukkan tidak mahu mencari kebijaksanaan secara jujur dan bersopan apabila pihak Kerajaan menggunakan kuasa politik majoriti dua pertiga yang ada meminta Dewan ini meluluskan Rang Undang-Undang tanpa memberi notis yang cukup kepada semua Ahli Dewan, termasuk di pihak Kerajaan, walaupun dengan

mencari luang saluran demokrasi dan mengikut cara-cara demokrasi yang diizinkan, tetapi cara tersebut melampaui moral dan akhlak demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini seolah-olah dikemukakan secara hendak memaksa Dewan ini tanpa diberi peluang yang luas untuk mengkaji, diberi masa untuk mengkaji, seterusnya dibahas dan mendengar hujah-hujah dari semua pihak setelah dikaji terlebih dahulu dengan cara yang mendalam, bukan mendengar hujah melalui kajian secara spontan. Apa yang berlaku ini mendedahkan Kerajaan seolah-olah berada dalam suatu kelemahan untuk menghadapi cabaran secara proses biasa, lalu diadakan proses luar biasa ini. Adakah pindaan ini menunjukkan suatu kelemahan Kerajaan Pusat, sehingga tak cukup orang, sehingga terpaksa melulus Rang Undang-Undang ini bagi mengisi kekosongan yang tidak dapat ditanggung oleh Pusat, melainkan dengan cara ini. Atau bagi menyalahgunakan kuasa apabila mana-mana negeri dikuasai oleh mereka yang tidak menyenangkan Pusat, di mana penyelesaian secara ini adalah bersikap tidak berpersaudaraan dan tidak membawa perpaduan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Perpaduan dan persaudaraan perlu diwujudkan, walaupun di antara Kerajaan Pusat dan yang diperintah oleh Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri yang diperintah oleh Pembangkang. Dan Kerajaan perlu memikirkan perubahan Kerajaan di masa yang akan datang. Mungkin perubahan kepada Kerajaan yang lebih baik dan mungkin perubahan kepada Kerajaan yang kurang baik dan tidak baik, maka akan berlaku penyalahgunaan daripada pindaan yang dibuat ini.

Tuan Yang di-Pertua, alasan menjimatkan wang tanpa mengadakan

pilihanraya kecil hanya suatu dalih bagi memaksa Rang Undang-undang ini diluluskan. Pembaziran wang melalui pilihanraya kecil kerana melampaui akhlak demokrasi apabila parti Kerajaan menghadapi pilihanraya dengan nama Kerajaan, bukan dengan nama parti yang bertanding dan menggunakan kuasa Kerajaan menabur wang Kerajaan bagi menolong proses politik wang. Menjimatkan wang boleh dilakukan apabila politik wang dan membahagi benda projek musim pilihanraya dihapuskan, bukan dengan membatalkan adanya pilihanraya kecil. Sedangkan peraturan pilihanraya perbelanjaan parti politik adalah terhad, dan kita perlu mematuhi peraturan-peraturan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pindaan seksyen 9, Jadual Kelapan ini menjadi mukadimah untuk merempuh keistimewaan negeri yang ada dalam Perlembagaan Negeri, khususnya yang berkaitan dengan agama Islam, kecuali kalau UMNO baru yang menjadi teras Kerajaan, sekali lagi dapat memenuhi hasrat MCA seperti yang berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam umur 18 tahun dalam perkara masuk Islam, atau memberi jalan mengadakan pesta arak dengan menyalahgunakan Jadual Kelapan tersebut, yang lebih banyak bagi membebaskan penjualan arak dengan sebeb-bebasnya, termasuk kepada orang-orang Islam seperti yang dikehendaki oleh MCA di Kelantan. Sepatutnya UMNO memberi faham kepada MCA tentang bahaya arak. Apakah ini menandakan moral pemimpin MCA? Apa yang berlaku di Kelantan, UMNO tidak memperjuangkan Islam dan tidak mendidik MCA secara lebih faham bahaya arak. Penerapan nilai-nilai Islam gagal memberi kefahaman kepada orang-orang bukan Islam. Saya tidak faham tindakan MCA ini, adakah kerana

mempertahankan kebudayaan orang-orang Cina. Saya percaya ini bukan kebudayaan orang-orang Cina, atau MCA menganggap arak itu baik. Adakah orang-orang Cina sedar bagaimana British menggunakan candu, dan sepatutnya MCA sedar bahawa Kerajaan membenarkan arak kepada orang-orang Cina kerana UMNO hendak meruntuhkan orang-orang Cina melalui MCA. Saya bimbang Jadual Kelapan yang diberi keizinan pinda demi pindaan ini akan memberi peluang untuk mengadakan hal-hal yang seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menguasai Sabah, bukan dengan cara meminda Perlembagaan. Apakah itu sahaja cara untuk menguasai Sabah ataupun banyak lagi cara-cara yang lain? Kerajaan boleh menggunakan cara-cara yang lain yang lebih sihat, yang tidak perlu kepada meminda Perlembagaan dengan cara yang begini gopoh dan begini tergesa sehingga memberi jalan untuk melakukan kegopohan yang lebih banyak dari satu masa ke satu masa.

Berdasarkan kepada hujah-hujah yang tersebut, maka saya bagi pihak PAS mengatakan kami membangkang pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan yang dilakukan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong.

4.48 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan memendekkan ucapan saya memandangkan fakta-fakta dan hujah-hujah daripada Yang Berhormat dari Tanjong dan juga Yang Berhormat dari Jelutong yang dengan panjang lebar telahpun menyentuh beberapa perkara yang

penting. Cuma saya hendak menimbulkan beberapa perkara.

Yang pertamanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya nampak beberapa langkah dan berapa tindakan yang diambilnya termasuk usaha-usaha untuk mempelawa ramai pelabur ke negara ini, misalnya, lawatan ke Republik Rakyat China baru-baru ini ada mencapai satu hasil yang baik, dan itu satu merit. Hubungan di antara Malaysia dengan Indonesia dipertingkatkan lagi, itu satu usaha yang baik juga. Itu satu merit. saya gulungkan kepada dua ruangan-satu ruangan untuk yang merit yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat, dan juga satu lagi ruangan kelemahan, demerit yang dilakukan-boleh disifatkan sebagai ruangan pahala dan ruangan dosa. Itulah yang ditafsirkan oleh saya dan keduanya Yang Amat Berhormat sebagai veterans yang banyak melakukan merit dan demerit juga.

Rang Undang-undang yang dibentangkan semalam adalah satu demerit dan boleh dianggap sebagai satu dosa-satu demerit. Saya berharap Yang Berhormat sendiri dapat berfikir dengan lebih mendalam lagi dan juga sempat lagi untuk menarik balik sebelum kita membuat keputusan hari ini, kerana sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat sendiri iaitu ada dua perkara-disebutkan bahawa ini tidak akan menjejaskan sistem demokrasi di Malaysia, tetapi cara-cara Undang-undang dibentangkan adalah menjejaskan demokrasi. Ini tidak boleh dinafikan, kerana ada kuasa yang kuat, di dalam permainan kuasa ini yang hendak menang, tidak kiralah cara yang digunakan untuk menang. Saya percaya kalau rakyat di Sabah menyokong

UMNO tidak payah balik ke sini untuk mengubah atau meminda Perlembagaan. Itu sahaja.

Saya percaya dengan pindaan ini, keadaan UMNO di Sabah akan lebih dahsyat dan lebih rumit lagi. Cadangan dan nasihat saya ialah kita tarik balik dan jangan kita merumitkan keadaan di Sabah lagi, kerana satu langkah yang diambil oleh pihak UMNO untuk memasuki Sabah dengan tergopoh-gapah sehingga terperangkap di dalam kancang politik di Sabah. Itulah masalahnya. Sejak mengambil langkah yang silap ini, maka kesilapan demi kesilapan dilakukan. Jadi, saya berharap perkara ini adalah tidak baik dan kita tambahkan kepada demerit point, seperti apa yang telah saya sebutkan tadi.

Saya juga ada mendengar iaitu semasa pihak PBS keluar daripada Barisan Nasional pada tahun 1990, pihak Yang Amat Berhormat telah mengatakan bahawa ini adalah satu pengkhianatan, dan apa yang dibuat hari ini ialah satu perbuatan membalas dendam kerana sudah dilantik Ahli Limbawang menjadi Menteri Hal Ehwal Sabah. Saya juga tidak tahu bagaimana ia dapat memberi sumbangan kepada Sabah kerana jawatan seperti ini pernah diwujudkan dan kini ianya diwujudkan sekali lagi. Bagaimana beliau dapat memberi sumbangan yang lebih kepada Sabah? Walhal sudah banyak kali partinya dibuang oleh rakyat Sabah—marahkan tikus lenggiat dibakar. Inilah satu langkah yang tidak boleh kita buat macam ini. Di dalam keadaan politik sekarang jikalau kita tidak berwaspada, rumah terbakar tikus habis keluar daripada negara ini.

Tuan Radin Malleh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Padas bangun.

Tuan Radin Malleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Kepong memberitahu Dewan yang mulia ini, pertama, bilakah Kementerian Hal Ehwal Sabah ini ditubuhkan ataupun diwujudkan? Kedua, siapakah yang menyandang jawatan ini pada mulamulanya, dan adakah ianya berjaya?

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau tidak silap saya, itu orang yang sama jugalah yang dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah dan kemudiannya, tidak lama selepas itu memang wujud keadaan kucar-kacir di Sabah dan ditubuhkan pula.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, alasan untuk menjimatkan wang dan masa-itu tidak boleh diterima. Kalau kita tidak melantik Ahli Limbawang atau Ahli Usukan menjadi Menteri Hal Ehwal Sabah, maka kita tidak payah mengadakan satu pilihanraya kecil. Orang yang mewujudkan keadaan ini ialah orang Barisan Nasional-UMNO-dan parti-parti komponennya cuma suka hendak menyembahkan sahaja. Saya tidak mendengar ucapan dari parti-parti komponen yang lain, cuma UMNO sahaja dalam Dewan yang mulia ini yang menyokong-tidak boleh sokong lagi. Orang yang biasa menyokongnya iaitu dari Arau, dari Padang Terap tidak berani bangun untuk menyokong. Hanya dari Parit Sulung sahaja yang menjadi kaki dan suka menyembahnya. Perangai yang seperti ini memang sangat menjengkelkan kami.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha kita untuk meminta supaya diluluskan Rang Undang-Undang ini, saya menyeru kepada Yang Amat Berhormat supaya memikirkan sekali lagi adakah pembentangan Rang Undang-Undang ini

secocok dengan saranan Yang Amat Berhormat yang mana kita hendak mewujudkan keadilan, kejujuran dan keamanan. Ketiga-tiga hasrat ini iaitu keadilan, kejujuran dan keamanan, di manakah pembentangan Rang Undang-undang ini secocok dengan hasrat tersebut. Saya nampak ia tidak secocok dengan hasrat yang berkali-kali dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat sendiri. Kalau tidak cocok dengan hasrat seperti ini, maka kita patut menarik balik Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sebelum Yang Amat Berhormat diminta menjawab, saya membenarkan seorang lagi untuk berucap. Alor Setar.

4.57 ptg.

Tuan Chor Chee Heung [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian untuk menyokong Usul cadangan Perlembagaan (Pindaan) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 Bil ini mencadangkan pemansuhan Fasal (8) dalam Perkara 43 bagi membolehkan seseorang itu terus menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri setelah beliau dilantik sebagai seorang Menteri Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita mendengar ucapan yang begitu panjang lebar oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Memang style saya iaitu saya akan terus kepada fakta dan bukan seperti beliau di mana dia telah, macam orang kata 'pi round the world' dan seperti orang Kedah kata "pi-mai pi-mai tang tu" sahaja, memang apa fakta pun tidak ada, isi pun tidak ada. Beliau juga mendakwa bahawa beliau tidak cukup masa untuk

membuat persiapan bagi perbahasan ini, sedangkan pembantunya, seorang wanita comel, membekalkan teks ucapannya kepada kawan-kawan dari semua suratkhbar ini.

Tuan Yang di-Pertua, style DAP memang style of playing to the gallery, dengan izin, dan kita Ahli-Ahli dari Barisan Nasional tidak menggunakan style itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita mencapai kemerdekaan pada 31hb. Ogos, 1957, Kerajaan British telah mengadakan perundingan dengan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dan juga Menteri-Menteri dari Parti Perikatan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil ke arah pembentukan pemerintahan sendiri. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu—The Reid Commission—telah ditubuhkan dan di antara bidang tugasnya termasuklah mengemukakan cadangan bagi menggubal Perlembagaan Persekutuan bagi seluruh negara sebagai satu unit pemerintah sendiri yang tunggal dalam Komanwel. Ini adalah berdasarkan kepada demokrasi berparlimen yang mempunyai dua buah Dewan Perundangan.

Sistem ini mengandungi antara lain peruntukan penubuhan sebuah Kerajaan Pusat yang kukuh di mana negeri-negeri Melayu dan negeri-negeri Selat mempunyai kuasa autonomi yang tertentu dan mempunyai mekanisma perundangan di antara Kerajaan Pusat dan juga negeri-negeri Melayu serta negeri-negeri Selat dalam bidang kewangan yang ditentukan oleh Perlembagaan dan juga mengenai perkara-perkara kenegaraan bersama-sama bagi seluruh Persekutuan iaitu soal “common nationality”, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Reid melaksanakan tugas mereka berpandu kepada prinsip—ini adalah mengikut fahaman saya—bahawa adalah mustahak diwujudkan sebuah Kerajaan Pusat yang kukuh yang mempunyai kenegaraan bersama atau “common nationality”, dengan izin, bagi seluruh Persekutuan.

Cadangan pindaan Perlembagaan yang disyorkan kelmarin yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ini membolehkan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri berkhidmat sebagai seorang Menteri Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan semasa Perlembagaan dirangka iaitu dari 36 tahun yang lalu amatlah berbeza dengan sekarang. Kini tiada alasan yang munasabah mengapa seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri harus meninggalkan Kerusi ADUNnya untuk menjadi seorang Menteri Persekutuan.

Sebenarnya adalah menakjubkan bahwa Perlembagaan Negeri-negeri tidak memerlukan seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang dilantik menjadi Ketua Menteri atau Menteri Besar mengosongkan Kersinya sebagai seorang Ahli Parlimen. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna seseorang Ahli Parlimen boleh menjadi Ketua Menteri atau Menteri Besar atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat kawasan Keningau, yang juga seorang Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tambunan adalah satu contoh yang nyata dan pada masa yang sama kita dapat melihat Ahli dari kawasan Tanjong juga adalah seorang ADUN bagi kawasan Padang Kota. Beliau menganggap baik tentang

perkara itu. Dari segi elaun pun beliau sudah terima dari dua, tiga tempat pencen yang lain. Memang beliau tidak bergaduh tentang masalah itu tetapi bila kita timbang berkenaan dengan pindaan Perlembagaan, beliau gaduh dan bising dan mendakwa bermacam-macam.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Reid pada masa itu pada fahaman saya, telah berpendapat kewujudan sebuah Kerajaan Pusat yang kukuh adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat negeri-negeri sekiranya Kerajaan Negeri gagal berbuat demikian. Saya percaya, kita mempunyai banyak bukti ataupun dapat melihat dengan secara jelas macam mana rakyat di negeri Sabah tidak mempunyai satu taraf kehidupan seperti Semenanjung Malaysia. Ini sedikit sebanyak memang juga adalah tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri yang mana Kerajaan Negeri telah gagal dalam tugasnya untuk mengadakan satu Kerajaan yang adil yang mana semua rakyat jelata tanpa mengira kaum dapat menikmati kehidupan harian yang sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Reid pada masa itu saya percaya tidak mengambil kira bahawa pada hari ini negara Malaysia ini telah menjadi sebuah negara yang begitu berjaya dalam semua aspek. Oleh yang demikian, saya percaya Perlembagaan kita harus dipinda walaupun selalunya jika kita bincang mengenai pindaan Perlembagaan, memang ada banyak pihak tidak bersetuju tetapi, pada pendapat saya, jika Perlembagaan harus dipinda bagi peredaran masa, kita terpaksa pinda juga.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca satu artikel yang ditulis oleh seorang yang bernama Datuk Nicholas

Fung Ngit Chung, bekas Peguam Negara ataupun AG bagi Sabah dalam kertasnya yang bertajuk "The Constitutional Position of Sabah" yang mana beliau memberi satu rumusan yang berbunyi seperti di bawah, dengan izin:—

"Whilst the Federal Constitution should be rigid because it seeks to achieve balance of power between the Federation and the States and it ensures that this balance is not disturbed or that the right of the States is not infringed unilaterally by the Federation. However, the fact that it is rigid does not mean that it should not be capable of being changed. Malaysia is a fast developing country, her Constitution which contains detailed provisions unlike the Constitution of the United States must be workable and be adaptable to the changing circumstances, for in the final analysis, a Constitution which is incapable of adjustment and adaptation will fail to endure".

Memandangkan negara kita mempunyai berbilang bangsa dan memandangkan negara kita telah mencapai kejayaan selama ini yang mana pada masa Perlembagaan kita dirangka, banyak proviso tidak terpakai lagi ataupun tidak begitu tepat. Sekiranya kita ingin mencapai pembangunan yang lebih pesat bagi negara kita, kita tidak seharusnya menyikirkan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang berbakat.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada petikan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi mengenai perundangan Attorney—General, Sabah tadi, memang satu kenyataan yang baik juga, tetapi adakah Yang Berhormat membaca dengan teliti 43 (8), ia digubal dengan cara yang teliti dan kita tidak boleh memansuhkannya dengan begitu sahaja. Baik saya cadangkan pada Yang Berhormat supaya membaca dengan lebih teliti lagi Perkara 43 (8), dengan izin:

“If a Member of the Legislative Assembly of a State is appointed a Minister, he shall resign from the Assembly before exercising the functions of his office.”

Kita baca dengan teliti sebelum kita melanjutkan perbahasan kerana apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa hujah tidak menjejaskan pembangunan, tidak melibatkan pembaziran wang, masa dan sebagainya, adalah tidak berkaitan langsung. Nampaknya Yang Berhormat tidak begitu teliti membaca.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang apa Barisan buat, DAP tidak bersetuju. Saya berani berkata di sini bahawa saya percaya Kerajaan telah pun meneliti Perlembagaan berdozen kali dan didapati memang tepat kalau pindaan dibuat, dan ianya akan membawa manfaat kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, sekiranya kita ingin mencapai pembangunan yang lebih pesat bagi negara kita, kita tidak seharusnya menyangkirkan seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang berbakat dan berkaliber dari berkhidmat untuk negara sebagai seorang Menteri Persekutuan.

Pada fahaman saya juga, mengikut Artikel ini, kita dapat melihat Artikel ini bukan satu Artikel yang melibatkan the fundamental rights, dengan izin, iaitu fundamental rights rakyat di negara ini, dan memang kita berpendapat Artikel ini kalau tidak seharusnya dapat dipakai ataupun berfungsi dengan baik, saya percaya Dewan yang mulia ini mempunyai hak untuk membuat pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Perkara 54 pada dasarnya bercadang bahawa sekiranya berlaku sesuatu kekosongan, tempoh minimum bagi pengisian kekosongan kerusi tersebut hendaklah ditingkatkan dari 6 bulan kepada 2 tahun. Pilihanraya kecil membabitkan perbelanjaan awam yang banyak dan oleh yang demikian, saya percaya dari 6 bulan ke 2 tahun adalah satu tempoh masa yang wajar dan Kerajaan berpendapat bahawa tempoh minimum 6 bulan untuk mengisi kekosongan kerusi yang dikira dari tarikh Parlimen dibubarkan adalah tidak praktikal. Memang pada pendapat saya, 6 bulan memang tidak praktikal sebab banyak masalah terpaksa diatasi sebelum pilihanraya kecil dapat ditetapkan dan bermilion-milion ringgit akan dibuangkan secara sia-sia dalam setiap pilihanraya kecil.

Perbelanjaan awam yang digunakan hanya untuk tujuan mengisi kekosongan kerusi 6 bulan sebelum Parlimen dibubarkan sudah tentu boleh digunakan untuk kebaikan lain yang lebih bererti. Kemungkinan besar pengganti baru tidak berpeluang menghadiri persidangan Parlimen pun sebelum Parlimen dibubarkan. Oleh yang demikian, saya mewakili pihak MCA memang menyokong penuh pindaan yang telah dicadangkan oleh pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Amat Berhormat diminta jawab.

5.14 ptg.

Timbalan Perdana Menteri [Tuan Abdul Ghafar bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Yang Berhormat dari Tanjong menuduh bahawa Kerajaan tidak mempunyai manner dalam mengemukakan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 1993 ini. Setelah saya menyaksikan telatah keangkuhan dan ucapan-ucapan yang dilemparkan terhadap Perdana Menteri dan lain-lain Menteri, maka saya dapati, bukannya Kerajaan yang tidak ada manner, tetapi yang tidak ada manner itu ialah beliau sendiri! [*Tepuk*]

Suatu gelagat yang tidak sepatutnya ditunjukkan oleh Ketua Pembangkang. Beliau bersikap seperti "Kera kena belacan" [*Tepuk*] Pada pendapat saya, ucapan beliau, walau pun panjang lebar, tetapi tidak membawa apa-apa makna jua pun yang boleh hendak dijawab.

Saya hairan kerana Ahli Yang Berhormat itu telah dapat mengupas sebahagian besar daripada isi kandungan Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan yang bermakna beliau boleh memahami Rang Undang-undang yang begitu simple dalam waktu yang singkat. Kalau tidak, masakan beliau boleh memberikan kupasan begitu panjang lebar. Saya percaya, jika ditangguhkan pun, perbahasan ucapan seperti kehendak parti Pembangkang ini, adalah sama juga

dengan ucapan yang telah dibuatnya pada hari semalam. Maka dengan sebab itu, untuk menangguhkan perbincangan pindaan Perlembagaan ini tidak membawa perbezaan.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Amat Berhormat, Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat tuduhan bahawa nampaknya saya ada membaca dan mempunyai Rang Undang-Undang sebelumnya, sebab itu boleh cakap panjang lebar mengenai maksud Rang Undang-undang ini. Sebenarnya tidak. Saya boleh bercakap panjang lebar oleh kerana kita tahu ada diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, kalau tak silap selepas mesyuarat Supreme Council UMNO, bukan Supreme Council Barisan Nasional! MCA, Gerakan dan semua parti, MIC, tak mustahak kecuali Supreme Council UMNO. Selepas mesyuarat itu, diumumkan bahawa pindaan kepada Perlembagaan akan dibuat; yang pertama, untuk memansuhkan 43(8) dan kedua untuk memanjangkan 6 bulan kepada 2 tahun di mana tidak ada pilihanraya kecil. Itu pada umum, general, kita tahu. Kita boleh bahas, tetapi kita perlu ada peluang untuk membaca, mengkaji dalam terperinci apa yang terkandung dalam Rang Undang-undang itu. Maksud yang general kita tahu, kita boleh bahas, tetapi apa yang digubal dalam Rang Undang-undang itu kita perlu kaji oleh kerana implikasinya begitu luas.

[Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*]

Semalam saya sudah sebut bahawa kita tidak boleh bahas dengan mendalam

oleh kerana ketiadaan masa, bukan oleh kerana kita tahu sebelumnya. Dan bukan sahaja perkara ini sangat Tidak adil, sebenarnya Timbalan Yang di-Pertua pun ada mengakui kesuntukan ini tidak adil. Ya, dalam suratkhobar! Tidak adil, tak beri masa kepada—bukan Tuan Yang di-Pertualah, tetapi Timbalan Yang di-Pertua yang baru turun itu. Dia kata, “tidak adil”, tak ada beri masa kepada Ahli Parlimen”,—Ong Tee Keat—ini pun diakui. Tentulah—Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang lain takutlah. Ini perlu adil. Kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tak faham adil, masalah adil.....

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
[*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
Panjang.....panjang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya habiskan dahulu ayat saya! Habiskan ayat saya!

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Dia bersyarah panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tak boleh beri ucapan. Minta penjelasan sahaja!

Tuan Lim Kit Siang: Meminta penjelasan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun tahulah.....

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ini bukan penjelasan lagi, ini satu syarahan!

Tuan Lim Kit Siang: Memberi penjelasan dahululah. Ya, saya habiskan

ayat saya!

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ini satu syarahan, bukan penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Benarkan saya habiskan ayat saya! Saya mahu habiskan ayat saya!

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan ayat Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Bukankah ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tak tahu apa konsep keadilan langsung?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
Tuan Yang di-Pertua, Kabinet adalah lebih mustahak daripada Persidangan UMNO. UMNO hanya membuat saranan, tetapi yang berkesan ialah Kabinet dan di dalam Kabinet ada MCA, ada semua parti Opposition di situ. Kalau sekiranya MCA, parti Gerakan tidak bersetuju, mahu berunding dengan parti mereka dahulu, Kabinet boleh tangguhkan keputusan

Tuan Lim Kit Siang: Beranikah buat begitu?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Oh, yes! Bukan macam DAP penakut [*Ketawa*] Kita berani! [*Tepuk*] Jadi, itu tidak menyalahi. Beliau menghentam dengan hebat buku bertajuk “The Malay Dilemma” yang ditulis oleh Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Buku ini telah ditulis suku abad yang lalu dan keadaan yang ada pada hari ini sudah jauh berubah. Walau bagaimanapun, pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 25 tahun kemudian, iaitu pada hari ini tidak berubah sama sekali dalam memper-

tahankan pemerintahan bercorak demokrasi. [*Tepuk*]

Dalam segi pembangunan pula apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, semenjak memegang jawatan Perdana Menteri adalah jauh lebih banyak dari yang disarankan dalam bukunya itu. Perkembangan ekonomi negara sangat mengkagumkan sehingga mendapat sanjungan tinggi daripada negara luar. Bukannya rakyat bukan bumiputera sahaja yang mendapat faedah tetapi ekonomi orang Melayu juga sudah jauh bertambah baik. Ini adalah suatu prestasi yang sangat-sangat membanggakan. Kita mengharapkan Perdana Menteri akan dapat meneruskan kerja-kerja baiknya ini seberapa lama yang boleh dan saya percaya rakyat akan memberikan sokongan kepadanya. [*Tepuk*]

Parti Pembangkang harus menyedari bahawa mereka hidup senang, mewah dan menikmati amalan demokrasi di negara ini adalah dengan usaha Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. [*Tepuk*] Selain dari Ahli-ahli Parti Pembangkang patut berterima kasih juga bahawa nyawa mereka masih panjang, dapat hidup lama kerana negara ini aman di bawah pemerintahan Barisan Nasional.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tidak payahlah. Keamanan dalam sebuah negara yang berbilang kaum.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata tidak payahlah ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ada bahaskan Rang Undang-undang ini atau bahas perkara yang lain?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:....dia hentam buku The Malay Dilemma semalam satu jam setengah. Apakah saya tidak boleh jawab? Semalam saya tidak layan dia bercakap berkenaan buku The Malay Dilemma sama sekali tidak ada kena mengena dengan pindaan Perlembagaan. [*Tepuk*] Ini double standard!

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tanjong.....

Tuan Lim Kit Siang: Jangan lari!

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ini double standard.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya tidak lari.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.....

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Yes! Buka Hansard.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan tunjuk balik. Jangan tunjuk!

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Buka Hansard.

Tuan Lim Kit Siang: You tunjuk, saya tunjuk balik.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Yes!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.....

Tuan Lim Kit Siang: Jangan lari. Fokus Rang Undang-undang ini—Perlembagaan, bukan Perdana Menteri.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Buka Hansard. Adakah tidak Yang Berhormat bercakap menghentam buku *The Malay Dilemma* Perdana Menteri habis-habisan?

Tuan Lim Kit Siang: Fokus mengenai Rang Undang-undang.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Yes. Saya menjawab.....

Tuan Lim Kit Siang:.....mengenai Pindaan Perlembagaan sahaja.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ya. Sila menjawab.....

Tuan Lim Kit Siang: Bukan jauh-jauh itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong. Haraplah, Yang Berhormat melanggar tata tertib Mesyuarat ya.

Tuan Lim Kit Siang: Provokasi. Provokasi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada provokasi di situ pada fikiran saya. Janganlah melanggar tata tertib Mesyuarat ya.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Keamanan dalam sebuah negara yang

berbilang kaum boleh terjejas dengan mudahnya. Tetapi keamanan yang dapat diwujudkan di Malaysia pada hari ini sangat menakjubkan dan ahli-ahli parti Pembangkang terselamat daripada berbagai-bagai bencana seperti yang berlaku di negara-negara lain.

Pindaan Perlembagaan bukannya merupakan satu jenayah. Kita mencari sesuatu yang baik. Ianya dipinda adalah dengan tujuan yang baik sesuai dengan iklim politik, ekonomi dan sosial negara ini. Kita semua menyedari bahawa Perlembagaan ini dahulu ditulis oleh Suruhanjaya Bebas yang datang daripada negara asing. Walau pun banyak yang telah dipinda tetapi tidak bererti kita harus mendiamkan clauses dalam Perlembagaan yang boleh menghalang pembangunan dalam negara kita yang ada dari segi politik, ekonomi dan sebagainya. Memang, jika didapati perlu, Barisan Nasional akan meminda lagi supaya akhirnya kita mendapat sebuah Perlembagaan yang benar-benar tepat dengan kehendak rakyat negeri ini. [Tepuk]

Tuan Ahmad bin Nor: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menganggap bahawa Perlembagaan sekarang digubal dahulu oleh orang luar dan sekarang ini kita perlu pinda mengikut keadaan semasa. Apa kata kalau Kerajaan cadang supaya kita semak semua dalam Perlembagaan itu, tubuh satu Jawatankuasa Bebas, Suruhanjaya Bebas untuk mengkaji semua supaya kita memastikan segala hak asasi rakyat Malaysia ini lebih terjamin daripada telah dicabul, dirosak Perlembagaan ini oleh Kerajaan Barisan Nasional yang hanya membuat pindaan sesuai dengan kepentingan hanya untuk Barisan Nasional, bukan untuk

kepentingan rakyat dan negara yang kita tahu. Dan bolehkah perkara ini dipertimbangkan?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tidak payah jawab. [*Ketawa*] Wakil daripada PBS mengatakan bahawa Perlembagaan adalah dokumen yang penting dan tidak harus diubah dengan begitu mudah. Patut diingat bahawa Perlembagaan adalah buatan manusia. Ianya bukanlah dokumen agama yang tidak boleh dipinda-pinda oleh sesiapa.

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jelutong bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Walau pun saya mengakui Perlembagaan boleh dipinda, tetapi dalam hal ini adakah Kerajaan khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengetahui isi kandungan Perkara 43(8) dulu melantik Tun Mustapha sebagai Menteri? Adakah nasihat Peguam Negara didapati dulu sebelum umumkan perlantikan Tun Mustapha sebagai Menteri? Saya mahu dapat tahu itu dengan tepat. Don't beat around the bush.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri berhak melantik siapa-siapa juga Ahli Dewan Negeri menjadi Menteri, tidak payah merujuk kepada mana-mana tempat lagi. Itu hak penuh beliau termasuk Wakil dari Jelutong kalau jadi Perdana Menteri boleh lantik siapa-siapa jadi Menteri. Apabila mendapat nasihat daripada Attorney-General dan kita dapati itu perkara yang benar maka kita tidak mahu teruskan, kita mesti mencari jalan untuk memperbaikinya. Manusia memang ada kelemahan, maka dengan sebab inilah segala kelemahan mesti dibetulkan. PBS juga pernah mengubah

Perlembagaan negeri Sabah yang lebih buruk lagi apabila pindaan Perlembagaannya itu telah ditolak oleh mahkamah seperti anti-hop laws. [*Tepuk*] Sahabat PBS iaitu PAS di Kelantan juga, mula-mula dapat kuasa di Kelantan, perkara yang pertama diutamakan ialah meminda Perlembagaan —kitab suci PAS. Dipinda Perlembagaan ikut jejak langkah PBS di Sabah untuk meluluskan anti-hop laws. Parti Pembangkang selalu berkata apabila hendak pinda Perlembagaan mesti beri masa yang cukup, mesti ada referendum, mesti beritahu orang ramai. Saya mahu tanya dengan orang PAS, ada buat referendum, ada beritahu orang ramai di Kelantan?

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Mana dia? Orang PASKah? [*Ketawa*]

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya hendak tahu daripada Yang Amat Berhormat sama ada semasa Kerajaan di Kelantan meminda Perlembagaan, dia rujukkah kepada ahli-ahli Perlembagaannya ataupun Penasihat Undang-undang Negerinya sehingga terjadi macam itu?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Itu terpulang kepada dia yang jawab. Saya susah hendak jawab yang ini. Cuma saya hendak sebut janganlah hendak kata orang sahaja, awak buat lebih buruk lagi [*Tepuk*] daripada apa yang kita buat.

Anti-hop laws ini, menafikan hak seorang rakyat negeri itu tidak boleh berpindah parti. Tidak ada tersebut dalam

Perlembagaan kita, dalam Al-Quran pun tidak ada, menyekat kebebasan rakyat seperti ini. Dan Undang-Undang anti-hop laws itu sudah dimansuhkan oleh mahkamah. Tetapi parti DAP diam sahaja—sokongkah atau tidak sokong saya tidak tahulah.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Anti-hop law, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri faham sebenarnya untuk memastikan kebersihan, kejujuran dalam arena politik. [*Disampuk*] Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa sesiapa yang bersetuju dengan anti-hop laws, sebenarnya ialah untuk mempertahankan hak-hak untuk “katak-mengkatak”-untuk seorang lompat dan inilah perbuatan yang tidak bersih, tidak baik dan sebenarnya kalau kita mahu kalangan politik bersih patutlah ada anti-hop laws. Ada prinsip.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap pasal hak asasi manusia, bukan “katak-katak” di sini. Dalam Dewan yang mulia cakap “katak” buat apa!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu ada hak untuk “mengkatak”?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Untuk apa? “Mengkatak”?

Tuan Lim Kit Siang: Ha!

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Yalah.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu

orang ada hak untuk “katak-mengkatak”.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Itulah.....

Tuan Lim Kit Siang: Menjadi “political frog”.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Yalah. Ini kebebasan, DAP selalu perjuangkan kebebasan rakyat dan hak asasi manusia. Ini sudah melanggar hak asasi manusia, mengapa DAP diam sahaja? Itulah soalan kita. [*Tepuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Setuju hak “political frog”?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong.....

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Sebut-sebut “frog” ini apa dia? Double standard! Lebih baik mengaku double standard. Lebih baik. Rakyat nanti sokong DAP kalau mengaku Yang Berhormat ada double stadard. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, memang benar beberapa kali pilihanraya kecil sudah diadakan kerana Ahli Dewan Undangan Negeri itu dilantik menjadi Menteri Pusat. Tetapi semakin sehari, nampaknya semakin ramai. Semakin banyak yang berlaku seperti ini. Kalau berlaku satu dua dahulu, kita fikir hanya berlaku sekali dua sahaja. Tidak apalah, we can tolerate. Bolehkah ada pilihanraya kecil, tetapi keadaan sudah berubah. Makin ramai Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri difikirkan layak menjadi Menteri. Dan jika kita kekalkan juga clause yang itu dalam Perlembagaan, kita terpaksa mengadakan pilihanraya kecil beberapa kali. Apakah ruginya seorang Menteri terus menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri? Tidak ada siapa yang rugi.

Parlimen tidak rugi, Kerajaan tidak rugi. Rakyat tidak rugi, DAP tidak rugi. Apa salah? Apa salah?

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa sekarang lebih Ahli Dewan Rakyat mahu dilantik sebagai Menteri sungguh pun mereka juga adalah Ahli Dewan Undangan Negeri. Kalau begitu, kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu tunggu dua tahun dan tidak lantik Yang terhormat dari Limbawang sebagai Menteri pada awal-awalnya—Oktober, November 1990? Mahu tunggu dua tahun. Kenapa mahu tunggu dua tahun?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya hairan macam mana orang lantik dia jadi parti Pembangkang tidak tahu Perlembagaan, itu hak Perdana Menteri? [*Tepuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Tanya sebab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Tanya sebab, tanya sebab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.....

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Speaker, saya cadang suruh tarik balik elaun yang diberikan kepada Parti Pembangkang. Rugi Kerajaan kalau buat seperti ini. [*Tepuk*] Ini hak dia. Dia boleh lantik bila-bila dia suka. Kemudian, apa

sebab, tidak ada kerugian apa pun. Adalah lebih baik kalau kita pinda kepada Perlembagaan, jadi senang. Besok, kalau DAP mana tahulah — tetapi saya fikir dia tidak ada chancelah [*Ketawa*] —apa dia rugi? Tidak ada rugi apa pun. Kita lebih untung. Selamat kurang-kurang belanja Election Commission RM1/2 juta, RM1 juta setiap tahun dapat selamat. Apa salahnya kita bersidang di sini selama dua hari, dapat selamatkan wang RM1 juta. Wang sahaja yang itu. Dia tidak kena-mengena dengan fundamental, hak asasi manusia tidak timbul di situ.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Apa dia? [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya Yang Amat Berhormat, mengapa kita pilih saat ini untuk pinda. [*Diganggu*]

Beberapa tahun telah berlaku hal itu, pada saat ini sahaja kita pinda? Mengapa kita pilih sekarang ini?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah hak Kerajaan, hak yang diberikan oleh Perlembagaan kepada Kerajaan dan ini terpulang kepada Dewan mahu terima atau tidak. Tuan ada hak untuk menolak pindaan ini kalau tuan mahu tetapi jangan halang orang lain untuk memberi sokongan. [*Tepuk*] Panjang.[*Ketawa*]

Mengenai kawasan di mana tidak ada Wakil Rakyat kerana dalam tempoh dua tahun tidak diadakan pilihanraya, maka kawasan itu dijamin oleh Kerajaan tidak tertinggal. Pembangunan akan dijalankan oleh Kerajaan sendiri.

Jadi, sahabat saya dari Jelutong tidak banyak cakap fasal pindaan, cuma hentam A.G. Bagi pihak Kerajaan, Kerajaan masih menghormati A.G. dan kita mempunyai kepercayaan kepada beliau. Sebagai manusia, semua orang ada mempunyai kelemahan. Pada keseluruhannya, Kerajaan mempunyai kepercayaan kepada beliau untuk meneruskan tanggungjawab sebagai Attorney-General.

Berkenaan dengan hal penahanan Jeffrey Kitingan dan lagi tiga orang.....

Tuan R. Karpal Singh: Minta penjelasan. Saya difahamkan bahawa Peguam Negara akan bersara tidak berapa lama lagi. Oleh kerana ada kepercayaan dalam dia, adakah Kerajaan akan melanjutkan masa tempoh perkhidmatan [*Diganggu*] Peguam Negara atau beri dia keistimewaan lain? Adakah?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, ia tidak ada kena-mengena dengan pindaan Perlembagaan. [*Ketawa*] Jadi, saya tidak boleh jawab fasal ini Jeffrey Kitingan dan lain-lain kerana tidak ada maklumat. Perkara ini dibangkitkan secara mendadak sahaja. Yang Berhormat boleh membangkitkannya dalam soalan-soalan untuk Persidangan Parlimen yang akan datang dan Kerajaan jamin akan berikan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sudah jawab semua sekali. [*Diganggu*] Jadi, saya minta Dewan meluluskan perkara ini. Terima kasih banyak. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa

Rang Undang-undang ini dibacakan Kali yang Kedua sekarang. Oleh kerana mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini memerlukan sokongan kepada Bacaan kali yang Kedua dan Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Penghitung-penghitung Undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan Blok Yang Berhormat.

Pengudian dijalankan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusan undian mengikut belahbahagian tadi:

Yang Bersetuju: 130. [*Tepuk*]

Yang Tidak Bersetuju: 25. [*Tepuk*]

Yang Tidak Mengundi: Tiada.

Oleh sebab lebih suara Yang Bersetuju dan melebihi sebanyak 2/3 mengikut peraturan dan syarat-syarat di bawah Perlembagaan, maka Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

YANG BERSETUJU:

YANG TIDAK BERSETUJU:

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 -

5.46 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk mencadang pindaan kepada Fasal 3, ada dua pindaan. Mengikut Peraturan Mesyuarat, saya diwajibkan untuk memberi Pemberitahu satu hari tetapi saya tidak boleh berbuat begitu oleh kerana semalam sahaja, saya dan rakan-rakan saya mendapat salinan Rang Undang-undang. Saya berdiri di bawah Peraturan 57(2) yang membenarkan satu pindaan kepada Rang Undang-undang di peringkat Jawatankuasa dengan izin Tuan Pengerusi, kalau Pengerusi berpuas hati bahawa dalam circumstances yang ada, tidak boleh diberi notis.

Tuan Pengerusi: Saya telahpun memberi persetujuan dengan kerana, jika tidak saya tidak berikan persetujuan, saya tidak akan membenarkan pindaan ini dikemukakan. Oleh yang demikian, silalah kemukakan pindaan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya, sama ada pindaan dikemukakan atau tidak, sesiapa pun boleh mengambil perbincangan tanpa ada usul pindaan pun.

Tuan Pengerusi, cadangan saya yang pertama kepada pindaan Fasal Ketiga ialah menggantikan perkataan "dua tahun" dengan perkataan "tiga bulan" bagi pindaan kepada Perkara 54(1) di Fasal 3.

Tuan Pengerusi, inilah bersabit dengan cadangan Kerajaan untuk mengharamkan mengadakan pilihanraya kecil selama dua tahun sebelum habis tempoh Parlimen yang sepenuhnya, yang meminda peruntukan yang ada, yang dibuat dalam tahun 1968 di mana enam bulan sebelum habis tempoh penuh Parlimen itu, tidak ada pilihanraya kecil diadakan, sungguhpun ada bangkit kekosongan dalam mana-mana kawasan Parlimen.

Saya kemukakan pindaan ini supaya mengurangkan tempoh ini kepada tiga bulan sahaja. Oleh kerana cadangan yang ada dibuat ialah untuk dua tahun tidak demokratik dan menafikan pemilih-pemilih dalam kawasan-kawasan yang bersabit, mengadakan hak untuk diwakili oleh Wakil Rakyat. Dan jaminan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa dalam kawasan-kawasan yang tidak ada Wakil Rakyat untuk dua tahun ini, akan diberi perhatian dan pembangunan akan diberi, tentulah tidak boleh diterima. Oleh kerana daripada rekod Kerajaan Barisan Nasional, perhatian pembangunan tidak diberi selain daripada ada pilihanraya kecil. [*Tepuk*] Dan sebenarnya, peruntukan semacam ini menafikan hak-hak rakyat Malaysia untuk ada peluang di mana segala tumpuan dan perhatian Kerajaan, wang Kerajaan dan Menteri Kerajaan dibuat dalam satu kawasan

apabila seorang Ahli Parlimen meninggal dunia atau mati. Dan sebab itulah perkhidmatan yang terbaik sekali Ahli Parlimen Barisan Nasional boleh buat ialah bila meninggal dunia, barulah diadakan pilihanraya kecil, supaya mencurahkan segala wang-wang, menumpukan perhatian Menteri-menteri semua untuk datang.

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos berjanji untuk potong kepala kalau tidak balik Perai tiap-tiap minggu.....

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang:.....mana ada potong kepala, sekarang lebih kerap pergi India, bukan pergi Perai—lebih kerap pergi ke India.

Jaminan diberi pada tiap-tiap kali dalam pilihanraya kecil, tiap-tiap kali.....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Semua selesai!

Tuan Lim Kit Siang: Mana selesai, tiap-tiap.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat—Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang:.....minggu mahu balik Perai, mana ada pergi? Tiap-tiap minggu pergi ke India, Madras—bukan?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Pergi Madras. Itu mustahak, itulah.....

Seorang Ahli: Pergi Taiwan!

Tuan Lim Kit Siang: Mana, Taiwan? Siapa pergi Taiwan? Yang Berhormat Menteri Kesihatan pergi Taiwan atau ajak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pergi ke Taiwan? [Ketawa] MCA Presiden pergi ke Taiwan? Saya tidak tahu.

Seorang Ahli: Tanjong!

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak pergi ke Taiwan. Saya jelas, mana.....

Seorang Ahli: Haadyai! [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: Haadyai. Oh! Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pergi ke Haadyai? [Ketawa] Yalah, seluruh pergi ke Haadyai saya tidak tahu. Ada? [Ketawa] Berdiri! Tuan Pengerusi.....

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya sudah berumur 54 tahun [Ketawa] dan sampai sekarang, saya belum pernah pergi ke Haadyai sekali pun, [Ketawa] tetapi saya hendak tahu Yang Berhormat ada pergi ke Haadyaikah?

Tuan Lim Kit Siang: Bangkok?

Tuan Pengerusi: Cukup, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ada pergi Bangkok?

Tuan Pengerusi: Tidak ada kenang-mengena dengan pindaan yang ini. Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Baiklah. Itulah oleh kerana interruption sanalah. Itu background Backbench Barisan Nasional!

Tuan Pengerusi, saya mahu tanya bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri memberi satu sebab kenapa pilih dua tahun? Jangan kata, "Ini hak kita, Kerajaanlah". Hak Parti Pembangkang tolak, hak kita ialah untuk kemukakan, "apa sebab?" Bukan hak, hak, hak. Sebab Kerajaan yang terbuka (transparent) jangan datang ke sini mengatakan "Hak kita—itu hak kita, tidak ada sebab". Sebab sebenarnya! Itulah prestasi Parlimen, apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri gulung, prestasi Parlimen yang teruk sekali dalam sejarah Malaysia. "Hak kita"—apa hak kita? [Tepuk] Hak rakyat untuk mengetahui apa sebab 2 tahun, bukan 18 bulan? Bukan 3 tahun? Kenapa 2 tahun? Tentu ada sebab atau tidak ada sebab, tidak boleh daripada thin air sahaja.

Kita mahu jawapan, dan dalam ucapan menggulung langsung tidak ada jawab melainkan "hak kita". Apa hak ini? Tidak ada hak ini dalam sebuah negara yang demokrasi. Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri patut faham tidak ada hak untuk bercakap 'hak' sahaja dan tidak perlu memberi alasan, kalau kita demokratik. Jangan takut, ini satu-

satu puak takutlah, [Ketawa] puak-puak yang lain tidak takut dalam UMNO, dan puak-puak yang lain seronok.

Kita mahu tahu apa sebabnya, apa sebab untuk cadangan ini? Kenapa 2 tahun? Apa rasionalnya? Oleh kerana kita tahu Kerajaan Barisan Nasional takut mengadakan pilihanraya kecil, bukan takut menang-kalah, ada masa menang dan ada masa kalah, tetapi mahu mencurahkan wang yang begitu banyak. Ini adalah masalah politik wang, korupsi berjuta-juta ringgit, berpuluh juta ringgit perlu dibelanja untuk menang, untuk kempen dalam satu pilihanraya kecil. Itulah kebudayaan politik Barisan Nasional sekarang takut dan sehingga mahu menafikan, menolak hak-hak rakyat yang diwakilkan oleh wakil rakyat selama dua tahun. [Tepuk] Kalau begitu, di masa hadapan, panjangkan ini lagi ke 3 tahun sehingga satu hari tidak payah diadakan pilihanraya kecil, tunggulah pilihanraya umum. Kita mahu tahu sebabnya. Tanpa sebab, tidak guna kata, "Kita sangat reasonable, kita tidak buat begitu"—itu tidak boleh diterima. Apa sebab? Itulah cadangan saya ke atas pindaan saya yang pertama kepada Fasal 3.

Tuan Pengerusi: Buat satu-satu.

Tuan Lim Kit Siang: Satu-satu?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, terima kasih.

Tuan Chian Heng Kai: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap—nanti sekejap, di bawah Jawatankuasa tidak payah menyokong, ya. Saya kena kemukakan dahulu.

Masalahnya ialah pindaan telah dicadangkan kepada Fasal 3 dengan menggantikan perkataan 'dua tahun' dengan perkataan 'tiga bulan' bagi pindaan kepada Perkara 54(1) ini terbuka untuk dibahaskan. Ya, Kepong dahulu yang bangun tadi.

5.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:

Tuan Pengerusi, saya menyokong pindaan ini kerana saya pun tidak tahu mengapa 2 tahun dipilih. [Disampuk] Boleh dibuat dengan cepat kalau 3 bulan—dengan cepat.

Tuan Pengerusi, dengan cepat kita dapat memberi peluang kepada rakyat untuk memilih wakil yang baru. Kalau 2 tahun terlalu lama, kerana tadi Yang Berhormat dari Arau pun tidak berucap, tidak ada tenaga hendak berucap, kerana berasa malu dengan angka 2 tahun, dengan terkocoh-kocoh Rang Undang-undang ini dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang saya hendak bersuara—itu sudah lewat sekarang ini.

Tuan Pengerusi, kita tidak boleh hendak menjadikan 2 tahun ataupun 3 tahun, lebih baik 5 tahun —tidak payah.

Saya menyokong kerana saya tidak mahu menyaksikan satu usaha untuk Rang Undang-undang yang dipersonifikasikan untuk.....

Seorang Ahli: Boo!

Dr. Tan Seng Giaw:.....Rang Undang-undang khas untuk ahli Limbawang sahaja dipersonifikasikan Limbawang. [Ketawa] Saya tidak boleh terima. Jadi.....

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila jangan ganggu, kita kena jaga sedikit berkenaan dengan Dewan kita ini. Silalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya setuju dengan Tuan Pengerusi [Ketawa] itu bijak —sangat bijak.

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan beberapa orang Menteri yang lain termasuk Yang Amat Berhormat, kalau kita adakan pilihanraya kecil sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi, dalam masa 3 bulan kita adakan, jadi Menteri-menteri boleh pergi menjanjikan pembangunan yang banyak, curahkan wang yang banyak, projek itu, projek ini, hendak diadakan telefon yang lebih banyak dan sebagainya. Itulah saya suka [Ketawa] dan termasuk hendak potong kepala kalau tidak pergi ke kawasan tiap-tiap minggu. [Ketawa] Dan Yang Berhormat Menteri Kewangan pun dia boleh pergi, dia ada banyak peruntukan pada Perai.

Saya tidak tahulah sama ada janji itu ditunaikan ataupun dikotakan. Saya berharap dikotakan dan kita beri peluang untuk Menteri-menteri pergi ke kawasan-kawasan pilihanraya kecil dengan lebih cepat dalam masa 3 bulan untuk membuat projek-projek pembangunan. tetapi 2 tahun terlalu lama untuk mereka mengelakkan diri daripada memberikan projek-projek yang biasa diberi di dalam pilihanraya kecil.

Saya suka menyaksikan pilihanraya kecil, dan lebih baik kita singkatkan tempoh untuk mengadakan pilihanraya kecil ini.

Tuan Pengerusi: Ya, Bukit Mertajam.

6.00 ptg.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong cadangan dari rakan saya iaitu Ketua Pembangkang berkenaan dengan masa. Oleh kerana tadi Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Kepong pun ada menyebut berkenaan dengan pembangunan dan tadi saya mendengar jawapan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun ada menyebut pembangunan ini. Dia kata, dalam dua tahun pun ada pembangunan juga.

Tuan Pengerusi, masalahnya ialah, dalam masa dua tahun siapa akan mewakili pengundi-pengundi di sana untuk menyuarakan hasrat mereka di Dewan ini. Ini yang mustahak. Oleh kerana dua tahun tidak ada Wakil Rakyat mewakili kawasan itu untuk menyuarakan hasrat mereka, saya ingat perkara ini lebih penting daripada pembangunan.

Pembangunan adalah satu kewajipan Kerajaan dan bukannya kewajipan Wakil Rakyat. Oleh kerana itu, saya menyokong cadangan daripada ketua Pembangkang dan saya berharap Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu siapakah yang boleh mewakili pengundi-pengundi di kawasan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Dalam Jawatankuasa jika tidak jawab pun tidak mengapa.

Tuan Lim Kit Siang: Ini menunjukkan dia tidak berwibawa. Oleh kerana dia tidak berwibawa, kita kecualikan dia daripada menjawab.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Pengerusi, soal pembangunan adalah menyeluruh, sekalipun dalam kawasan bukan Kerajaan. Contoh yang paling jelas—Kuala Lumpur ialah tempat yang paling banyak menggunakan perbelanjaan Kerajaan yang dikuasai oleh Parti Pembangkang. [*Ketawa*] [*Tepuk*]

Kedua, dalam sejarah politik Malaysia, kita jarang mengadakan pilihanraya genap lima tahun pemerintahan. Lebih kurang satu tahun, satu tahun setengah lebih awal, jika ditolak dengan dua tahun hanya lima enam bulan atau sehabis-habis panjang setahun sahaja pilihanraya kecil itu tidak diadakan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan kepada Fasal 3 iaitu menggantikan perkataan “dua tahun” dengan perkataan “tiga bulan” bagi pindaan kepada Perkara 54 Fasal (1), dikemuka bagi diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya ada satu lagi pindaan kepada Fasal 3. Pindaan ini ialah:

Memasukkan tanda noktah (.) selepas perkataan “Maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi” dan seterusnya menggugurkan baki perenggan itu. Dan bahagian yang digugurkan berbunyi, dengan izin: “Unless the Speaker notifies the

Election Commission in writing that the numerical strength of the party that constitutes a majority of all the members of the House of Representatives is being affected by such vacancy.”

Sebab kita kemukakan pindaan ini ialah oleh kerana dengan peruntukan ini, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah diheret masuk ke gelanggang politik yang tidak patut dibuat oleh kerana Tuan Yang di-Pertua sepatutnya mengatasi semua parti-parti politik. Peruntukan bahagian ini pun menimbulkan berbagai masalah. Apa ertinya “that the numerical strength of the party that constitutes a majority of all the members of the House of Representatives is being affected”? A numerical strength of the party that constitutes a majority of all members of the House of Representatives—yang pertama, hilang satu atau dua kerusi—numerical strength affected; nombor dua, hilang majority two-third—numerical strength affected atau nombor tiga, simple majority.

Apabila kita buat satu drafting, kita tidak boleh menimbulkan satu tafsiran yang berbeza-beza. Apa ertinya that the numerical strength of the party that constitutes a majority of the members of the House of Representatives is being affected by such vacancy? Apa kriteria yang akan digunakan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk menentukan sama ada numerical strength of the party that constitutes a majority of all the members of the House of Representatives is being affected? Jatuh dua kerusi, sudah; hilang two third majority, sudah; atau mahu hilang simple majority? Itu yang pertama.

Tentulah dalam negara kita Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah hilang

two-third majority. Hilang two-third masih boleh memerintah, tetapi dalam fikiran pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional khasnya UMNO, kalau hilang two-third majority adalah semacam hilang kuasa, trauma—traumatic. Tak tahulah, kalau two-third majority—oh! cepat-cepat adakan pilihanraya kecil. [Ketawa] Mana boleh kata ini bukan ertinya. Sebab itu boleh diberi tiga interpretasi. Tetapi yang lebih mustahak ialah, Tuan Yang di-Pertua diheret ke dalam gelanggang politik. Walhal seorang Tuan Yang di-Pertua tidak patut ada apa-apa penglibatan dalam hal ehwal politik.

Yang lebih seriusnya—okay, kita kata simple majority. Apa kriteria yang akan digunakan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk sampai kepada satu keputusan bahawa that the numerical strength of the party that constitutes a majority all the members of the House of Representatives is being affected by such a vacancy. Masalah simple majority yang cukup boleh menimbulkan berbagai scenario. Bukan begitu simple! Sekarang di Malaysia nampaknya straight forward, tetapi kalau kita bincang, kaji dan fikir, ianya bukan begitu simple. Berbagai, dengan izin, permutations, combinations and circumstances of the scenario boleh timbul. Bukan senang untuk Tuan Yang di-Pertua—oh! selain daripada dia sudah terlibat dalam parti politik, mahu sokong satu faction, mahu sokong satu parti atau mahu tubuh satu barisan, ini sudah hilang kebebasan jawatan Tuan Yang di-Pertua.

Saya boleh beri satu scenario. Sungguhpun saya bersetuju scenario ini sangat far-fetched sekarang tetapi sangat biasa di negara yang lain—Kerajaan di negara yang lain sangat biasa. Sungguhpun far-fetched nampaknya sekarang, bukan bererti tidak boleh

berlaku—bukan jauh ke depan! Sebagai contohnya, kalau dalam perebutan kuasa yang besar yang sekarang berjalan dalam UMNO Baru, datang November—Ho! ping, ping, pang,—big war—gaduh. Ini scenariolah—hypothesis sahaja. Hypothesis Yang Amat berhormat Perdana Menteri hilang sokongan majority Ahli-ahli Parlimen. Tak payah kata Ahli Parlimen manalah—Barisan atau...Ahli-ahli Parlimen dalam Dewanlah, satu scenario di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hilang sokongan majority Ahli Parlimen. Dan lagi seorang pemimpin yang lain, mungkinlah hypothesis Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dia dapat sokongan majority Ahli Parlimen. Kita tidak kata Ahli Parlimen mana-mana tetapi Ahli Parlimen dalam Dewan ini. Apa kriteria yang akan digunakan oleh Tuan Yang di-Pertua? Oh! panggil Perdana Menteri datang. Adakah majority dikekalkan atau adakah Tuan Yang di-Pertua akan mengarahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memanggil Persidangan Dewan Rakyat supaya satu usul kepercayaan boleh diluluskan dan dia boleh dapat kepercayaan dan barulah tidak menggunakan budibicara di sini? Apa Tuan Yang di-Pertua mahu buat? Bukan senang! Siapa punya pemikiran ini, saya pun tidak tahulah. Main-mainkah? Tidakkah diberi pertimbangan yang se dalam-dalamnya dan semasak-masaknya?

Inilah kita perlu fikir bagaimana Tuan Yang di-Pertua akan ascertain the numerical strength of party that constitutes a majority of all the members of the House of Representatives is being affected by such a vacancy.

Sebab itu, saya mengemukakan pindaan ini supaya bahagian ini boleh digugurkan, supaya tidak timbul masalah di masa depan. Sekarang far-fetched tidak

tahulah, lagi tiga, empat bulan, mungkin pada masa itu tidak far-fetched—lagi dua, tiga tahun tidak far-fetched. Apabila kita pinda Perlembagaan atau meluluskan sesuatu Rang Undang-undang, kita perlu fikir lebih jauh, untuk masa jangka panjang supaya scenario-scenario yang kita bincangkan, tidak menimbulkan satu krisis Perlembagaan. Straightforward—ini tidak straightforward.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah siapa yang jadi Tuan Yang di-Pertua apabila masalah timbul —mungkin bukan Tuan Yang di-Pertua sekarang —tidak tahulah, kalau bulan November tentulah Tuan Yang di-Pertua sekarang— tentu completely lost, bagaimana akan menjalankan tanggungjawab yang kita beri. Apabila kita beri tanggungjawab itu kepada Tuan Yang di-Pertua, adakah kita faham apa cara tanggungjawab itu akan dijalankan. Langsung tidak fikir, semua tidak fikir, sampai sekarang baru fikirlah. Bukan? Ini tanggungjawab, satu kelakuan yang bertanggungjawab. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri apabila menjawab pun tidak jawab. Sekarang yang ini boleh jawab? Baik! Saya cadangkan, Tuan Pengerusi.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Pengerusi: Yang Amat Berhormat, nanti saya kemukakan dahulu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan dengan memasukkan tanda “noktah” selepas perkataan “maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi”, seterusnya menggugurkan baki perenggan itu, sekarang ini terbuka untuk dibahas. Silakan Kepong.

6.13 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:

Tuan Pengerusi, saya menyokong pindaan ini kerana tidak seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang di sebelah situ, yang buat kacau, kumat-kamit dan desas-desus, yang mungkin hendak memperalatkan Tuan Pengerusi atau Tuan Yang di-Pertua untuk tujuan politik. Ini mesti kita elakkan sama sekali. [Tepuk]

Sama ada Ahli dari Arau ataupun Ahli Padang Terap, tidak boleh kita hendak menggunakan Tuan Yang di-Pertua ataupun Tuan Pengerusi sebagai alat politik. Saya menyokong kerana itu. Dia di dalam pergolakan politik sekarang, saya nampak politik wang adalah lebih serius, lebih dahsyat, walau pun pemimpin-pemimpin termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sering berkata, dia tidak bersetuju dengan wang, politik-politik duit. Tetapi, masih berlaku dengan lebih dahsyat lagi. Kalau hendak jadi Timbalan Perdana Menteri ataupun Timbalan Presiden UMNO, mungkin RM200 juta, RM500 juta mungkin dibelanjakan—satu angka yang besar. Dan bukan mustahil, keadaan seperti di Jepun sekarang boleh berlaku kerana pemimpin-pemimpin sudah tidak dapat bertahan dengan politik duit.

Seorang Ahli: Dr. Tan Seng Giawa: Ya, pada tahun 1987 sudah berlaku sekali, dan kali yang kedua mungkin boleh berlaku. Kalau sekarang tidak berlaku, tetapi lima tahun, sepuluh tahun, dua puluh tahun yang akan datang mesti berlaku. Seperti belon yang meletup di Itali, di Jepun, di Korea Selatan dan juga telah berlaku di Taiwan.

Tuan Pengerusi, baik kita mengarah dia mematuhi kepada arahan Tuan Pengerusi, kerana dia hendak menggunakan, hendak memperalatkan Tuan Pengerusi sekarang. Itu tidak patut. [Ketawa] Kita tidak boleh membenarkan sesiapa tidak mengikut peraturan langsung. Jadi, kita tidak mahulah Tuan Pengerusi diperalatkan sehingga Presiden Gerakan berlagak seperti itu, mesti mematuhi kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, jadi bukan mustahil berlakunya scenario seperti di Jepun, Taiwan, Korea Selatan. Di Jepun sekarang, LDP hilang majoriti dengan besar dan UMNO (Baru), Barisan Nasional mungkin di masa hadapan akan hilang majoriti yang besar.

Tuan Yim Chee Chong: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Seremban bangun.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Pengerusi, ini tidak ada kena mengena dengan pindaan Perlembagaan. [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dia kacau sahaja. Tidak mematuhi Kerusi. Itu tidak boleh!

Tuan Yim Chee Chong: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Apa Yang Berhormat dari Seremban hendak? Hendak apa Yang Berhormat? [Ketawa] Sila teruskan Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, nampaknya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak dapat mengawalkan Ahlinya di dalam Dewan.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya berharap semua Ahli di sini dapat menyokong pindaan di peringkat Jawatankuasa ini kerana kita hendak mengelakkan kancah politik, kancah kemelut Perlembagaan dan Dewan Rakyat akan menghadapi kesusahan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jawapan.

6.18 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Pengerusi, saya jawab dahulu Ahli Yang Berhormat dari Kepong bidas Presiden MCA, tidak boleh kawal orang dia. Itu menunjukkan dalam Barisan Nasional ada demokrasi, ada kebebasan. [Ketawa]

Bukan mcam dalam DAP, mesti ikut ini Tanjong punya! Mesti punya! [Ketawa]

Apa ada demokrasi dalam DAP?

Ahli dari Jelutong pun senyum, dia bersetuju dengan pandangan saya. [Ketawa]

Apabila berlaku krisis mesti ada orang tengah, untuk mencari jalan penyelesaian.

Tuan Pengerusi, di negeri-negeri lain pun Speaker mempunyai kuasa yang besar. Untuk mengatakan kita menarik Speaker masuk kancah politik, itu saya tidak percaya kerana itu memperkecilkan kewibawaan sesiapa yang menjadi Speaker dalam negeri kita.

Kita semua telah memberi kepercayaan kepada dia. Kalau mahu ikut

seperti itu, mengikut undang-undang yang ada, banyaklah hal mesti pergi kepada Yang di-Pertuan Agong. Apakah Yang di-Pertuan Agong juga masuk dalam kancah politik?

Misalnya kita mengisytiharkan emergency, mesti mendapat persetujuan yang ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong. Apakah ini kita mengheret Yang di-Pertuan Agong juga masuk dalam kancah politik? Jadi, dalam mana-mana negeri pun mestilah juga ada orang tengah sedikit.

Dalam soal ini, kalau sekiranya Perdana Menteri dijatuhkan dalam Parlimen, dilantik seorang lagi menjadi Perdana Menteri -okay, boleh jalan. Tetapi apabila Kerajaan itu akan jatuh disebabkan oleh satu kematian berlaku, maka Speaker tentu menimbang untuk menukar sebuah Kerajaan, selalunya membangkitkan masalah seperti yang berlaku di Jepun dan di tempat-tempat lain.

Apabila berlaku pertukaran Kerajaan, selalu berlaku kacau-bilau politik dan seterusnya pertumpahan darah. Oleh sebab itu, kita cuba method ini untuk menyelesaikan masalah di negeri kita.

Jika sekiranya kita terpaksa mengadakan by-election kerana Kerajaan kehilangan majoriti dan boleh jatuh, maka dalam by-election itu Pembangkang menang, maka Pembangkang akan menubuh Kerajaan kerana mereka ada majoriti. Selalunya dalam kepala DAP bahawa Kerajaan ini selama-lama Barisan. Terima kasihlah, atas pandangan itu. Keadaan politik di tanahair kita ini boleh bertukar. Jadi, ini bukan memberi keuntungan kepada Kerajaan Barisan Nasional yang ada sahaja, tetapi ini memberi faedah kepada

mana-mana parti politik yang menubuhkan Kerajaan pada masa yang akan datang untuk mengelakkan berlaku kacau-bilau politik disebabkan kejatuhan Kerajaan dan sebagainya. Kita sudah saksikan sekarang, banyak negeri telah berlaku seperti ini. Dan kita akan cuba method ini untuk menyelesaikan, boleh jadi kita negeri yang pertama yang baik sekali mengemukakan cadangan seperti ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya baca pindaan dimaksudkan, secara bertulis:

“Tuan Yang di-Pertua Dewan rakyat memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua Ahli Dewan Rakyat.”

Itu yang dipertikaikan, Yang Amat Berhormat. Kita tidak tahu siapa yang akan mengarahkan Tuan Yang di-Pertua untuk membuat keputusan. Apakah kriteria yang dia hendak gunakan?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tidak ada siapa yang mengarahkan, Tuan Speaker. Itu pertimbangan dia, dia seorang yang dilantik oleh Dewan Rakyat yang kita beri kepercayaan penuh kepadanya. Soal parti yang dimaksudkan ini ialah parti kumpulan dalam Parlimen itu sendiri.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa pindaan yang berbunyi:-

Fasal 3 memasukkan tanda noktah selepas perkataan ‘maka kekosongan luar

jangka itu tidak boleh diisi’ dan seterusnya menggugurkan baki perenggan itu hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi: Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Fasal 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu;

”Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbincangan ke atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3), 1993 dan selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan selepas Ucapan Penangguhan dibuat.”

Menteri Pendidikan [Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman itu disetujui.

Usul dikemuka bagi diputus, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3), 1993, dan selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan selepas Ucapan Penagguhan dibuat.”

**RANG UNDANG-UNDANG
PERLEMBAGAAN (PINDAAN)
(NO. 3) 1993**

Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 4-

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya bercadang menggantikan perkataan ‘dua tahun’ dengan perkataan ‘tiga bulan’. Perbahasan semalam dilanjutkan sampai perbahasan hari ini, dan pindaan tadi mengenai perenggan yang serupa ini, mengenai tempoh dua tahun sebelum genap tempoh Parlimen atau State Assembly, oleh kerana Fasal

4 ialah mengenai State Assembly, tidak akan mengadakan pilihanraya kecil. Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh memberi satu sebab pun yang boleh diterima oleh sesiapa. Satu sebab pun tidak boleh diberi, kenapa memilih dua tahun. Saya cadang tiga bulan, kenapa? Kita ada sebab. Bukan kita tanpa sebab. Di bawah peruntukan Perlembagaan yang kita ada, apabila ada bangkit satu casual vacancy dalam 60 hari iaitu dua bulan, satu pilihanraya kecil perlu diadakan. Baiklah oleh kerana kekosongan sudah tiga bulan sebelum penuh tempoh lima tahun, kita boleh terima. Sungguhpun tak bersetuju prinsip ini, tetapi oleh kerana apa yang ada dalam Bil ini kita kurangkan sehingga tiga bulan, kita tidak mahu kepada dua tahun, kenapa?

Peruntukan Fasal 4 ini mengenai State. Kita faham, kenapa? Sebab politik, bukan sebab Perlembagaan, bukan sebab demokrasi. Sabah mengadakan pilihanraya besar dahulu ialah bulan Jun 1990. Dan apabila ini dikuatkuasakan serta-merta tidak boleh mengadakan pilihanraya kecil di Sabah, itu sahaja. Takut ada pilihanraya kecil di Sabah, takut UMNO Sabah kalah. Saya sudah kata semalam masalah ini boleh dielakkan dengan sangat mudah apabila PBS mengadakan -bubar State Assembly- mengadakan pilihanraya besar di negeri Sabah. Lebih baik sebelum November UMNO ‘big fight’ yang akan datang. Tetapi itu, atas sebab tujuan politik, tidak boleh digunakan untuk meminda Perlembagaan untuk menafikan hak-hak rakyat diwakili oleh Ahli Dewan Undangan Negeri.

Apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri kata dalam dua tahun Kerajaan akan jaga pembangunan mereka. Ini bererti Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri langsung tidak faham konsep Wakil Rakyat. Tidak faham langsung konsep tanggungjawab tugas peranan Wakil Rakyat. Apakah tanggungjawab seorang Wakil Rakyat—ialah untuk mewakili rakyat, menyuarakan aspirasi-aspirasi, hasrat-hasrat rakyat. Itulah Wakil Rakyat, bukan Wakil Kerajaan. Konsep Wakil Rakyat ialah mewakili rakyat. Rakyat ada wakil, bukan rakyat ada Kerajaan. Kerajaan ialah hal yang lain. Sebab ini satu prinsip demokratik yang penting, yang mustahak dan kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini tidak faham, mereka sebenarnya tak layak dan tak patut duduk dalam Dewan ini. Malu! malu! Tak faham tanggungjawab sendiri sebagai Wakil Rakyat. Itulah standard Wakil Rakyat Barisan Nasional. Itulah standard jawapan-jawapan yang kita hari ini dapat daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tak ada standard langsung.

Bukan pembangunan sahaja. Pembangunan ialah hak semua rakyat jelata. Bukan kawasan Barisan Nasional atau kawasan parti Pembangkang. Mereka semua bayar cukai. Bukan bermakna kalau tak mahu beri pembangunan, kawasan itu kawasan Pembangkang, mereka boleh dikecuali daripada bayar cukai, itu blackmail-politics of blackmail, ugut. Kita mahu politik pembangunan, tetapi bukan politics of blackmail. Sampai sekarang kita tak boleh dapat satu sebab kenapa “dua tahun”. Tak tahu sampai sekarang lazimnya Parlimen atau State Assembly tidak menghabiskan tempoh yang sepenuhnya untuk lima tahun, bukan satu alasan. Itu bukan satu alasan kenapa menafikan hak-hak rakyat diwakili oleh Wakil Rakyat yang mewakili mereka dan menyuarakan hasrat mereka dalam Dewan Perundangan, berdiri, bercakap

bagi pihak mereka. Kenapa menafi hak mereka itu.

Seksyen ini pun menyebutkan satu perkataan yang penting, oleh kerana ia bersabit dengan pindaan Jadual Kelapan. Hari ini pun tidak dapat jawapan apa yang saya utarakan semalam. Jadual Kelapan tak patut dipinda oleh kerana adalah satu Jadual di mana memperuntukkan essential provisions, peruntukan-peruntukan pokok yang patut diadakan dalam semua Perlembagaan Negeri dan dicapai daripada satu persefahaman, apabila negara merdeka dipersetujui antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat—satu Jadual dan masa diberi untuk semua pihak comply. Sebenarnya dalam peruntukan Perlembagaan merdeka, adalah lebih jelas 71(4) yang ada sekarang, “If at any time Constitution of any State does not contain the provisions set out in part I of the Eighth Schedule.” Merdeka provisions di atas sebenarnya ada menentukan satu masa—tetapkan masa itu.

Inilah commentary on the Constitution of Malaysia by L.H. Sheridan and Groves, and the following words are significant: “.....after the 30th day of June, 1959, it appears to Parliament.....” Ada tarikh ditetapkan. Itulah apa yang disetujui oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan mengenai tarikh ditetapkan 30hb. Jun 1959.

Itu apa dia? Itu satu sacred contract. Mana boleh unilaterally, iaitu satu pihak sendiri atau Kerajaan Pusat mengubah Jadual Kelapan. Ini merosakkan semangat hak-hak yang ada dalam Perlembagaan. Ini merosakkan konsep Federal States dalam tanah air kita. Sebab itu, ini jadi “usurpation”, tetapi apa jawapannya? Langsung tidak

ada jawapan. Saya harap sekarang kita akan dapat jawapan, bukan kata 'hak kita', tetapi hak yang kita buat tanpa memberi alasan, hak pembangkang untuk membangkang. Itu bukan satu 'open, accountable, transparent government' itu adalah 'closed government, retrogressive government'. Kita mahu satu prestasi prime-ministerial, bukan satu prestasi yang no-standard. Prime-ministerial performance—tunjukkan bahawa Prime Minister berkaliber.

Tuan Pengerusi, masalah ini penting dan mustahak. Kita tidak boleh main-main. Kita ambil perhatian yang serius. Mungkin perkataan-perkataan saya ada menyakitkan hati sedikit, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menunjukkan seriousness yang cukup dan yang perlu ditunjuk.

Tuan Pengerusi, kita boleh lihat dan baca Artikel 71(4) — yang berbunyi;

“(4) If at any time the Constitution of any State does not contain the provisions set out in Part 1 of the Eighth Schedule, with or without the modifications allowed under Clause (5) (hereinafter referred to as “the essential provisions”) or provisions substantially to the same effect, or contains provisions inconsistent with the essential provisions, Parliament may, —itulah yang mustahak—notwithstanding anything in this Constitution, by law make provision for giving effect in that State to the essential provision or for removing the inconsistent provisions.”

Adakah ini bererti oleh kerana kita pinda Jadual Kelapan, *ipso automfacto*,

Atic kepada Perlembagaan-perlembagaan Negeri bahawa peruntukan ini sudah diubah—tidak. Pendirian saya ialah sungguhpun kita meminda Jadual Kelapan, untuk Perlembagaan Negeri-negeri, peruntukan lama masih ada. Oleh kerana ini, emphasise satu masa untuk Perlembagaan-perlembagaan Negeri ditukar dan dipinda supaya consistent, complied dengan ini —baharulah pilih masa yang reasonable, kalau tidak Parliament “May”, baharulah membuat undang-undang. Kalau Parlimen tidak membuat undang-undang tidak boleh 'unilaterally' ditukar dan ini boleh di test dalam court. Kalau kita ada peluang DAP akan test perkara ini dalam 'court' bahawa ini tidak sah—tentu, tetapi apa yang lebih mustahak ialah masalah kedua dalam perkara ini. Tadi saya ada sebut bahawa ini ada mempunyai tujuan politik, untuk UMNO Sabah sahaja. Sebab itu, saya kata bahawa ini sebenarnya UMNO Sabah Bill dan sebab itu pindaan ini tidak wajar, tidak munasabah dan tidak patut dibuat.

Sebab ketiga, apa yang lebih mustahak ialah oleh kerana Jadual Kelapan berkait dengan perhubungan antara Federal dan State, maka sebelum ada apa-apa pindaan dibuat, sekurang-kurangnya perundingan patut diadakan dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini sama ada perundingan-perundingan atau persetujuan-persetujuan telah diperolehi oleh Kerajaan Pusat untuk kemukakan pindaan kepada Jadual Kelapan atau tidak? Atau kita telah sampai ke satu tahap di mana Kerajaan Pusat mahu menggunakan Jadual Kelapan untuk dijadikan Perlembagaan kepada semua negeri —override. Ini sikap anti nasional, oleh kerana ia merosakkan 'Federal-State relationship',

anti-Malaysia. Sikap ini Anti-Malaysia.
[*Tepuk*]

Saya berharap, oleh kerana implikasi yang begitu jauh dan luas, maka kita boleh dapat jawapan, dan saya kemukakan cadangan ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa Pindaan kepada Fasal 4 yang menggantikan perkataan “2 tahun” kepada perkataan “3 bulan”, sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Beberapa Ahli: [*Sorak*]

6.36 *ptg.*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, oleh kerana ini berkaitan dengan Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan, di mana Jadual Kelapan mempunyai 23 Fasal, 15 mukasurat. Yang membuat kacau dan bising itu tadi, mereka tidak baca.

Tuan Pengerusi, lebih baik kita baca Jadual Kelapan dahulu, termasuk Jerai. Kita baca dahulu, kalau tidak baca langsung bagaimana kita hendak sokong Pindaan oleh pihak Kerajaan ini? Itu tidak boleh, Tuan Pengerusi.

Saya sangat bimbang kerana implikasi, consequence dan repercussion yang akan timbul dengan lulusnya pindaan ini, terutamanya daripada Sabah dan Sarawak dan Ahli-Ahli daripada Sabah dan Sarawak termasuk Menteri-Menteri patutlah menyuarakan bagaimana pindaan oleh Kerajaan ini bukanlah begitu simple. Nampaknya pindaan itu hanya satu perenggan sahaja, tetapi bukan satu perenggan. Di dalam

Jadual Kelapan ada 23 Fasal dan kalau kita hanya melibatkan satu perenggan ini sahaja, tanpa mengira implikasi keseluruhannya, maka ini akan menimbulkan huru-hara pada masa hadapan. Apakah yang hendak kita buat kalau pada masa hadapan timbul masalah yang ada kait-mengait dengan Jadual Kelapan ini. Apakah yang hendak kita buat? Balik ke sini untuk meminda semula? Itulah implikasinya, dan saya percaya pihak Peguam Negara tidak memikirkan dan tidak merujuk perkara ini dengan lebih teliti sebelum dipersetujui ataupun menggubal Rang Undang-undang ini. Walaupun saya bulan seorang Peguam, tetapi sebagai Wakil Rakyat saya meneliti apa yang terkandung di dalamnya.

Nampaknya Yang Berhormat Menteri Kewangan pun begitu asyik dengan perkara-perkara yang lain dan tidak memberi pertolongan untuk meneliti pindaan ini sehingga menimbulkan masalah yang samar-samar, masalah yang keliru yang akan menimbulkan implikasi, konsekuensi dan repercussion pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi, kita menyokong pindaan ke atas Fasal 4 ini kerana kami tidak mahu timbulnya kucar-kacir di masa hadapan. Porak-peranda bukanlah diharapkan oleh DAP, tetapi oleh pihak UMNO dan oleh pihak Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, jawapan!

6.39 *ptg.*

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Rasionalnya, mengapa tidak ada pilihanraya kecil dua tahun sebelum pilihanraya umum diwujudkan, tidak payahlah saya jawab lagi kerana saya telah jawab pada permulaannya tadi,

cuma saya jawab berkenaan dengan Schedule 8.

Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam perundingan dahulu untuk menubuhkan Malaysia telah menyetujui tentang adanya Eighth Schedule itu dan apabila Parlimen membuat keputusan seperti itu, Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju mengikut persetujuan asal, menyetujui Perlembagaan mengikut dan jika tidak, Kerajaan Pusat iaitu melalui Parlimen boleh membuat undang-undang untuk menguatkuasakannya. Tidak payahlah mahu tuduh-tuduh orang. Kalau tuan kata Kerajaan tidak berwibawa, saya pun boleh tuduh DAP pun tidak berwibawa. Ini terpulang kepada interpretasi. Tuan-tuan ada mempunyai interpretasi sendiri, kita pun begitu dan serah kepada orang ramai.

Tadi Ketua Pembangkang mengatakan tidak ada seorang pun yang akan menyokong dan menyetujui. Mana boleh? Tadi saya dengar sorak, riuh gembira menyokong pindaan ini. Yang tidak menyokong DAP sahaja. Jadi, macam mana mahu kata tidak ada sokongan dan wakil dari Barisan Nasional mewakili majoriti rakyat negeri ini.

Saya ada jawab soalan dari parti Pembangkang sama ada kita sudah berunding dengan Kerajaan Negeri, memang tidak ada. Kita fikirkan sudah diselaraskan tetapi pada biasanya kita benarkan Kerajaan Negeri membuat perhitungan sendiri seperti Kelantan. Mereka tidak mahu pinda Perlembagaan mengenai Raja-Raja iaitu menurunkan Raja apabila berlaku kesalahan, tetapi kita telah beritahu Kerajaan Kelantan, jika Sultan Kelantan buat kesalahan, walaupun dia tidak mahu pinda

Perlembagaan, kita akan tetap bawa Raja itu ke Mahkamah Khas.

Jadi, apa lagi jawapan wibawa hendak diminta dari saya? Sudah jelas!

Tuan Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan kepada Fasal 4 iaitu menggantikan perkataan “2 tahun” dengan perkataan “3 tahun” hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan Fasal 4 meminda dengan memasukkan tanda “noktah” selepas perkataan “maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi” dan seterusnya menggugurkan baki perenggan itu.

Ini pun mengenai Section 4 Jadual 8, tentulah ada dengar suara sokong. Inilah suara yang tidak faham pun sokong, tidak baca pun sokong, tidak tahu pun sokong. Bukan saya ingat pandai, saya ada kemukakan beberapa pertanyaan soalan yang tidak boleh dijawab, tidak dijawab. Mengenai Jadual 8, Jadual 8 ini ialah satu Jadual di mana semua negeri-negeri bersetuju bagi mengadakan satu penyesuaian Perlembagaan-perlembagaan mereka bersabit dengan “essential provisions”. Bukan memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan “unilaterally” untuk meminda peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan-perlembagaan Negeri. Itu mustahak.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
[Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
[*Pembesar suara tidak dipasang*]
.....Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Samalah!

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
Mana boleh sama? Tidak sama! Tidak sama! Ahli dari Tanjong pun tidak faham juga.

Tuan Lim Kit Siang: Argument tidak faham?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
Tidak faham!

Tuan Lim Kit Siang: Ini keputusan Kerajaan Persekutuan datang ke Parlimen untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
Kalau sekiranya Parlimen tidak setuju, tidak jadi.

Tuan Lim Kit Siang: Yalah, apabila kita kata Kerajaan Pusat, bererti Kerajaan Pusat dan Parlimen. Apabila kita kata Kerajaan Negeri, bererti Kerajaan Negeri dan Dewan Undangan Negeri. Tidak perlulah saya beri detail. Ini faham, basic. Basic. Dalam tahun 1957 satu persetujuan dicapai di mana Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk Dewan Undangan Negerilah, Kerajaan-kerajaan Negeri bersetuju bahawa mereka akan menyelaraskan Perlembagaan-perlembagaan mereka mengikut Jadual 8. Semua bersetuju. Bukan untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat termasuk Parlimen! Bukan memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat supaya ia ada kuasa "unilaterally" menukar Perlembagaan-perlembagaan Negeri tanpa perundingan, tanpa consultation dengan pindaan Jadual 8. Dengan cara

ini, tujuan Jadual 8 sudah tukar character, kualiti dan konsep perhubungan Federal-State sudah dijahanamkan. Adakah faham? Tidak dijawab! Saya tidak mendapat satu jawapan. Jawablah, saya beri jalan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua pandangan di sini. Pengertian Kerajaan ialah bahawa Schedule 8 di sini mesti diikuti oleh Kerajaan Negeri. Ini jelas dalam Perlembagaan tetapi Pembangkang kata tidak. Hanya Kerajaan Negeri bersetuju menyamakan perkara-perkara yang berlainan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat pada tahun yang disebutkan dan parti Pembangkang kata mahu test dalam court. Saya fikir saya setuju. Sekiranya parti Pembangkang menang, Kerajaan akan ikut. Kita akan patuh pada keputusan mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak faham apa yang saya kata. Langsung tidak faham! Dua perkara di sini. Apabila saya kata, "test in court", saya kata mengikut Peruntukan 71(4). Jadual 8 ialah di mana boleh memaksakan Perlembagaan-perlembagaan Negeri mahu menyelaraskan dengan Jadual 8 tetapi apabila kita pinda Jadual 8 sahaja ia tidak *ipso facto* dikuatkuasakan untuk perlembagaan-perlembagaan Negeri oleh kerana jika kita baca 71(4), tentulah bagi Perlembagaan-perlembagaan Negeri, ada masa diberi supaya Kerajaan Negeri atau Dewan Undangan Negeri menyesuaikan atau menyelaraskan Perlembagaan-perlembagaan Negeri dengan Jadual 8. Kalau tidak, barulah Parlimen meluluskan undang-undang untuk memaksakan Perlembagaan-perlembagaan Negeri diselaraskan dengan Jadual 8. Ya, itu dua langkah. Itulah apa yang

saya kata boleh dicabar. Bukan saya kata bahawa Jadual 8 tidak boleh digunakan di mana Kerajaan-kerajaan Negeri perlu patuh, tetapi mereka diberi peluang untuk meminda Perlembagaan dahulu.

Perkara kedua yang saya timbulkan ialah semangat, tujuan, maksud Jadual 8. Tujuan, maksud Jadual 8 ialah apabila kemerdekaan dicapai, Kerajaan-kerajaan Negeri memberi atau mencapai satu persetujuan bahawa mereka mahu menyelaraskan semua Perlembagaan-perlembagaan Negeri dengan satu "set essential provisions" yang terkandung dalam Jadual 8 dan Jadual 8 ada dipersetujui oleh semua negeri-negeri dan bukan untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat termasuk Parlimen untuk "unilaterally" atau tanpa perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk Dewan Undangan Negeri, tukar apa-apa yang dia suka!

Sungguhpun saya bersetuju Jadual 8 boleh digunakan, tetapi perlu dapat persetujuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri; kalau tidak, kita meniadakan dan menafikan semangat "Federal-State relationship concept".

Itu dua perkara. Mungkin lebih baik merujuk perkara ini kepada Peguam Negaralah.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan cadangan spesifik mengenai peranan yang akan dimainkan oleh Tuan Yang di-Pertua di peringkat negeri atau Speaker-Speaker di peringkat Negeri di mana mereka akan heret gelanggang politik untuk menentukan "numerical strength of the party that constitutes a

majority of all the Members of the Chamber is being affected".

Saya ada kemukakan dua masalah. Yang pertama, apa keadaan boleh dikatakan akan timbul untuk masalah numerical strength of the party perlu diuji. Adakah oleh kerana kurang majoriti? Adakah oleh kerana hilang two-thirds majority? Adakah oleh kerana hilang simple majority? Tak ada jawapan.

Kedua, dalam keadaan simple majority, berbagai scenario boleh timbul-saya ada sebut. Ketiga, apa kriteria akan digunakan? Saya ada bertanya, tidak ada jawapan. Jawapan ialah, kita tentulah ada krisis politik, ada orang tengah. Itu bukan jawapan. Apa "orang tengah"? Ini kita hendak pass satu law, bagaimana ianya akan digunakan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata tentulah kita mahu mengelakkan 'bloodshed', tumpah darah, kacau bilau politik. Itu bukan masalah-tumpah darah atau kacau bilau politik. Masalah ialah bagaimana apabila ada satu casual vacancy dalam satu kawasan, satu kawasan baik pun Parlimen ataupun state, Speaker akan menentukan sama ada perlu ambil bahagian oleh kerana numerical strength sudah affected, bagaimana?

Satu orang boleh menentukan majoriti Perdana Menteri atau mungkin seorang yang mati. Seorang sahaja-one vote difference. Apa kriteria? Mungkin lah, I also give up. I also give up, tetapi saya harap.

Dr. Lim Keng Yaik: Confused!

Tuan Lim Kit Siang: Confused?
Yang Berhormat Menteri Perusahaan

Utama, “*soh chai ei sang*”! Seorang doktor yang begitu bodoh! Apa confused? Masalah-masalah yang tepat yang dikemukakan jangan main-main dalam Dewan ini! I give up oleh kerana front bench Menteri semua tak boleh faham! Lebih baik rujuk kepada Peguam Negaralah! Semua datang ke sini untuk undi sahaja, bukan untuk faham! Bukan untuk faham apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini! Tak boleh mengadakan satu intelligent discussion di sini! Tetapi boleh cakap “Eh” sahajalah! Sebab itulah ada orang kata, “*soh chai ei sang*”.

Itulah percakapan saya dan saya harap perkara ini ditimbang dengan mendalam dan cadangan dikemukakan.

Tuan Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan kepada Fasal 4, iaitu dengan memasukkan tanda noktah selepas perkataan “.....maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi” dan seterusnya menggugurkan baki perenggan itu terbuka sekarang untuk dibahas.

6.54 ptg.

Tuan Chian Heng Kai [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk hendak bertanya satu pertanyaan. Saya berharap boleh dapat jawapan, iaitu sebelum peruntukan ini ditetapkan, adakah semua Kerajaan Negeri dipanggil untuk mendengar apa pandangan mereka. Oleh kerana mungkin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berfikir bahawa mungkin Kerajaan Sabah dan Kerajaan Kelantan tak perlu oleh kerana mereka Pembangkang dan anti-Kerajaan Pusat.

Tetapi oleh kerana ini satu pemindaan Perlembagaan, ini satu perkara yang sangat penting dan bukan perkara parti politik. Itu adalah satu hal melibatkan semua Kerajaan Negeri dan semua pandangan negeri harus didengar sebelum ini dibentangkan. Jadi saya berharap, kalau ada bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu kita adakah Kerajaan mengajak mereka membuat satu mesyuarat? Kalau ada, bila mesyuarat itu dipanggil dan mengapa Kerajaan Kelantan atau Kerajaan Sabah tidak dijemput? Kalau ada, adakah mereka enggan menghadiri mesyuarat itu? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya.

6.57 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, saya tahu memang Bil ini akan diluluskan tanpa pindaan. Tapi saya cuma ingin menyentuh kepada bagaimana Rang Undang-undang ini akan menjadi satu senjata atau alat kuat dalam tangan parti PBS di Sabah, walaupun pindaan ini tertumpu kepada peperangan politik di Sabah sekarang, tetapi ianya akan membentuk parti PBS di Sabah.

Tuan Pengerusi, saya pun berasal daripada negeri Sarawak dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak pun ada hadir. Latar belakang kedua-dua negeri ini memasuki ataupun menyertai Malaysia adalah unik. Masalah Federal-State relationship menjadi lebih penting dan berat untuk kedua-dua negeri ini oleh sebab apabila proposal Malaysia ini dicadangkan oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman pada tahun 1961 di

Mesyuarat 'Singapore Foreign Correspondents' Club, kemudian, Kerajaan British dan Kerajaan Malaya pada hari itu telah melantik Cobbold Commission untuk merundingkan dengan rakyat di negeri Sabah yang pada masa itu dikenalkan sebagai "North Borneo" dan rakyat Sarawak. Keputusan Cobbold Commission atau findingsnya ialah bahawa Malaysia adalah dialu-alukan oleh rakyat Sabah dan rakyat Sarawak sekiranya kedua-dua negeri ini dianggap sebagai equal partners.

Selepas itu, satu Inter-Government Committee pun dilantik untuk menyiasat bagaimanakah hasrat rakyat Sarawak dan rakyat Sabah pada ketika itu boleh dimasukkan kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Maka hari ini, Perlembagaan ada Eighth Schedule, ada Article 152 kalau saya tak silap tentang kedudukan bumiputera di negeri Sarawak dan Sabah dan sebagainya termasuk pengagihan kuasa (distribution of powers) di antara negeri dan Persekutuan supaya ianya jadi betul-betul satu Federation-satu Persekutuan.

Maka, dalam imbangan yang begitu sensitif ini, apabila imbangan ini dipinda yang memihak kepada sesuatu pihak seperti Persekutuan, seperti yang terkandung dalam pindaan ini, maka ianya menimbulkan perasaan takut dan kluatir di kalangan rakyat Sabah dan Sarawak.

Saya bangkitkan masalah ini sebab tadi ada seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional dari salah satu negeri Malaysia Timur ini cakap sama dan bangkitkan perkara ini sebab mereka pun rasa. Mungkin Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri pun sedikit kluatir. Oleh

sebab, jikalau dari segi isu casual vacancy di dalam Dewan Undangan Negeri ini boleh dioverride oleh Parlimen, maka apa-apa sahaja entrenched provision pun boleh dioverride termasuklah provision ke atas kuasa imigrasi yang dinikmati oleh negeri Sarawak dan negeri Sabah sekarang serta juga semua perlindungan yang telah pun dipersetujui dalam 20-point agreement yang terkandung dalam laporan Inter-Governmental Committee Report itu. Ianya sekarang mempersoalkan semangat nasional Malaysia ini.

Maka yang paling sedih, betapa tidak sensitif pemimpin Persekutuan terhadap bagaimana susahkah kita buat Malaysia ini. Ini bukan untuk sesiapa-DAPkah atau Barisankah- tidak! Ini untuk suatu Malaysia yang aman pada masa hadapan untuk generasi akan datang.

Dengan ini saya ingin mengucapkan simpati saya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebab dengan ini dia akan mewujudkan halangan kepada dia sendiri dalam Pilihanraya Negeri akan datang di negeri Sabah. Saya sangkakan Barisan Nasional akan kalah teruk di Sabah. Sekian [*Tepuk*].

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
Tuan Pengerusi, Ketua Pembangkang give up. Saya pun give up juga. Pasal berbalik-balik soal itu berbangkit. Saya sudah jelaskan tadi dan suara telah diambil persetujuan dan bangkit lagi dan tadi kata Wakil dari Tanjong supaya serah kepada Attorney-General. Draf ini buatan Attorney-General, nasihat Attorney-General kepada Jemaah Menteri. Jadi mahu rujuk macam mana. Kita sudah bersetuju dia bawa dan kita pun sudah bersetuju kepada pandangan itu. Jadi

tidak perlu lagi. Jadi soal politik tidak harus dicampuradukkan di sini. Saya ucap terima kasihlah atas amaran itu. Dalam politik, kita Barisan Nasional sudah pernah kalah. Dulu di Pulau Pinang pun kita kalah. Di Kelantan sudah dua kali kalah. Di Terengganu pun kalah. Di Sabah pun ada kalah. Itu perkara biasa sahaja. Tetapi DAP yang lebih banyak kalahlah. Kita kalah sikit-sikit sahaja.

Jadi soal Schedule 8 ini, saya sudah sebut tadi ada two interpretasi. Kita kata Parlimen ini supreme, Kerajaan Negeri hendaklah menyelaraskan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Parlimen. Kalau sekiranya Kerajaan Negeri berfikir bahawa mereka sudah di“victimise”, mereka ada tempat mengadu-mahkamah ada, dan kita sedia menerima keputusan mahkamah. Kita boleh betulkan. Tidak ada guna kita bertengkar di sini dengan tidak ada apa keputusan. Keputusan yang boleh dibuat dalam Dewan ini hanya mengangkat tangan sahaja, mengikut undi ramai dan kita ada lagi satu kes, satu tempat di mana kita boleh menyelesaikan masalah ini kerana DAP kata dia yang betul. Kami kata di sini kami yang betul. Dan ada tempat orang ketiga yang boleh tolong menyelesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan kepada Fasal 4 iaitu dengan memasukkan tanda“noktah” selepas perkataan, “maka

kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi” dan seterusnya menggugurkan baki perenggan itu hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi: Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tanpa pindaan dan saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Seperti yang saya sebutkan tadi Rang Undang-undang ini ialah pindaan kepada Perlembagaan dan ia berkehendakkan kepada undian belahbahagian dan persetujuan dua pertiga dan mengikut Peraturan Mesyuarat 46(5) saya memerintahkan supaya belahbahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung-penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing.

Undian dijalankan sekarang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya iaitu Yang Bersetuju, 129 undi; Yang Tidak Bersetuju, 24 undi; dan Yang Tidak Mengundi, Tiada. Oleh yang demikian, lebih dua pertiga suara yang bersetuju sebagaimana yang dikehendaki, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. [*Tepuk*]

YANG BERSETUJU:

YANG TIDAK BERSETUJU:

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Kereta Proton-Pembelian Daripada Institusi Kewangan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kerk Kim Hock.

7.10 mlm.

Tuan Kerk Kim Hock [Pasir Pinji]: Tuan Yang di-Pertua, sejak penubuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, beberapa langkah positif telah diambil untuk melindungi hak dan kepentingan pihak pengguna. Akan tetapi, walaupun aduan demi aduan dibuat oleh pihak pengguna mengenai cara penjualan kereta Proton, Kementerian nampaknya tidak mengambil serius penafian hak para pengguna yang dilakukan oleh EON.

Pihak pengguna telah sentiasa mengadu bahawa mereka dipaksa untuk

membeli aksesori kereta yang mereka tidak ingin membeli. Mereka juga melahirkan ketidakpuashatian mereka tentang syarat EON yang memaksa mereka mengambil pinjaman wang daripada institusi-institusi kewangan yang disenaraikan dalam tender EON. Seorang pengguna, yang membeli sebarang jenis model kereta Proton setelah membayar wang depositnya, boleh membayar baki yang dikehendaki melalui bayaran tunai atau melalui pinjaman wang daripada sebuah institusi kewangan. Akan tetapi, beliau tidak diberi peluang untuk memilih institusi kewangan yang beliau ingini. Beliau cuma boleh mendapatkan pinjaman wang daripada sebuah institusi kewangan yang disenaraikan dalam panel EON.

Apa yang memeranjatkan ialah semua institusi kewangan yang disenaraikan dalam panel EON mengenakan kadar faedah pinjaman yang tetap dan tinggi, iaitu sebanyak 8%. Institusi-institusi kewangan yang tidak disenaraikan dalam panel EON tidak dibenarkan untuk memberikan pinjaman kepada para pembeli walaupun institusi-institusi ini sanggup mengenakan kadar faedah yang lebih rendah sehingga 6%. Ini bermakna bahawa seorang pembeli yang mengambil pinjaman sebanyak RM20,000 bagi tempoh 5 tahun terpaksa membayar wang faedah tambahan sebanyak RM2,000, akibat syarat EON yang menafikan haknya untuk menikmati kadar faedah 6%.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebabnya pembeli-pembeli Proton terpaksa mengambil pinjaman wang daripada institusi yang disenaraikan dalam panel EON dan dipaksa untuk membayar kadar faedah yang lebih tinggi? Perbuatan EON adalah menentang hak dan kepentingan para pengguna. Pembeli-pembeli kereta jenis bukan Proton seperti Nissan, Toyota atau Honda diberi peluang dan kebebasan untuk memilih institusi kewangan mereka. Apakah sebabnya hak pembeli-pembeli kereta Proton dinafikan?

Seorang pembeli kereta Proton juga tidak diberi pilihan sama ada beliau ingin atau tidak membeli aksesori-aksesori seperti, dengan izin, radio-cassette players, power windows, central locking system dan floor mats. Aksesori-aksesori ini dipaksa ke atas mereka sedangkan pembeli-pembeli kereta Nissan, Toyota atau Honda bebas untuk memutuskan sama ada mereka hendak atau tidak untuk membeli barangan-barangan pilihan yang telah dijadikan barangan-barangan wajib oleh EON.

Apakah sebabnya sebuah syarikat swasta seperti EON dibenarkan untuk memaksa pembeli-pembeli membeli aksesori-aksesori yang mereka tidak ingini dan memohon pinjaman wang daripada institusi kewangan yang mengenakan kadar faedah yang lebih tinggi? Jawapan yang diberikan mungkin ialah bahawa pembeli-pembeli bebas

membeli kereta lain sekiranya tidak menerima perbuatan EON. Akan tetapi perlulah kita ingat bahawa kereta Proton adalah kereta yang murah sekali bagi kereta yang mempunyai kapasiti enjin yang sama. Keadaan ini dapat wujud oleh kerana Kerajaan telah memberi layanan yang istimewa kepada kereta Proton dalam aspek cukai import. Maka ini bermakna bahawa pembayar cukai negara kita menanggung subsidi yang tinggi untuk menjadikan kereta Proton sebagai kereta yang murah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*]

Oleh yang demikian, hak mereka haruslah diperindungi dan perbuatan EON yang tidak munasabah haruslah diberhentikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Timbalan Menteri diminta jawab.

7.15 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan dua isu, iaitu kadar faedah sewa-beli dan aksesori kereta. Mengenai isu pertama, EON kini mempunyai 37 buah institusi kewangan yang terdapat di Malaysia yang memberikan kemudahan sewa-beli kepada semua membeli kereta Proton.

Oleh itu, hanya 4 buah institusi kewangan yang tidak disenaraikan dalam panel EON.

Persetujuan telah dicapai di antara pihak EON dan institusi-institusi kewangan ini untuk mengadakan syarat-syarat yang standard, termasuk kadar faedah yang standard untuk kemudahan semua pembeli. Pemberian pinjaman ini dibuat tanpa mengambil kira pekerjaan ataupun pendapatan pembeli-pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak praktikal untuk berunding dengan institusi kewangan bagi setiap pembeli mengenai kadar faedah yang dikenakan. Mungkin terdapat institusi kewangan yang sanggup menawarkan kadar faedah yang rendah tetapi ianya terhad kepada individu dalam pekerjaan, gaji dan jenis kereta yang terpilih sahaja.

Pembeli kereta Proton sebenarnya dibenarkan mengambil pinjaman dari institusi kewangan yang lain, tetapi penjualan sebegini dikira sebagai penjualan tunai di mana pembeli dikehendaki menjelaskan keseluruhan pembayaran sebelum kereta didaftar dan diserahkan kepada pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu aksesori kereta pula, EON telah diberikan kelulusan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk memasang radio cassette, power window, alarm dan central locking system

sebagai aksesori standard untuk kereta Proton. Dalam menimbangkan permohonan EON untuk memasang alat-alat tersebut, Kerajaan berpuashati bahawa pemasangan alat-alat tersebut adalah untuk kebaikan pengguna-pengguna walaupun ia memerlukan perbelanjaan yang lebih sedikit pada masa kereta dibeli. Kalau tidak dipasang semasa dalam kilang pun, kebanyakan pemilih kenderaan akan memasang alat-alat ini selepas kenderaan dibeli.

Oleh itu, adalah lebih baik dari segi prestasi kereta dan prestasi peralatan ini, jika pemasangannya diawasi dan diuruskan oleh Proton dan EON. Ini akan terjamin kualiti kerja pemasangan yang tinggi dan tidak akan menjejaskan hak-hak jaminan atau, dengan izin, warranty yang diberikan oleh EON, aksesori-aksesori ini dijamin seperti juga warranty kereta. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun.

**Projek Tebatan Banjir
Sungai Kelang**

7.18 mlm.

Tuan Fong Kui Lun [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, masalah banjir kilat melanda Lembah Kelang adalah satu yang lumrah berlaku sepanjang lebih

kurang 10 ke 15 tahun yang lalu setiap kali hujan lebat turun di kawasan ini. Kawasan-kawasan rendah di tepi Sungai Kelang dan di longkang besar dan kecil sentiasa terdedah dengan ancaman ini, sama ada ia terletak di Kuala Lumpur, Petaling, Shah Alam dan Kelang, ia tidak boleh lari dari serangan banjir kilat yang merosakkan kehidupan masyarakat setinggan, para pekedai, penduduk-penduduk miskin yang tidak berupaya melawan apabila banjir menjelang tiba.

Setiap kali banjir menyerang, setiap itulah seruan demi seruan berkumandang di udara, baik dalam media elektronik mahupun dalam media cetak supaya pihak Kerajaan mengambil tindakan tegas dan konkrit bagi mengatasi masalah banjir kilat. Rakyat sudah banyak mengalami kerugian akibat harta-benda mereka terperangkap dalam air dan tidak boleh digunakan lagi dan kenderaan yang terperangkap dalam banjir menyebabkan ramai kakitangan lambat datang ke pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, DAP memahami bahawa Kerajaan mempunyai rancangan tertentu untuk mengatasi masalah banjir kilat di Lembah Kelang sejak 10 tahun lalu tetapi tahun demi tahun berlalu dan kejadian demi kejadian berulang. Namun projek tebatan banjir Sungai Klang berjalan lebih perlahan dari kura-kura.

Tuan Yang di-Pertua, ketiadaan peruntukan bagi projek tebatan banjir ini secara khusus boleh disifatkan projek ini sebagai terbengkalai. Kerajaan nampaknya lebih mengutamakan projek

lain dari mengatasi masalah banjir kilat. Keadaan Sungai Klang yang sudah tohor, cetek dan sempit akibat berlaku pemendapan tidak perlu menunggu terlalu lama untuk dibersihkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu mengadakan peruntukan segera dan menjalankan projek tebatan banjir secara serentak di empat daerah iaitu di Kuala Lumpur, Petaling, Shah Alam dan Klang. Bandar Klang yang sentiasa menghadapi banjir air pasang dari Sungai Klang dan bertambah buruk apabila hujan turun yang mengakibatkan banjir kilat di banyak kawasan rendah mudah banjir.

Tuan Yang di-Pertua, pada 12hb. Mei, 1993 saya ada membangkitkan soalan untuk jawapan bertulis tentang projek tebatan banjir Sungai Klang. Dalam jawapannya, Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan bahawa daripada jumlah RM27 juta yang diperuntukkan sehingga akhir Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak RM8.1 juta telah dibelanjakan dan untuk Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak RM870,000 telah diluluskan. Walaupun setakat ini, umpamanya dalam kawasan saya Klang, beberapa kawasan pinggir bandar telah menikmati faedah dari projek tebatan banjir tetapi masih banyak lagi kawasan yang belum disentuh, dibaiki dan dipertingkatkan terutama di dalam bandar Klang. Apakah yang dapat dibuat dengan peruntukan yang kecil?

Di samping masalah Sungai Klang yang belum dilebar dan dikorek, kita dapati bahawa kawasan perumahan dan perindustrian yang baru dibuka atau sudah lama, tidak disediakan dengan saliran dan longkang yang cukup besar yang boleh menampung dan mengalirkan air apabila hujan lebat turun. Contohnya, dalam bandar Klang, kawasan perindustrian Bukit Raja dan kawasan perumahan baru tidak mempunyai sistem saliran dan longkang yang baik. Begitu juga di kawasan-kawasan yang lain dalam Lembah Klang, hal sedemikian agak lumrah.

Tuan Yang di-Pertua, hujan lebat yang turun sejak awal bulan Jun yang menyebabkan banjir kilat berlaku yang melanda banyak tempat serta menimbulkan kesesakan lalulintas adalah contoh yang nyata.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mengatakan ekor banjir kilat bahawa banjir kilat yang terburuk itu adalah luar biasa akibat hujan lebat berterusan dan bukan kelemahan dalam sistem perparitan. Nampaknya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyalahkan takdir dan bukannya tangan manusia yang membawa bencana ini. Adakah sistem parit, longkang dan sungai yang tersumbat berpunca dari pembuangan sampah-sarap dan bahan buangan yang tidak teratur serta kerja-kerja merata bukit-bukit untuk projek

pembangunan tanpa ada kawalan dan pencegahan ke atas hakisan tanah? Adakah itu satu takdir atau sikap lalai manusia sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan penebatan banjir yang dipohon oleh Jabatan Parit dan Saliran dan pihak-pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Klang masih belum diberikan lagi. Mengapakah Kerajaan mengambil mudah perkara ini? Jika Kerajaan serius melaksanakan projek tebatan banjir sebelum ini, saya berpendapat bahawa banjir kilat yang melanda tidak seburuk yang kita saksikan. Malah Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Negara pernah mencadangkan supaya Kabinet menyegerakan pengeluaran peruntukan projek tebatan banjir. Ini jelas menunjukkan Kerajaan mengabaikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak nampak dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang kini diedarkan untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini tentang peruntukan bagi projek tebatan banjir atau seumpamanya. Saya harap Kerajaan menyediakan peruntukan yang lebih besar menerusi Kumpulanwang yang ada untuk tujuan menyegerakan dan melaksanakan projek penebatan banjir Lembah Klang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila Jawab.

7.26 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, projek tebatan banjir telah bermula pada tahun 1973 iaitu berikutan banjir besar yang melanda Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2005. Kos keseluruhan projek ini dianggarkan sebanyak RM760 juta dan perbelanjaan terkumpul sehingga kini adalah lebih kurang RM215 juta. Ini bermakna bahawa sehingga kini hanya 30% daripada keseluruhan projek tebatan banjir telah disiapkan dan baki 70% kerja akan dilaksanakan dengan kadar segera bagi mengatasi masalah banjir di Lembah Klang dan Sungai Klang.

Kerajaan sememangnya berusaha untuk mengurangkan masalah banjir di kawasan Lembah Sungai Klang dengan memperkenalkan beberapa program iaitu:

- (i) Rancangan Tebatan Banjir Lembah Sungai Klang;
- (ii) Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan; dan
- (iii) Program 10 tahun Pembersihan Sungai Klang.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan sejumlah RM91.7 juta telah disediakan di bawah Rancangan Tebatan Banjir Lembah Sungai Klang; RM20 juta bagi Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan RM10 juta bagi program kecil membuang kelodak di bawah Program 10 tahun Pembersihan Sungai Klang.

Pada masa ini Jabatan Pengairan dan Saliran sedang mengkaji semula keseluruhan aspek projek tebatan banjir. Rancangan perparitan dan program 10 tahun yang telah dan akan dilaksanakan dengan mengenalpasti kawasan-kawasan di mana pelaksanaan projek mencegah banjir perlu dipercepatkan dan diberi keutamaan. Pada masa yang sama, kerja-kerja membuang kelodak di Sungai

Klang dari Jambatan Lebuhraya Persekutuan hingga Jambatan jalan Puchong sepanjang 17 km dengan kos RM3.9 juta sedang dijalankan.

Perancangan sedang dijalankan di kawasan hilir Sungai Klang daripada Jambatan Jalan Puchong ke Kuala Sungai Klang dan kerja-kerja ukur dijangka siap pada tahun ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 petang.